



M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11181]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:**

**Kematian Pelatih Pusat Serenti Tampin dan Keseksaan Tahanan Pusat Pemulihan
Jabatan Penjara Batu Gajah—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)**
[Ruangan 11234]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan
Penangguhan [Ruangan 11286]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 11240]

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 11267]

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi [Ruangan 11289]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) (Ruangan 11320)

Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) [Ruangan 11343]

Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) [Ruangan 11370]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) [Ruangan 11386]
Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 11394]
Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) [Ruangan 11396]
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 11398]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., SP.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

”Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG S , S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

”Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

”Menteri Perusahaan Ulama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

”Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

”Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

”Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAHDAH Azz, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

”Menlcri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

”Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.JC., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun Langkawi).

”Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

”Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

”Menteri Luar Negeri, DATO* HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

”Menieri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

”Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

”Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.
(Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, SPML, SIMP, SSII, P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAPPA DIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., I.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAL, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.I., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
 - ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
 - ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
 - ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
 - ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
 - ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
 - ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALJAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
 - ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
 - ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
 - ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
 - ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
 - ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
 - ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
 - ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
 - ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
 - ” SetiausahaParlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
 - ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
 - ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN PAH KUI (Lambir).
 - ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 - ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
 - ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
 - ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negeradan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- TUAN HAJI ABDULRAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO* ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.I.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langai).
- DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- TUAN HAJI GHAZAU BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

Yang Berhormat TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu),

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN LAINOS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOH P. PANSAL (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.H.N., PS. (Kuala Kerai).

TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAH MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

- Yang Berhormat TuANMoHAMMADSuBKYBiNHAjiABDULRAOF,A.M.N.,pj.M.(BalikPulau).
 TUAN HAJI MOHAMMEO YUSOFF BIN Hxn ABDULLATIPP, J.P. (Tasek Gelugo*).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.O.S.M. (Alor Gajah).
 TiAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
 TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
 TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.MJC. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HTTAM, S.P.M.J., s.s.u., S.P.M.S., D.UN.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.J.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
 TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
 DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KTTINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 TUAN P. PATTO (Ipoh).
 TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, ~~PNBS~~, P.C., K.M.N., A.M.J. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
 DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

Yang Berhormat TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

- „ ” DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 PUAN HAJAH SHARIPPAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J.,
 ” A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
 ” TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
 ” TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
 ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 ” TUAN TEOH TEH HUAT (Bagan).
 ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 ” TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
 ” TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
 ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
 ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P.
 (Tambun).
 ” PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.
 (Sik).
 ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
 ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K.
 (Besut).
 TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M,

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Roziiia binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (6) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 15hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-
JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**FAMA—MEMBANTU KAUM
PETANI**

1. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pertanian menyatakan setakat mana FAMA dapat membantu kaum petani dalam pemasaran hasil-hasil tanaman mereka di dalam dan di luar negeri. Sila nyatakan pasaran tersebut dari segi perangkaan sejak tahun 1986.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, FAMA dapat membantu petani-petani di seluruh negara melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada mereka seperti berikut:

- (i) Para petani dapat memasarkan sendiri hasil-hasil pertanian mereka secara terus melalui pasar tani-pasar tani ditubuhkan oleh FAMA di seluruh negara. Dengan itu, petani mendapat harga yang lebih tinggi bagi hasil-hasil mereka kerana tidak melibatkan orang tengah. Sehingga September 1989, FAMA telah menubuhkan 100 buah pasar tani di seluruh negara dan berjaya mewujudkan saiz pasaran di dalam negeri dengan

jumlah jualan sebanyak \$30 juta tiap-tiap tahun yang melibatkan penyertaan seramai 3,300 orang petani, penternak dan nelayan.

- (ii) Para petani juga dapat mengurangkan kerosakan, kerugian hasil-hasil pertanian selepas menuai menerusi pengawalan mutu dan aspek-aspek pengendalian sebelum dan selepas tuai yang sentiasa diberi keutamaan di dalam kursus-kursus kepada petani-petani. Mereka juga telah dapai meningkatkan tahap keusahawanan dan daya maju masing-masing menerusi kursus-kursus asas pemasaran dan kejurujualan serta pemerosesan.
- (iii) Melalui khidmat urusniaga, FAMA mengatur pasaran di mana petani-petani diutamakan dengan pembeli untuk memudahkan jualan hasil mereka dengan sendiri. FAMA juga menyediakan ruang pasaran tambahan kepada petani-petani dengan membeli secara terus di mana petani-petani menghadapi masalah memasarkan hasil-hasil mereka. Di masa-masa kejatuhan harga yang teruk, FAMA pula menjalankan operasi penyelamat dan membeli hasil pertanian dari petani-petani kecil dengan harga yang tidak merugikan mereka.
- (iv) Menerusi khidmat sokongan pemasaran petani-petani mendapat maklumat pemasaran yang lebih lepat dan cepat untuk

membolehkan mereka membuat perancangan yang baik dalam usaha pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saiz pemasaran, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hasil-hasil keluaran petani mempunyai pasaran tempatan dan luar negeri yang lebih luas. Kempen-kempen galakan dijalankan seperti Kempen Susu Segar, Kempen Kelapa Muda, Kempen Cendawan, Kempen Buah-buahan Tempatan dan Kempen Sayur-sayuran dan Ulam. Menerusi kegiatan galakan pemasaran di luar negeri saiz pasaran juga berkembang, umpamanya eksport buah belimbing telah bertambah dari 8,000 metrik tan dalam tahun 1986 kepada 13,022 metrik tan dalam tahun 1988 dan eksport sayur-sayuran bertambah dari 102,701 metrik tan kepada 356,956 metrik tan dalam jangka masa yang sama.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Darpada jawapan Yang Berhormat tadi jelas menunjukkan bahawa Kerajaan melalui FAMA dan menerusi FAMA sebagai satu agensi untuk membantu pekebun-pekebun kecil telah mencapai kejayaan. Namun begitu, saya ingin bertanya Yang Berhormat, walaupun dari segi bantuan yang diberi itu menampakkan kemajuan dan kejayaan tetapi bagi pihak FAMA sendiri sejauh manakah mampu untuk mencapai kejayaan dari segi operasi, dari segi harta dan sebagainya dalam pasaran? Saya rasa walaupun FAMA ini mungkin berjaya membantu tetapi dari segi membantu diri sendiri itu oleh kerana wang yang diperolehi itu sumbangan Kerajaan sejauh mana FAMA ini benar-benar berjaya.

Yang keduanya, Yang Berhormat telah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kempen Ulam, Kempen Minum Air Kelapa Muda, Kempen Makan Daging Arnab dan sebagainya telah berjaya. Jadi sejauh manakah

kejayaan telah dicapai ini dari segi statistiknya, kalau dapat Yang Berhormat beri. Saya tahulah Yang Berhormat akan beri jawapan itu minta notis kerana angka. Tetapi cuba sedikit sebanyak untuk memberi dorongan kepada Ahli Yang Berhormat di sini bahawa kempen yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian ini betul-betul berkesan.

Yang ketiganya, bolehkah kita anggap FAMA ini sebagai satu agensi ke arah price stabilisation, dengan izin. Adakah ia benar-benar price stabilisation ataupun ia membantu semata-mata untuk membanu sahaja. Itu sahaja.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu ada kemukakan soalan-soalan yang besar sangat. Pertama, sejauh manakah FAMA dapat membantu sendiri. Saya hendak menjelaskan di sini bahawa peranan yang dimainkan oleh FAMA sekarang telah berubah daripada masa dahulu. Dahulu FAMA secara terus mengambil bahagian dalam memasarkan hasil-hasil perlanian daripada petani-petani, tetapi sekarang polisi sudah berubah. FAMA hanya menyediakan tempat-tempat dan pasar-pasar untuk membantu petani-petani menjual dengan secara terus hasil-hasil mereka sendiri. Jadi, peranan ini telah berubah. Kalau ditinjau dari segi membantu, FAMA sendiri mungkin dari segi ini tidak ada meningkatkan pencapaiannya, tetapi dari segi membantu petani-petani mencari pasaran itu kita berjaya dan mempertingkatkan perkhidmatan kita. Itu

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Dia tidak habis lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Penjelasan saya ialah hendak dari segi "annual statement", macam mana?

Tuan Ong Tin Kim: Jikalau hendak "annual" angka itu, saya hendak minta notislah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Belum habis lagi, dia tengah menjawab, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Berkenaan soalan yang kedua daripada Yang Berhormat dari Simunjan itu, dia hendak angka-angka kemajuan ataupun peningkatan penjualan-penjualan arnab atau kelapa muda dan ulam dan sayur-sayuran, kalau saya hendak bagi maklumat itu, saya ingat mengambil masa 20 minitnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli dari Simunjan itu sangat tertarik hati perkara ini, sayaboleh jawab dengan bertulis. Lagi ada satu soalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada lagi?

Tuan Ong Tin Kim: Soalan yang ketiga iaitu FAMA menjadi agensi untuk price stabilisation ataupun membantu petani. Dari segi stabilisation of the price hasil-hasil petani-petani itu, FAMA sekarang hanya memainkan peranan yang kecil. Saya ambil satu contoh, sekiranya harga-harga lada hitam ataupun harga-harga nyiur-kelapa jatuh, FAMA akan mengambil tindakan untuk membeli daripada petani-petani terus dengan harga yang berpatutan supaya harga itu jangan turun lagi. Dari segi itu sahaja untuk menolong stabilisation of the price, dengan izinnya. Selain daripada itu, peranan FAMA ialah membantu menyediakan pasar-pasar dan tempat-tempat jualan untuk petani-petani.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan kejayaan yang telah dicapai oleh pihak FAMA dalam memasarkan buah

belimbing besi di pasaran antarabangsa tetapi apa pula strategi-strategi yang telah dikenalpastikan oleh pihak FAMA dalam memasarkan buah-buahan seperti nenas dan pisang di pasaran antarabangsa. Adakah pihak FAMA juga akan membuat sesuatu yang sama seperti mana yang telah dibuat dalam memasarkan buah belimbing?

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, strategi FAMA untuk memperluaskan pasaran-pasaran kita di luar negeri ialah mengadakan pameran-pameran di negeri-negeri yang kita anggap "potential market" bagi buah-buahan atau sayur-sayuran kita. Kita juga mengadakan ceramah-ceramah untuk memperkenalkan hasil-hasil buah-buahan dan sayur-sayuran kepada orang-orang luar negeri. Selain daripada itu, FAMA juga mengutip maklumat-maklumat berkenaan pasaran-pasaran antarabangsa dan juga dalam negeri supaya petani-petani kita dapat maklumat-maklumat itu dengan cepat dan tepat supaya mereka boleh dapat memasarkan hasil-hasil mereka dengan harga yang berpatutan dan juga dapat dipasarkan hasil-hasil mereka di tempat di mana jualan itu akan digalakkan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Perlua, cuma satu penjelasan sahaja. Sebenarnya, apa yang saya sebutkan tadi bukan sayur-sayuran tetapi buah-buahan seperti nenas dan pisang. Dua perkara yang agak khusus.

Tuan Ong Tin Kim: Itu dalam jawapan saya pun tadi kata buah-buahan ataupun pisang tetapi saya tambah sayur-sayuran itu. Kita mengadakan ceramah, pameran dan juga seminar-seminar dan sebagainya untuk memperluaskan pasaran kita di luar negeri.

HOSPITAL DESA, CHANGKAT MELINTANG—PENGURUSAN

2. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kesihatan

menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah Kerajaan bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan hospital-hospital termasuk Hospital Desa, Changkat Melintang, Perak yang mana sudah sampai masanya dinaikkan ke taraf Hospital Daerah dan memerlukan bangunan tambahan dan katil-katil memandangkan kadangkala katil tidak mencukupi dengan bertambahnya pesakit-pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah pun diambil oleh Kementehaan untuk melicinkan pentadbiran hospital ialah dengan menempatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman sebagai pegawai perubatan hospital. Di samping itu, dari masa ke semasa, pegawai-pegawai pengurusan serta Ketua-ketua Jabatan juga diberi latihan dalam bidang pentadbiran dan penyeliaan supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Kementerian Kesihatan telah juga mengedarkan garis panduan mengenai aspek-aspek pentadbiran untuk melicinkan pengurusan hospital.

Mengenai menaikkan taraf Hospital Desa Changkat Melintang, di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) beberapa projek telah pun diluluskan untuk pelaksanaannya. Ini termasuk projek memperbaiki Jabatan Pesakit Luar, Projek pemasangan peti sejuk mayat ataupun "freezer" dan projek bekalan air Hospital Desa Changkat Melintang.

Berkenaan dengan tambahan katil, dalam tahun 1988 kadar kegunaan katil hanyalah 56% sahaja. Pertimbangan sewajarnya akan diberi untuk tambahan kecil sekiranya ada keperluan di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir).

AMANAH SAHAM NASIONAL/ AMANAH SAHAM HARTANAH— PERBEZAAN

4. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) perbezaan antara Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Hartanah (ASH);
- (b) mengapakah perlu dipisahkan ASN dan ASH sedangkan keduanya boleh disatukan di bawah naungan ASN sahaja;
- (c) apakah Kerajaan benar-benar yakin dengan pelaburan ASN/ASH dalam bidang hartanah sedangkan bidang tersebut belum menampakkan prospek yang baik setakat ini; dan
- (d) bagaimana kemajuan ASN dan PNB setakat ini:
 - (i) berapakah jumlah pelabur dan wang yang sudah dilabur; negeri manakah paling ramai melabur; dan
 - (ii) syarikat-syarikat mana yang kita masuki setakat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Hartanah (AHP) mempunyai perbezaan nyata dari segi ke mana kewangan skim berkenaan dilaburkan dan jumlah tabungannya.

Bagi skim ASN ianya dilaburkan dalam saham-saham ekuiti syarikat di pelbagai sektor seperti perindustrian, perlombongan, kewangan dan perladangan. Sementara skim AHP pula, pelaburannya dibuat dalam sektor

hartanah seperti bangunan pejabat Plaza IBM dan kompleks membeli-belah Jaya Jusco, kedua-duanya di Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur. Dari segi tabungan, Tabung AHP adalah trchad sehingga 100 juta unit sahaja sementara Tabung ASN tiada hadnya.

(b) Pelaburan di dalam Skim ASN tidak boleh disatukan dengan pelaburan di dalam AHP kerana kedua-dua saham amanah ini adalah berlainan jenis, cara pengurusannya dan sasarannya. Pelaburan Skim ASN adalah saham amanah ekuiti yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad dan dibuka kepada bumiputera sahaja manakala pelaburan AHP adalah saham amanah harta tanah yang diuruskan oleh Pelaburan Hartanah Nasional Berhad dan terbuka kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Bagi soalan (c) meskipun saham amanah hartanah adalah bentuk pelaburan yang baru tetapi ia berpotensi dan adalah satu usaha ke arah memperkembangkan pasaran modal. Bagi AHP pula, pembelian kedua-dua bangunan adalah pada harga \$ 194 sekaki persegi berbanding dengan nilai pasaran pembelian terbaru melebihi \$400 sekaki persegi. Ini bermakna AHP mempunyai potensi untuk menikmati kenaikan modal yang disalurkan kepada pelabur-pelabur dalam bentuk bonus, apabila kedua-dua bangunan tersebut dinilai semula dalam tahun tempoh sekurang-kurangnya 18 bulan. Dengan demikian, prospek pelaburan hartanah AHP adalah baik dan dijangka dapat memberi pulangan yang berpatutan.

Bagi soalan (d), jumlah pelaburan Skim ASN sehingga 31hb Sepetember, 1989 ialah 2.4 juta orang dengan nilai pelaburan terkumpul yang diperolehi sebanyak \$4.2 billion (tidak termasuk dividen dan bonus), Negeri yang paling ramai melabur ialah Wilayah Persekutuan dengan pelabur seramai 205,388 orang atau 78.69% diikuti Negeri Sembilan—67.8% dan Negeri Sabah—66.50%.

Bahagian kedua, soalan (d), pelaburan Skim ASN adalah meliputi syarikat-syarikat yang disembutharga di Bursa Saham Kuala Lumpur dan yang tidak disembutharga dalam pelbagai sektor.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar dalam pelaburan Amanah Saham Nasional yang berjumlah 2.4 juta orang dengan nilai pelaburan \$4.2 billion di mana yang mewakili dari golongan yang berpendapatan rendah tidak lebih daripada 2% mengikut kajian yang dibuat oleh salah seorang pensyarah universiti. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membaiki keadaan ini supaya pelaburan di dalam Amanah Saham Nasional ini dinikmati oleh golongan di peringkat bawah daripada golongan yang dapat melabur dari jumlah had maksima sampai \$100 ribu.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Amanah Saham Hartanah apakah Amanah Saham Hartanah mempunyai rancangan pada masa akan datang untuk membeli bangunan-bangunan yang sudah beralih tangan, yang terdapat di Kuala Lumpur banyak ada yang sudah dipindah milik oleh pihak asing, termasuk hotel-hotel dan juga bangunan-bangunan di mana sebahagiannya kita dapat tahu sudahpun dibeli oleh pihak asing seperti daripada Singapura, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kalau betul Yang Berhormat mengatakan bahawa berasaskan kepada kajian sebanyak 2% daripada kalangan yang melabur itu adalah dari kalangan yang peringkat rendah, kita sedia maklum bahawa skim ini terbuka kepada semua kaum bumiputera dan berasaskan kepada kemampuan dan keupayaan dan peluang mempunyai modal yang tidak dikiralah seluruh peringkat masyarakat. Namun demikian, berbagai usaha yang telah

dilakukan oleh pihak pengurusan skim ini yang telah ditingkatkan untuk membolehkan sebahagian besar dari kalangan bawah bagi membolehkan mereka banyak melabur di dalam perkara ini dengan melakukan berbagai cara dan usaha pemasaran untuk mendapat mereka boleh membeli lebih banyak di dalam skim ini. Jadi, perkara ini terpulang kepada kemampuan daripada kalangan tumpuan sasaran tertentu. Dari segi AHP, perkara ini terpulang kepada pihak pengurusan AHP ini. Walau macam manapun pandangan dari Yang Berhormat itu diambil perhatian,

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apakah yang mendorong pihak Kerajaan untuk kerana kebetulan saya tengok Jaya Jusco dan IBM ini berdekatan dan berada di Taman Tun Dr Ismail. Jadi nampaknya mungkin ada juga bangunan-bangunan lain yang harganya yang lebih murah dan sebagainya. Apakah yang mendorong pihak ASN untuk mengambilalih bangunan ini sebagai aset.

Yang keduanya, dengan terlancarnya Amanah Saham Hartanah yang memberi peluang untuk tiap-tiap pelabur membeli \$100,000 seorang, jadi bermakna jumlahnya \$200,000 campur suami isteri \$300,000 ribu. Tidakkah ini juga mendorong nanti wujudnya perbezaan di antara yang miskin dengan yang kaya kerana kebanyakan dari pelabur luar bandar hanya mampu melabur paling tinggi \$30,000 atau \$20,000 sedangkan kemampuan yang diberi atau had yang diberi ialah sampai \$300,000, \$250,000 atau \$150,000 seorang. Kalau suami isteri \$300,000. Jadi macam mana penjelasan daripada pihak Kementerian.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, kita serahkanlah kepada budi bicara pihak pengurusan AHP, mestilah ada perkiraan, viability dan pertimbangan yang diberikan untuk menentukan

pemerolehan dalam soal Amanah Harta Tanah ini.

Mengenai soal untuk memberi peluang lebih banyak kepada yang kurang berpendapatan, Kerajaan menyediakan skim-skim ini dengan tujuan untuk memberi peluang kepada semua pihak. Jadi bagi yang mampu dan bagi yang berkeupayaan tidak kiralah suami-isterikah atau persendiriankah, itu terpulang kepada keadaan. Kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan, untuk membolehkan kita meningkatkan lagi pasaran modal dan memperkembangkan supaya ekonomi negara ini menjadi lebih dinamis.

PEJABAT PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI LUAR NEGERI

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan;

- (a) Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia (Kedutaan) di luar negara yang mempunyai bangunan sendiri dan sewa;
- (b) adakah rancangan Kerajaan untuk menjadikan Pejabat Kedutaan Malaysia sebagai "Pusat Serenti" (One-Stop Agency) bagi tujuan diplomatik, perdagangan dan pelaburan serta pelancongan; dan
- (c) apakah Kedutaan Malaysia yang lain yang akan ditubuhkan di masa akan datang.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Kadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada keseluruhannya terdapat 62 buah pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri yang merangkumi 53 buah negara. Daripada kesernua jumlah ini sebanyak 20 buah tempat mempunyai pejabat perwakilan

yang dimiliki oleh Kerajaan manakala 4 tempat adalah di dalam perancangan untuk pembinaan bangunan sendiri iaitu di Kuwait, Jakarta, Medan dan Brunei Darussalam. Satu tempat lagi ialah perwakilan di Tokyo yang sedang dalam proses pembinaan semula.

Selain daripada pejabat-pejabat perwakilan, Kerajaan juga mempunyai 26 buah bangunan Kediaman Rasmi Ketua Perwakilan. Sebanyak 45 buah bangunan kediaman Rasmi adalah di dalam proses pembinaan. Di samping itu juga Kerajaan mempunyai 63 buah unit kediaman kakitangan di mana 24 daripadanya terdapat di Jakarta dan 29 buah unit lagi terdapat di Tokyo yang di dalam proses pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini Kerajaan terpaksa menyewa bangunan-bangunan pejabat perwakilan di 41 buah tempat di luar negara yang melibatkan jumlah sewaan sebanyak \$9,095,463 setahun,

Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri sememangnya sedar bahawa Kerajaan perlu memiliki bangunan-bangunan sendiri, khususnya di negara-negara maju di mana kadar sewanya terlalu tinggi. Ianya adalah di dalam perancangan Kementerian Luar Negeri dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Dengan ini, Kementerian Luar Negeri berharap untuk mendapat peruntukan yang lebih di bawah Rancangan Malaysia Keenam agar perancangan Kementerian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

(b) Uniuk makluman Yang Berhormat, konsep Pusat Serenti ataupun, dengan izin, (One-Stop Agency) adalah tidak boleh dilaksanakan ataupun diaplikasikan dengan fungsi-fungsi Pejabat-pejabat Perwakilan kita di luar negeri di mana fungsi-fungsi utama Pejabat-pejabat perwakilan ini adalah untuk menjaga dan mcmperingkatkan imej dan kepentingan-kepentingan negara dan juga untuk mewujudkan hubungan kerjasama yang rapat dan berfaedah dengan negara-negara tuan rumah dalam semua bidang. Di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ini, Wisma Putra melalui kerjasama dan consultancy yang rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain terus berusaha bagi memastikan supaya kesemua objektif-objektif dan data-data Kerajaan dapat dicapai dengan berkesan.

Pada tahun 1988, misalnya Konsep Organisasi Bersepadu telah diperkenalkan dengan tujuan untuk memastikan pendekatan yang lebih berkordinasi dan kemas ke atas semua aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh sesuatu Perwakilan di mana terdapat wakil-wakil daripada agensi-agensi Kerajaan yang lain.

(c) Kerajaan dalam masa jangka pendek ini belum lagi mempunyai rancangan untuk menubuhkan Pejabat Perwakilan baru di luar negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menubuhkan Pejabat Perwakilan baru apabila keperluan untuk berbuat demikian timbul.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya iaitu apakah kriteria yang

dipilih di dalam usaha membina Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seberang laut?

Yang kedua, bolehkah dinyatakan kandungan-kandungan utama bagi melaksanakan konsep organisasi bersepadu terhadap pembinaan sesebuah pejabat itu?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang ditentukan oleh Kerajaan kita untuk menubuhkan sesebuah perwakilan di luar negeri adalah dengan wujudnya hubungan dua hala yang lebih pesat, lebih banyak daripada segi perhubungan politik, perdagangan, pelajaran dan sebagainya. Inti dibuat dari semasa ke semasa untuk kepentingan negara kita bagi memperluaskan lagi pengaruh ataupun dasar-dasar Kerajaan kita supaya diperkenalkan oleh negara-negara tertentu dan juga bagi menggalakkan lagi perdagangan, menarik pelaburan serta pelancongan ke dalam negara kita.

Keduanya ialah tentang konsep bersepadu yang mana ianya dibuat untuk menyelaraskan segala kegiatan agensi-agensi Kerajaan yang lain di mana ada wujudnya Pejabat Perwakilan kita supaya Ketua perwakilan kita iaitu Pesuruhjaya Tinggi ataupun Ambassador kita akan dilantik sebagai pengetua di sesebuah tempat itu yang mana beliau dapat mengawasi segala peranan dan segala kerja-kerja yang dibuat bukan sahaja oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Perwakilan tetapi juga agensi-agensi Kerajaan yang lain dapat diselaraskan demi untuk melicinkan lagi pentadbiran dan usaha-usaha kita untuk menaikkan lagi imej dan prestasi Kerajaan kita di peringkat luar negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang betapa mustahaknya masalah keselamatan untuk Duta-duta Besar kita

ataupun kakitangan Kedutaan Malaysia di luar negeri, misalnya apa yang berlaku di Manila baru-baru ini di mana Kedutaan Malaysia di Manila dikehendaki untuk memberi perlindungan kepada rakyat Malaysia. Di sini saya ingin bertanya sama ada dalam proses untuk membina bangunan-bangunan baru untuk Kedutaan Negara kita sama ada aspek-aspek keselamatan ada diambil kira?

Kedua ialah berkenaan dengan bangunan-bangunan di mana kita tidak dapat memiliki atau mempunyai bangunan sendiri, adakah pihak Kementerian menghadkan sewa yang kita berupaya untuk menanggung apabila kita dikehendaki untuk menyewa bangunan itu dan adakah Kementerian mengadakan satu polisi atau dasar jangka panjang untuk memastikan bahawa apabila sudah sampai satu tempoh, kita boleh mengadakan bangunan sendiri dan tidak payah untuk menyewa dan cara ini juga kita dapat menyelamatkan wang Kerajaan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya sebelum kita membuat atau membina sesebuah Pejabat Kedutaan kita di luar negeri, aspek-aspek keselamatan tetapi di beri perhatian yang tertentu dan terpenting. Jika sekiranya terdapat keadaan seperti di Manila, oleh kerana ada masalah yang tertentu wujud di sana, maka masalah keselamatan dipertambah dan diperketatkan lagi, Kerajaan melalui Wisma Putra telah memberikan lebih banyak peruntukan bagi memperketatkan masalah keselamatan di Pejabat Kedutaan kita juga di kediaman rasmi Duta dan Kedutaan kita di Manila. Umumnya semua pejabat kita itu dipastikan selamat.

Kedua, Kerajaan juga menetapkan had sewa yang dikenakan kepada pejabat-pejabat ataupun tempat kediaman Duta Besar atau pun kakitangan kita di luar negeri mengikut keadaan tertentu.

Ketiganya, memanglah dasar kita jangka panjang untuk memiliki bangunan Kedutaan kita sendiri di semua tempat di mana kita ada Kedutaan dan seperti saya katakan di awal-awal tadi, kita akan membuat apabila ada kemampuan, ada ongkosnya untuk kita membeli bangunan dan tanah di mana-mana kita mempunyai Kedutaan.

LELAKI BOLEH MENJADI HAMIL

6. Tuan Taiman Lumaing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bahawa pada zaman ini kaum lelaki boleh menjadi hamil. Apakah teknologi yang digunakan;
- (b) negara manakah yang memulakan teknologi ini dan berapa bilangan kaum lelaki yang sudah hamil; dan
- (c) apakah kesan baik dan buruk terhadap teknologi ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak pelik sedikit dan agak teknikal. Saya akan cuba menjawab semungkin yang boleh. Sebenarnya, pada zaman ini, jika dikaji dan ditinjau dari segi teorinya, seorang lelaki kemungkinan boleh menjadi hamil. Ini dinamakan kehamilan autotomy dengan menggunakan teknologi yang moden. Teknik yang bolch digunakan adalah serupa dengan prosedur-prosedur in-vitro fertilisation berserta dengan implantation.

Kalau diizinkan, saya hendak menurunkan prosedurnya secara ringkas:

Pertama, ovum yang sihat didapati daripada seorang perempuan dan dinamakan ini proses laprocystotomy and ovum itu disenyawakan dengan spermatozoa di dalam keadaan laboratory ataupun keadaan makmal, kemudian dibenarkan embryo itu tumbuh dalam laboratory ataupun makmal dan kemudiannya si lelaki tadi disediakan untuk menerima hormone

perempuan untuk mengalihkan atau, dengan izin, to alter his natural hormone milieu. Jika sekiranya ia disediakan, maka embryo tadi dipindahkan melalui implantation ke atas omentum ataupun bahagian perut lelaki tersebut dan boleh membenarkan supaya embryo itu tumbuh. Jika sekiranya embryo itu tumbuh kepada satu keadaan feotus yang membesar ia boleh dilahirkan melalui surgical incision, tetapi ini agak merbahaya kepada lelaki yang mengandung tadi.

Tuan Yang dipertua, tetapi sehingga hari inii belum terdapat mana-mana negara pun yang memulakan teknologi ini dan belum pun ada lelaki yang telah menjadi hamil. Dari segi kesihatan, teknologi ini tidak mendatangkan sebarang faedah, malah ia boleh memberi kesan yang buruk kerana ianya merupakan kehamilan di dalam abdomen dan bukan di dalam rahim. Kehamilan omentum ini adalah merbahaya dan besar kemungkinan ianya akan membawa maut disebabkan oleh pendarahan. *(Ketawd)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah dua bulan bersidang ada pula lelaki yang hendak hamil. *(Ketawa)* Jemput Yang Berhormat dari Bandar Kucing.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua soalan asal ini sememangnya aneh sehinggakan ianya ridiculous dan rakan saya dari PAS disebelah kiri baru bercakap bahawa soalan ini tidak payah dijawab. *(Ketawa)*

Sebenarnya saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan ini tetapi tidak ada Peraturan Mesyuarat yang membolehkan saya berbuat demikian, maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin dia boleh bertanya kepada Yang Berhormat, apakah tujuan Yang Berhormat itu membangkitkan soalan ini. Pertanyaan-pertanyaan mulut adalah satu demokrasi

di Parlimen yang paling penting supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai Ahli pihak Legislative dapat memanggil pihak Executive bertanggung jawab.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh membual soalan tambahan kepada perkara yang dibangkitkan. Kalau tidak, tak payah soalanlah

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Adakah tujuan soalan ini untuk dia mahu membantu Kerajaan mencapai bilangan penduduk 70 juta dalam half time available atau adakah sesiapa lelaki yang mahu mencabuli bidangkuasa wanita ataupun bagaimana persoalan yang dapat nilai hiburan sahaja? Ini akan merendahkan taraf prestasi Ahli-ahli Parlimen, waste parliamentary time.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, soalan ini memang aneh dan agak teknikal dari segi teorinya. Mungkin ini adalah ditimbulkan oleh Yang Berhormat kerana ada sesuatu yang "interest him" (*ketawa*). Jadi, saya ingat saya telah cuba menjawab semungkin yang boleh dan saya tidak mahu memanjangkannya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, serba salah juga kita tidak hendak menyoal dari segi soalan ini, sebab Yang Berhormat dibenarkan menyoal dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menjawab. Jadi, takut juga kalau hilang kawan kalau saya kata soalan itu tidak patut ditimbulkan, menurut jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan kemungkinan itu ada untuk lelaki itu hamil. Jadi, adakah kajian dibuat oleh sesiapa mana-mana pihak untuk juga memungkinan bagaimana sekiranya hamil itu, bagaimana melahirkan anak nanti-dan Yang Berhormat ustaz ini pun tanya bin siapa dan bintinya siapa

(*Ketawa*). Ini yang susah dan bidannya siapa? (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya sudah jawab soalan ini.

Tuan Taiman Lumaing: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh Yang Berhormat tambah.

Tuan Taiman Lumaing: Saya hendak buat satu penjelasan bahawa setiap

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tanya Timbalan Menteri. Soalan tambahan, tidak boleh buat penjelasan. Kalau tidak faham, boleh tanya.

Tuan Taiman Lumaing: kerana saya mengemukakan soalan ini kerana saya tidak tahu, adakah kaum Iclaki ini boleh hamil atau tidak. Jadi, soalan saya ini, saya sengaja bangkitkan kerana saya tidak begitu faham apa yang dikatakan tadi. Saya tidak begitu faham, adakah kaum lelaki boleh hamil ataupun tidak. Jadi, kebetulan daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa kaum lelaki itu adalah boleh hamil. Jadi, ini adalah satu petanda kajian daripada Kementerian Kesihatan yang mana pada zaman ini adalah sudah moden.

Jadi, soalan saya sekiranya lelaki itu hamil, apakah tanda-tanda atau sign and symptom yang terdapat pada lelaki itu jika dia hamil (*Ketawa*) dan berapakah lamanya seorang lelaki itu hamil supaya dia mengeluarkan anak dalam kandungannya itu? (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya telah menjawab soalan ini dari segi teorinya sahaja boleh hamil tetapi tidak ada lagi sehingga hari ini terdapat di mana-mana negara pun yang memulakan teknologi ini, sebab bahayanya terlalu tinggi, takut mati banyak lelaki nanti.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Fasal banyak sangat kita berfikir, sudah dua bulan kita bermesyuarat, kita tidak tahu apa.

LARIAN OBOR SUKAN SEA

7. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan alasan-alasan mengapa Sabah dan Sarawak diketepikan dalam upacara Larian Obor Sukan SEA yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Larian Obor adalah satu acara yang dikelolakan untuk melibatkan beberapa ramai masyarakat negara kita dalam Sukan SEA XV yang lalu. Acara ini juga adalah satu-satunya yang difikirkan oleh Jawatankuasa Penganjur untuk menimbulkan kesedaran kepada setiap ahli masyarakat itu dapat menyumbang untuk menjayakan sukan tersebut. Di samping itu juga, acara ini dapat membantu Jawatankuasa Penganjur memperolehi sedikit sumber kewangan untuk menampung kos pengendalian sukan ini yang memakan belanja yang agak besar. Acara yang dikendalikan untuk julung kalinya dan syukur alhamdulillah, ia telah mencapai satu kejayaan yang di luar dugaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Pengelola tidak mengabaikan tanggungjawabnya dan adalah tidak benar yang Sabah dan Sarawak itu telah diketepikan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kerana faktor geografi masyarakat awam di Sabah dan Sarawak tidak dapat menyertai di dalam Larian Obor daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, sukacita saya nyatakan di sini, penghormatan telah diberi kepada dua jaguh atlit. Seorang daripada Sabah dan seorang daripada Sarawak untuk melarikan obor itu daripada Laman ASEAN berdekatan dengan Tugu Peringatan ke Stadium Merdeka pada hari pembukaan rasmi Sukan SEA XV pada 20hb Ogos 1989

itu. Mereka itu terdiri daripada Encik Ballang Lasong daripada Sabah dan Cik Jessica Lau daripada Sarawak.

Tuan Hsing Ying Shean: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah Kementerian beliau sedar bahawa negeri Sabah dan Sarawak jarang menganjurkan upacara sukan kebangsaan serta antarabangsa? Saya ingin dapat tahu apakah sebabnya dan adakah beliau sedar bahawa kedua-dua negeri ini sangat kekurangan kemudahan-kemudahan sukan? Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Sebabnya ialah kerana kekurangan kemudahan-kemudahan sukan. Bagi mengatasi perkara-perkara ini, Kerajaan mengamalkan sedang mengenalpasti untuk menambahkan kemudahan-kemudahan sukan di Sabah dan Sarawak. Namun begitu, dengan kemudahan-kemudahan yang ada, tahun hadapan Sukan SUKMA akan diadakan di Sarawak.

SKIM PEMBERIAN BINATANG TERNAKAN

8. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah langkah memberi binatang-binatang ternakan kepada rakyat masih dijalankan dan bagaimana sikap Kementerian mengenai rungutan-rungutan oleh mereka yang tidak mendapatkannya dan adakah Kementerian ingin menghapuskan skim ini kerana yang memarahi sikap Kementerian lebih ramai dari yang menyukainya.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan akan terus membekalkan ternakan seperti lembu pedaging, lembu tenusu, kambing dan bebiri kepada pentemak-penternak yang berminat dan berkelayakan. Kajian yang teliti akan dibuat dari segi potensi dan daya maju supaya hanya penternak yang

layak sahaja menerima ternakan. Bekalan tersebut bukan diberi dengan percuma, tetapi adalah dengan secara kredit ternakan iaitu skim pawah atau secara dijual dengan harga subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bekalan ternakan itu adalah terhadap, keutamaan terpaksa diberi kepada pemohon-pemohon yang benar-benar layak dan memenuhi keperluan Kementerian Pertanian, seperti mempunyai kesungguhan dan minat dalam penternakan, ada kawasan meragut, mempunyai modal, berupaya menternak dan berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan meneruskan skim pemberian ternakan tersebut walaupun ada rungutan-rungutan oleh pihak-pihak tertentu. Lebih 80% dari projek skim pawah telah berjaya dan menyumbang kepada perkembangan populasi ternakan lembu, kerbau di negara ini. Sehingga tahun 1988, sebanyak 115,800 orang penternak telah mendapat manfaat daripada skim pawah sahaja. Sebanyak 117,000 ekor lembu dan 32,200 ekor kerbau telah dipawahkan. Seramai lebih 7,000 orang penternak pula telah membela 11,750 ekor lembu tenusu secara subsidi.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan iaitu mengenai sajian daripada Kerajaan kepada rakyat penternak-penternak seperti anak lembu, anak ayam dan sebagainya itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pembahagian-pembahagian ini didapati banyak berlakunya tidak adil dan menyebabkan berlakunya perpecahan di dalam kampung satu-satunya kerana petugas-petugas yang membahagikan anak lembu atau anak itik atau anak ayam ini dipilih kepada orang-orang yang tertentu terutama sekali kepada parti-parti seperti parti Kerajaan sahaja. Kepada parti-parti lain dari sokongan Kerajaan tidak diberi. Adakah ini lelah diarahkan oleh pihak

Kementerian kepada petugas-petugas itu supaya berbuat demikian atau bagaimana?

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa barangan-barangan ini, binatang-binatang ini adalah daripada wang Kerajaan, bukan wang Menteri. Wang Kerajaan adalah hak rakyat dan mesti dibahagikan sama rata, tidak kecuali parti sebab ini bukan hak parti tetapi hak Kerajaan. Kalau sekiranya tidak, adakah Yang Berhormat akan mengambil tahu perkara-perkara yang petugas-petugas itu diberi kepada orang-orang memilih parti-parti yang tertentu kerana ini menjadikan rosak masyarakat yang boleh menjadi berpecah-belah di dalam kampung sedangkan Kerajaan mahu mencari ke arah perpaduan maka disebabkan anak lembu, anak itik, maka di dalam kampung boleh menjadi berkelahi dan berpecah-belah. Maka adakah Yang Berhormat daripada pihak Kementerian akan memberi arahan kepada petugas-petugas ini supaya diberi secara adil tidak pilih kepada mana-mana parti.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian tidak pernah mcmberi arahan kepada sesiapaupun dalam pembahagian binatang-binatang seperti lembu, ayam, itek itu kepada sesiapa yang dipilih dengan cara pilih kasih. Semua permohonan akan ditimbang oleh pegawai-pegawai yang tertentu, yang berkuasa untuk membahagi penternak-penternak dengan adil dan saksama. Seperti saya kata dalam jawapan saya tadi bahawa ada syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang tertentu untuk mendapat ternakan-ternakan ini.

- (i) dia mesti ada pengalaman;
- (ii) dia mesti berminat dalam usaha ini;
- (iii) dia mesti ada modal;
- (iv) dia mesti ada ladang supaya binatang itu dapat makanan.

Bolch jadi kadang-kadang pemohon itu tidak tepat, tidak penuh syarat-syarat yang ia tidak dapat ternakan itu.

Untuk jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian dan Kerajaan sudah tentu tidak pilih kasih dalam hal ini. Jikalau sekiranya ada sesiapa atau mana-mana tempat ataupun pegawai-pegawai dalam pembahagian binatang-binatang ini dengan cara pilih kasih ataupun diberi kepada parti-parti atau penyokong-penyokong kepada Kerajaan sahaja, tolong beritahu kepada Kemenlerian saya.

Yang kedua, adakah Kementerian itu akan memberi arahan kepada pegawai-pegawai yang bertugas itu, saya ingat ini kita boleh buat. Kita akan memberi arahan kepada pegawai-pegawai supaya dalatn pembahagian ternakan-ternakan itu diberi dengan adil dan saksama supaya ditimbangkan syarat-syarat mereka itu supaya mereka yang berkelayakan, yang dapat ternakan bukan sesiapa sahaja boleh dapat.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ingin mendapat tahu daripada Setiausaha Parlimen berkenaan dengan syarat-syarat bagi kelulusan permohonan untuk mendapatkan binatang ternakan ini.

Saya tidak tahu sama ada perancangan seperti ini sudah diperluaskan di Sabah atau bagaimana, tetapi apa yang saya dapat tahu di kawasan saya memang begitu banyak borang-borang yang diedar bagi tujuan tersebut dan kepada orang yang berminat memang telah menerima borang itu dan menghantar kembali, tetapi sayangnya jawapan pun tidak ada. Jadi kalau kita tentukan syarat-syaratnya sama ada dia berminat atau tidak tentu sekali dia berminat, sebab itu dia memohon. Dan sebelum dia memohon, dia periksa dahulu sama ada dia mempunyai padang ragut ataupun tidak. Saya percaya itu memang sudah dalam pengetahuannya, jika dia sendiri tidak tahu bahawa dia tidak mempunyai padang ragut, tentu sekali dia sendiripun tidak mahu memohon. Dan kepada orang

yang memohon itu saya fikirpun sudah memastikan bahawa syarat-syarat yang dikenakan itu semua ada pada dirinya. Jadi kalau kita katakan bahawa dia tidak dapat kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat, katakan seperti tidak berminat itu barang mustahil, kerana dia tidak akan memohon kalau dia tidak berminat. Itu soalan saya. Di manakah letaknya kelogikan syarat-syarat yang dikenakan kepada orang yang benar-benar memohon tetapi bila memohon jawapannya pun tidak ada. Jadi saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berknaan akan dapat memberi penjelasan dengan sejelas-jelasnya dalam perkara ini. Terima kasih.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam jawapan saya, bukan orang yang berminat sahaja boleh dapat pemberian ternakan itu. Selain daripada minat dia mesti ada pengalaman dalam usaha ini, dia mesti ada modal, ada sumber tenaga dan juga ada ladang supaya ternakan-ternakan itu dapat makanan. Ini semua syarat-syaratnya, bukan sahaja minat, siapa-siapa pun minat lembu, saya pun mahu lembu juga, saya pun hendak kambing juga, tetapi saya tidak dapat sekiranya saya bohong. Saya tidak dapat kerana saya tidak ada pengalaman, saya tidak ada tenaga. Jadi, soal itu balik kepada adakah dia memenuhi syarat-syarat yang tertentu untuk Kementerian, sesiapa yang dapat memenuhi syarat-syarat itu dia akan dapat ternakan-ternakan dan kadang-kadang tidak dapat diberi kepada semua yang layak, tetapi dia kena tunggu kerana ternakan-ternakan ini terhad. Jadi siapa yang layak kita atur senarai itu, dibahagi mengikut senarai, bukan semua yang minat boleh dapat. Itulah jawapan saya.

PELABUR-PELABUR TEMPATAN—JUMLAH EKUITI

9. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah cadangan oleh Menteriannya mengizinkan pelabur-pelabur tempatan memegang 100% ekuiti dalam operasi-operasi mereka di

Malaysia selepas tahun 1990. seperti cadangan yang disuarakan oleh Menteri sendiri pada 19-9-89 yang akan membolehkan pelabur-pelabur asing memegang 100% ekuiti mereka di negara kita. Bukankah kepentingan pelabur-pelabur rakyat kita lebih mustahak dan mengekalkan taat setia. Mengapakah pelabur-pelabur tempatan dianaktuhkan buat masa sekarang.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul langsung soal pelabur-pelabur tempatan dianaktirikan oleh Kerajaan dalam pelaksanaan dasar pelaburan.

Kerajaan menganggap pelabur-pelabur tempatan sama pentingnya dengan pelabur asing dan oleh itu tidak ada mana-mana diskriminasi diamalkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelabur tempatan, tidak kira saiz pelaburannya, adalah layak menerima apa juga insentif yang disediakan, sama seperti yang diberi kepada pelabur-pelabur asing, asalkan projek mereka memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Mengenai garispanduan ekuiti yang telah diumumkan oleh Kerajaan tentang pegangan ekuiti 100% kepada pelabur asing, ini adalah berlalarkan keadaan di manadalam tahun-tahun 1984,1985 dan 1986 negara kita telah mengalami satu kemelesetan ekonomi yang ketara. Demi untuk menggerakkan semula sektor industri supaya dapat menyumbang pula kepada pertumbuhan ekonomi negara, maka Kerajaan berusaha untuk menarik masuk seberapa banyak pelaburan asing yang mungkin. Usaha ini pula mesti dilihat dalam konteks persaingan antara Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menggerakkan pelaburan asing ke negara masing-masing.

Maka Kerajaan telah, dalam bulan September, 1986, mengumumkan satu garispanduan baru mengenai pegangan ekuiti oleh pelaburan asing.

Dalam garispanduan baru ini, pelabur asing dibenarkan memegang 100%

ekuiti di dalam mana-mana projek dengan syarat projek itu mengeksploit 50% atau lebih pengeluarannya atau mereka menggaji 350 orang atau lebih pekerja-pekerja Malaysia secara sepenuh masa, dan barangan keluaran projek tidak bertanding dengan barangan-barangan yang sedang dan sedia ada dikeluarkan untuk pasaran tempatan.

Sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat itu, maka mereka dikehendaki mengagihkan ekuiti kepada rakyat Malaysia mengikut formula yang dipakai sekarang.

Garispanduan baru itu adalah berkuatkuasa untuk empat tahun sahaja, iaitu untuk permohonan-permohonan yang diterima antara 1hb Oktober, 1986 hingga 31hb Disember, 1990. Tujuan dihadkan jangka masa ini ialah untuk dengan seberapa segera mendorong pelaburan asing datang ke Malaysia supaya dapat menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi.

Bagi pelabur-pelabur tempatan mereka tidak dikenakan apa-apa syarat ekuiti, gunatenaga dan rangkaian pengedaran serta eksport sekiranya mereka dikecualikan daripada perlu dilesen di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) 1975. Pengecualian ini sama seperti yang diberi kepada pelabur-pelabur asing.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak awal tahun 1986 sehingga Oktober 1989, Kerajaan telah meluluskan pelaburan dalam projek-projek yang dilesenkan di bawah ICA sebanyak \$28,801 juta di mana \$12,666 juta ialah pelaburan tempatan dan \$16,135 juta ialah pelaburan asing.

Ini jelas membuktikan bahawa bagi pelabur-pelabur tempatan yang benar-benar memahami dasar Kerajaan, mereka telah tidak ragu-ragu untuk membuat pelaburan di dalam ekonomi negara ini, khususnya di bidang pengilangan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan di antara sebab-sebabnya keutamaan diberi kepada pelabur-pelabur asing, dapat priority memegang 100% ekuiti pada tahun kajian ini yang dibuat pada tahun 1984, 1985, 1986 semasa ekonomi kita menghadapi kemclesetan, adakah cadangan dibuat pada masa itu beri keutamaan yang sama kepada pelabur-pelabur tempatan; fasal antara lain-lain sebab, satu sebab yang penting adalah "a flight of capital" kepada luar negeri sebanyak lebih kurang \$15 billion hingga \$20 billion kepada lain-lain negeri. Adakah satu rancangan atau cadangan dibuat pada masa itu memulangkan penerbangan wang modal pelabur kita ke tain negeri, memulangkan wang ini balik kepada negara kita? Mengapa kita tidak beri satu keutamaan kepada pelabur kita dahulu?

Dato'Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa satu daripada sebab orang-orang ini membawa keluar modal ialah untuk mendapat lebih lagi pulangan daripada modal, bukan untuk membuka industri. Kita menyebut di sini pelaburan di dalam perindustrian. Namun demikian, apabila disebut soal mengapa tidak dipanjangkan 100% ini kepada pelabur tempatan, mengikut pengalaman yang kita lihat tidak menjadi satu penjejasan kepada pelabur tempatan melabur di negara sendiri oleh kerana mereka tidak diberi keistimewaan 100% ekuiti untuk 4 tahun ini, tidak menjadi satu halangan kepada mereka. Lebih-lebih lagi kalau pelabur tempatan kita tidak dilesenkan projeknya iaitu bermakna projek itu "shareholders capital", dengan izin, \$2 1/2 juta ke bawah atau menggaji kurang daripada 75 orang, mereka tidak langsung diperlukan syarat ekuiti, mereka boleh memegang 100% dan mengikut pengalaman kita juga sebahagian besar daripada pelabur-pelabur tempatan adalah melabur dalam projek yang shareholders capital, dengan izin, kurang daripada \$2 1/2 juta.

Jadi soal 100% ekuiti atau tidak sebenarnya tidak menjadi halangan dan angka yang saya sebutkan tadi ialah bagi mereka yang melabur di dalam projek besar, mereka telahpun melabur. Saya tidak tahulah "a flight of capital" ini berapa angkanya di mana Yang Berhormat dapat tetapi saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak pernah menghalang scsiapa membawa keluar modal kalau mereka ingin mendapat pelaburan yang tinggi di luar negeri dari segi memasukkan di dalam fixed deposit dan sebagainya tetapi dari segi pelaburan jelas bahawa dasar kita telah disambut baik oleh pelabur tempatan sendiri. Ini jelas dengan permohonan yang kita terima yang telah kita luluskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ekonomi pada tahun 1984 khususnya dijadikan alasan untuk membenarkan pelabur-pelabur asing memegang 100% ekuiti, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa perubahan tersebut sekali gus membunuh Dasar Ekonomi Baru itu sendiri iaitu Kerajaan sendiri menyeleweng dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Kerajaan sendiri pun berdosa kepada rakyat kerana penyertaan ekuiti oleh rakyat tempatan adalah sesuatu dasar yang diputuskan oleh Dasar Ekonomi Baru selepas Peristiwa 13 Mei tempoh hari. Kalau dikatakan soal keadaan ekonomi menjadi punca pada waktu itu, adakah Yang Berhormat sedar walaupun kita terima keadaan ekonomi pada waktu itu tetapi kalau Kerajaan tidak menumpukan projek-projek mewah yang membazir selama ini, sudah barang tentu wang tersebut boleh dijadikan modal menggerakkan ekonomi yang waktu itu kita menghadapi kemelesetan. Contoh-contoh boleh diberi, projek-projek yang tidak dapat memberi faedah dari segi sosio-ekonomi rakyat. Jadi, oleh kerana.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana perkara ini merupakan soal dasar yang dibuat oleh Kerajaan bersabit dengan Dasar Ekonomi Baru, apakah Kerajaan bercadang untuk merombak balik secepat mungkin supaya rakyat tempatan mempunyai ekuiti dalam mana-mana pelaburan yang dibuat oleh pihak pelabur asing. .

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu sendiri tidak faham dasar Kerajaan (*Tepuk*). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang tidak faham ini, semua projek pelabur asing yang dilesen di bawah ICA dikehendaki mematuhi semua syarat Dasar Ekonomi Baru dan syarat ini termasuklah gunatenggara, termasuklah distribution network, dengan izin, dan apa juga syarat di bawah Dasar Ekonomi Baru yang ada.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Menyampuk*)

Dato' Seri Rafidah Aziz: Ini saya hendak terangkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini bukan saya tidak tahu, saya tanya fasal ekuiti. Yang Berhormat menyeleweng dari segi jawapan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak boleh berdialog, ya!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat menyeleweng dari segi memberi jawapan, jangan hendak kelirukan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya belum habis jawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Okay, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri peluang.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Kita tahu bahawa kita bertanding dengan negara-negara jiran untuk menarik masuk pelabur-pelabur asing dan waktu ekonomi meleset, semua negara jiran ini memberi berbagai-bagai insentif supaya pelaburan asing masuk ke negara kita dan kita tahu bahawa bagi pelabur-pelabur asing yang ingin mengeksport semua keluaran-keluaran mereka, mereka ingin diberi satu insentif yang lebih sedikit iaitu pemegang ekuiti 100%. Kita lihat bahawa yang mana berminat sedemikian apabila kita beri keutamaan ini, mereka telah menyambut baik. Tetapi namun demikian, saya ingin juga mengatakan di samping kita memberi keistimewaan ini, Tuan Yang di-Pertua, ramai juga pelabur asing yang telah pun mengagihkan ekuitinya kepada pelabur-pelabur tempatan termasuk pelabur-pelabur bumiputera sendiri. Dan ingin saya jelaskan bahawa dalam kita melaksanakan dasar pelaburan ataupun dasar perindustrian ini sebenarnya pelabur-pelabur tempatan termasuk pelabur bumiputera telah banyak menyambut saranan Kerajaan untuk melabur.

Misalnya, kita lihat bahawa di dalam bulan Januari hingga bulan Oktober 1989 sahaja kita telah dapat meluluskan projek dengan ekuiti bumiputera sebanyak \$400.8 juta yang mana Udak pula termasuk ekuiti daripada perbadanan awam berbanding dengan ekuiti bukan bumiputera sebanyak \$625.2 juta. Jadi, jelaslah bahawa dasar kita memberi ekuiti 100% kepada orang-orang asing dalam syarat-syarat tertentu ini tidak langsung menjejaskan Dasar Ekonomi Baru bahkan membantu Dasar Ekonomi Baru kerana melalui syarat-syarat yang lain seperti pengedaran barangan, juga pengedaran eksport dan juga gunatenggara, kita dapat melaksanakan lain-lain aspek objektif Dasar Ekonomi Baru. Saya tidak tahulah

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dato' Seri Rafidah Aziz: projek mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi membazir, saya hendak nafikan tidak ada projek Kerajaan Malaysia yang membazir. Kalau Yang Berhormat kaji faedah yang Kerajaan dapat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya boleh buktikan ada projek yang membazir.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Kalau Yang Berhormat bercakap dari segi politik semua membazir, Pembangkang ada di sini pun membazir saya kata, tetapi saya nafikan semua. (*Boo!*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,10 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

MAS—PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PENERBANGAN

3. Tuan Haji Mohd. Sam Sailan minta Menteri Pengangkutan menyatakan perancangan MAS dari segi pembesaran perancangan MAS dari segi pertambahan modal "route", kelulusan pendaratan dan pertambahan pesawat terbang dalam dan luar negeri. Adakah MAS bercadang menggunakan modal dalaman.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Perkembangan perkhidmatan Penerbangan Malaysia (MAS) dari segi perluasan rangkaian penerbangan dan penambahan pesawat-pesawat kapal-terbang adalah merupakan rancangan-rancangan berterusan yang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan dan MAS.

Bagi tahun 1989, MAS telah mengadakan perkhidmatan ke beberapa destinasi amarabangsa baru serta menambahkan penerbangan ke destinasi-destinasi sedia ada yang tertentu. Di antara destinasi-destinasi baru ialah New Delhi, Karachi, Guangzhou, Fukuoka, Zurich, Brussels, Istanbul, Auckland dan Pontianak. MAS telah juga menambahkan penerbangan-penerbangannya ke Tokyo, Taipei, Hong Kong, London dan Bangkok.

Bagi tahun 1990 dan tahun-tahun berikutnya, MAS mempunyai rancangan untuk mengadakan penerbangan ke destinasi-destinasi baru yang di antaranya termasuk Ho Chi Minh City, Rome, Vienna, Osaka, Kaherah, Athens dan Vancouver. MAS juga bercadang menambahkan penerbangan-penerbangannya di antara lain ke Jakarta, Tokyo, Los Angeles, Amsterdam dan Hong Kong. Rancangan-rancangan MAS ini sedang dirundingkan di peringkat syarikat penerbangan dan di peringkat Kerajaan dengan negara-negara berkenaan itu.

Dari segi penambahan pesawat kapal-terbang, ingin saya memaklumkan bahawa MAS telah pun memperolehi pesawat-pesawat baru seperti B 747-400 dan Fokker 50 dan mempunyai rancangan untuk membeli pesawat-pesawat baru lain seperti Airbus 330 dan B 737-400 dan B 737-500. Pembelian pesawat-pesawat baru ini adalah melibatkan modal dalaman dan luar (internal and external financing).

BAS MEMBAWA PENUMPANG KE LADANG GETAH PETALING, PULAU CAREY

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar sejak bulan Julai 1989, Harrison's Malaysia Plantations Berhad iaitu tuannya Ladang Getah Petaling di Pulau Carey telah melarang van-van dan bas-bas mengangkut penumpang-penumpang dan ini telah menyebabkan ketidakselesaan yang amat sangat

kepada pekerja-pekerja dan anak-anak mereka yang bekerja di luar Pulau Carey; jika ya, nyatakan sama ada beliau akan mengarah pihak pengurusan ladang berkenaan membenarkan van-van dan bas-bas persendirian memasuki ladang tersebut.

Menteri Buruh (Dato' Lim Ah Lek): Kementerian Buruh telah menyasiat perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Hasil penyiasatan membuktikan keempat-empat pengurus di empat buah ladang Hanisons Malaysia Plantations Berhad di Pulau Carey tidak pernah melarang van-van dan bas-bas persendirian memasuki ladang-ladanganya.

Nampaknya salah faham telah timbul ke atas arahan yang diberi kepada seorang pemandu van persendirian pada satu ketika dahulu supaya jangan menggunakan vannya untuk membawa pekerja-pekerja dari ladang-ladang di Pulau Carey untuk bekerja di luar kawasan pulau itu, kerana ini akan menimbulkan masalah kekurangan pekerja di ladang-ladang tersebut. Pengurus-pengurus di ladang-ladang tersebut bimbang sekiranya ini dibiarkan ianya akan lama kelamaan menjadi berleluasa dan akan menjejaskan tenaga kerja di ladang-ladang di Pulau Carey. Masalah yang dibangkitkan ini walau bagaimanapun tidak wujud lagi.

(Soalan No. 11. Sila lihat jawapan No. 25 pada 23-10-89).

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—BAYARAN BALIK

12. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai 24 Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang dibekukan oleh Bank Negara pada 8-8-86:

- (a) apakah status pembayaran balik setiap KPD, dengan memberikan butir-butir lanjut KPD ini;
- (b) mengenai KPD yang tidak membayar balik 100% dengan

penuhnya, bilakah bayaran balik yang penuh dijangka dibuat;

- (c) bilakah bayaran 10% yang akan datang dibuat; dan
- (d) apakah status pendeposit-pendeposit KSM atau Koperasi Serbaguna (Malaysia) Bhd sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Status pembayaran balik deposit kepada pendeposit-pendeposit bagi 24 buah Koperasi Pengambilan Deposit (KPD), boleh dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:

Kategori 1: Bayaran balik sepenuhnya deposit dalam bentuk tunai bagi 11 buah KPD

Kedudukan pembayaran balik deposit sepenuhnya dalam bentuk tunai bagi 11 buah KPD adalah seperti berikut:

- 6 KPD telah membayar balik sepenuhnya atau 100%
- 4 KPD telah membayar balik sebanyak 60%
- 1 KPD telah membayar balik sebanyak 45%

Pembayaran balik tunai yang akan datang kepada pendeposit-pendeposit bagi 3 daripada 5 buah KPD yang belum menerima balik bayaran sepenuhnya, dijangka akan dibuat sepenuhnya sama ada dalam bulan Disember 1989 atau Januari 1990. Bagi 2 buah KPD lagi, pembayaran balik sepenuhnya dijangka akan dapat diselesaikan menjelang tahun 1991.

Kategori 2: Bayaran balik sepenuhnya dalam bentuk kombinasi wang tunai dan ekuiti bagi 12 KPD di bawah skim penyelamat Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB)

Di bawah kategori ini, para pendeposit bagi 12 buah KPD telah menerima

bayaran balik wang tunai antara 35-50% daripada wang deposit mereka.

Kedudukan pembayaran balik dalam bentuk wang tunai setakat ini adalah seperti berikut;

- 1 KPD telah membayar balik sebanyak 50%
- 4 KPD telah membayar balik sebanyak 40%
- 7 KPD telah membayar balik sebanyak 35%

Pembayaran balik bakinya antara 10% sehingga 20% dijangka akan dapat dibuat tidak lewat daripada 31 Disember 1989.

Pembayaran balik dalam bentuk saham KUMB sebagaimana yang ditetapkan di bawah skim penyelamat, telah pun disempurnakan.

Kategori 3: Bayaran balik sepenuhnya dalam bentuk kombinasi wang tunai dan ekuiti bagi pendeposit-pendeposit Koperatif Serbaguna Malaysia Berhad (KSM)

Setakat ini para pendeposit KSM telah dibayar balik sebanyak 40% daripada wang deposit mereka. Baki wang deposit yang terdiri daripada 10% dalam bentuk tunai dan 50% lagi dalam bentuk Nota Pinjaman Kamunting dengan pilihan wang tunai, dijangka akan dapat dibayar balik pada 15 Disember sehingga 22 Disember 1989.

ROMBONGAN GALAKAN PERDAGANGAN MALAYSIA- CHINA

13. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah jaminan yang telah diberi oleh pihak Republik Rakyat China terhadap rombongan perdagangan Malaysia ke Negara China baru-baru ini berhubung dengan perdagangan dua (2) hala d antara Negeri China dan Malaysia.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Semasa Rombongan Galakan Perdagangan ke Republik Rakyat China (RRC) pada 23 Julai, 1989 yang diketuai oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beberapa isu-isu kepentingan bersama khususnya dalam bidang perdagangan duahala telah dibincangkan. Pihak China telah memaklumkan bahawa negara tersebut akan terus berusaha meningkatkan hubungan perdagangan dengan Malaysia. Sehubungan dengan ini pihak RRC telah memberi jaminan bahawa hak agensi atau agency rights dengan izin, akan diberi kepada agensi-agensi perniagaan Malaysia bagi tujuan memasarkan secara terus barangan keluaran RRC di Malaysia.

Walau bagaimanapun setakat ini belum ada syarikat-syarikat Malaysia yang diberi "agency rights" oleh mana-mana syarikat atau perbadanan semenjak lawatan berkenaan. Di samping itu RRC juga berjanji akan mengkaji keperluan pasarannya dan akan membeli dari Malaysia keluaran-keluaran yang diperlukan.

Buat masa ini, RRC berminat untuk membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia untuk kegunaan industrinya. Walau bagaimanapun pembelian ini bergantung kepada kedudukan simpanan pertukaran wang asing negara tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Bcrhormat sekalian, langkah-langkah penjimatan yang dijalankan oleh Kerajaan China sejak bulan September, 1988 secara berterusan telah memperlakan ekonomi negara tersebut. Hutang luar China dianggarkan sebanyak US\$42 billion pada akhir tahun 1988. Keadaan tersebut telah menyebabkan beberapa import barang-barang mentah serta barangan import utama negara tersebut telah dikurangkan. Keluaran-keluaran eksport utama Malaysia yang terlibat di dalam pengurangan import China adalah getah asli, susu getah, kayu balak, kayu gergaji, dan papan lapis.

Untuk tahun 1988 eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke Republik Rakyat China adalah berjumlah M\$15.78juta.

PELANCONG KE SABAH

14. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah pelawat asing yang melancong ke Malaysia bagi tahun 1987, 1988 dan awal separuh tempoh tahun 1989; dan
- (b) berapakah jumlah pelawat asing yang melancong ke Sabah dalam tempoh yang telah dinyatakan itu.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Seramai 3,624,864 pelancong dianggar telah mengunjungi Malaysia pada tahun 1988, iaitu memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 7.9% berbanding dengan tahun 1987 yang telah mencatatkan seramai 3,358,983 pelancong.

Bagi tahun 1989, adalah diramalkan bahawa Malaysia akan menerima seramai 3.95 juta pelancong, iaitu pertumbuhan sebanyak 9.0% berbanding dengan tahun 1988.

- (b) Jabatan Perangkaan Sabah telah melaporkan bahawa pada tahun 1988, seramai 46,908 pelawat asing telah mengunjungi ke Sabah iaitu menunjukkan pertumbuhan sebanyak +12.1% berbanding dengan tahun 1987 yang telah mencatatkan seramai 41,855 pelawat.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 1989, adalah dilaporkan bahawa seramai 25,209 pelawat telah mengunjungi Sabah, iaitu pertumbuhan sebanyak 17.0%

berbanding dengan Januari-Jun 1988 yang telah mencatatkan seramai 21,542 pelawat.

ELEKTRIK KOTA MARUDU-KUDAT—SAMBUNGAN

15. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tarikh penyambungan bekalan letrik dari Kota Marudu, ke Kudat di utara Negeri Sabah. Nyatakan kos perbelanjaan yang disediakan oleh pihak Kemenerlian.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Buat masa ini, Lembaga Letrik Sabah tidak mempunyai cadangan untuk menyambung bekalan elektrik dari Kota Marudu ke Kudat. Ini adalah kerana kedua-dua tempat ini masing-masing mempunyai stesen janakuasa diesel tersendiri dengan keupayaan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna tempatan. Tambahan, bilangan pengguna yang kecil di kedua-dua tempat ini tidak menjustifikasikan perbelanjaan kewangan bagi membiayai sambung antara sedemikian. Walau bagaimanapun, dalam pelan induk grid Pantai Barat Sabah LLS, sambungan ini telah pun dikenalpasti untuk dilaksanakan di masa hadapan apabila jumlah permintaan dan kewangan LLS mengizinkan. LLS akan merancang untuk menyambungkan talian 132kV dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan Kudat. Apabila projek ini siap kelak, penyambungan ke Kota Marudu akan mudah dilaksanakan.

TELEKON AWAM LUAR BANDAR

16. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan Kementerian ini sedang dibuat untuk bekalan telefon ke luar-luar bandar di setiap kampung berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Dato Seri Menteri berkenaan baru-baru ini.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemampuan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk memastikan bekalan telefon awam luarbandar adalah berdasarkan kepada keupayaan STM melaksanakan dan juga untuk membiayai projek tersebut.

Ini adalah selaras dengan kandungan lesen yang diberi oleh Kementerian kepada STM pada tahun 1986 di mana syarat 2.1 dan 2.2 mangatakan bahawa STM dikehendaki membuat peruntukan kewangan untuk telefon luarbandar dan jumlah ini hendaklah ditentukan oleh sebuah jawatankuasa di mana Kerajaan menjadi salah satu daripada wakilnya dan juga peruntukan di mana STM dikehendaki menyediakan dan menyelenggarakan telefon awam di kawasan luarbandar mengikut arahan Menteri.

Sejak penswastaaan, peruntukan tahunan dan bilangan telefon awam adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan Tahunan</i>	<i>Bil</i>	<i>Telefon Awam</i>
1987	\$7.4juta		791
1988	\$3.7juta		627
1989	\$4.6juta		684

Kementerian tidak berpuas hati dengan apa yang telah dapat dilaksanakan sehingga kini berdasarkan kepada perbezaan di antara, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "penetration rate" keseluruhannya iaitu 8% di peringkat kebangsaan dan 0.2% di peringkat luarbandar. Ini bermakna banyak lagi perbelanjaan perlu diperuntukkan untuk menyampaikan telefon kepada masyarakat luarbandar.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian mengambil kesempatan sepenuhnya melalui Rancangan Malaysia ke Enam nanti untuk meluaskan lagi bekalan telefon ke luarbandar. Sekarang, pihak Kementerian sedang mengumpulkan maklumat yang cukup dari segi bilangan penduduk luarbandar, jenis teknologi

yang paling sesuai dan kos yang diperlukan untuk maksud tersebut.

Kemungkinan sedang dikaji untuk menyampaikan peruntukan telefon luarbandar dari sumber-sumber lain seperti Kerajaan pusat selain daripada komitmen pihak STM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 1990 ini, pihak Kerajaan Persekutuan telah menyediakan \$10 juta dan sambil itu pula STM dapat menyediakan \$10 juta. Ini bermakna tahun 1990, pertumbuhan begitu tinggi untuk bekalan telefon di luarbandar.

Adalah harapan Kementerian bahawa kemudahan telefon yang akan tiba pada setiap pelusuk negara berdasarkan kepada keperluan rakyat bukan sahaja kerana keperluan ini sebagai satu keistimewaan lebih-lebih lagi setelah berubah kepada sebagai satu keperluan.

Saya tidak dapat memberi jaminan yang tepat dari segi jangka masanya bila akan terlaksana sekadar menjanjikan bahawa pihak Kementerian sedang mengatur satu perancangan ke arah matlamat tersebut.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH—PENGUNAAN

17. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) setakat yang dapat dilihat, penguasaan Bahasa Inggeris pada semua peringkat persekolahan telah merosot, apakah punca-puncanya; dan
- (b) memandangkan kepentingan Bahasa Inggeris dalam pelbagai bidang komunikasi, teknologi, perdagangan dan sebagainya, apakah tindakan Kerajaan dalam usaha memperbaiki taraf dan mutu Bahasa Perdagangan Antarabangsa.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim); Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak merosot. Ini adalah kerana perkembangan pelajar-pelajar di dalam mata pelajaran ini sentiasa diawasi.

Kementerian Pendidikan sedar terdapat halangan-halangan tertentu dalam pembelajaran Bahasa Inggeris pada masa ini dari segi peruntukan masa dan alam pembelajaran yang amat terhad. Atas kesedaran ini, maka Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (1) Menambah guru terlatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris;
- (2) Melaksanakan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris;
- (3) Memberi kursus dalam perkhidmatan untuk peningkatan kemahiran guru-guru Bahasa Inggeris;
- (4) Mengeluarkan bahan-bahan bantu pengajaran;
- (5) Menjalankan program-program Bahasa Inggeris melalui radio dan TV Pendidikan;
- (6) Melaksanakan aktiviti-aktiviti Bahasa Inggeris melalui kegiatan ko-kurikulum seperti drama, syarahan, pidato, bercerita, membaca dan sebagainya di sekolah-sekolah.
- (7) Menyelaraskan program-program Bahasa Inggeris melalui Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program Bahasa Inggehs di sekolah.
- (8) Melaksanakan KBSR dan KBSM yang menekankan aspek-aspek kemahiran bahasa seperti

mendengar, bertutur, membaca dan menulis;

- (9) Melaksanakan program "Class Readers" dan "Extensive Reading";
- (10) Memperkenalkan pengajaran kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris.

PENGANGGURAN

18. Tuan Jawah anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah angka pengangguran negara kita setakat 30hb September 1989. Dari angka tersebut berapakah yang mempunyai ijazah. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangguran di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Perangkaan sehingga akhir bulan Ogos, 1989 menunjukkan jumlah pengangguran aktif yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat adalah seramai 85,470. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,523 orang mempunyai ijazah.

Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangguran di negara ini, jawapan telah pun diberi di Dewan ini pada 8 November, 1989 semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Bandau.

KANAK-KANAK HILANG MENGIKUT JANTINA

19. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak mengikut jantina dan kumpulan umur yang telah hilang setakat akhir bulan Ogos 1989;
- (b) sebab-sebab mereka itu hilang; dan
- (c) adakah Kerajaan akan memperkenalkan suatu perundangan

di mana ibu bapa boleh didapati bersalah kerana angkara anak-anak mereka seperti perundangan yang telah diperkenalkan baru-baru ini di California, Amerika Syarikat di mana ibu bapa adalah bertanggungjawab ke atas tingkahlaku anak-anak mereka.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

(a) Bilangan kanak-kanak yang telah dilaporkan hilang mengikut jantina sehingga akhir bulan Ogos 1989 ialah lelaki 2217 orang dan perempuan 3313 orang dan mengikut pecahan umur adalah seperti berikut:

18 tahun ke 14 tahun	3708 orang
14 tahun ke 10 tahun	1506 orang
10 tahun ke bawah	316 orang

(b) Sebab-sebab mereka meng-hilangkan diri dari rumah adalah berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) terpengaruh atau meng-ikut teman lelaki;
- (ii) berselisih faham dengan keluarga;
- (iii) kurang mendapat per-hatian atau kawalan dari ibu bapa;
- (iv) melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran kerana inginkan kepada ke-mewahan hidup;
- (v) faktor kemiskinan;
- (vi) menerima layanan buruk dari keluarga tiri;
- (vii) mengikut orang yang telah menjanjikan pe-kerjaan;
- (viii) cubaan melakukan per-kosaan oleh bapa/bapa liri;

(ix) pengaruh golongan-golongan subversif;

(x) terlibat di dalam kegiatan dadah;

(xi) meninggalkan rumah buat sementara waktu ber-tujuan untuk menziarah saudara/kawan atau men-cari pekerjaan tanpa pengetahuan keluarga;

(xii) tidak tahan "exam fever" atau bimbang tidak dapat memuaskan hati ibu bapa dalam bidang pelajaran.

(c) Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan undang-undang di mana ibu bapa boleh didapati bersalah kerana angkara anak-anak mereka. Undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

KAMPUNG ORANG ASLI

20. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kampung-kampung Orang Asli yang terdapat di negara ini bilangan daripadanya yang sudahpun diwartakan sebagai rizab orang asli dan sebab-sebab mengapa kampung Orang Asli yang lain masih belum diwartakan sehingga begitu lama, adakah beliau sedar kelewatan dalam mewartakan kampung tersebut serta pengeluaran hak milik tanah telah menyulitkan mereka daripada mendapat bantuan kewangan atau pinjaman-pinjaman untuk memajukan tanah-tanah ataupun menanam semula kebun kecil getah mereka.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Jumlah kampung-kampung Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia ialah 714 buah. Bilangan kampung yang terletak di tanah yang telah diwartakan sebagai Tanah Rezab Orang Asli ialah 93 buah kampung.

Kementerian sedar bahawa kelewatan mewartakan kawasan-kawasan tersebut sedikit sebanyak menyulitkan masyarakat Orang Asli dalam usaha membangunkan kawasan itu. Dengan kerana itu maka usaha dan kerjasama telah dan sedang dibuat dengan pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa atau hal-hal pentadbiran tanah untuk mempercepatkan urusan mewartakan kawasan-kawasan Orang Asli yang berkaitan.

BANDUAN LARI DARI PENJARA

21. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sejak kebelakangan ini kejadian banduan lepas lari penjara ataupun dari tahanan sering berlaku. Jika ya:

- (a) berapa ramaikah banduan yang telah lepas lari dari tahanan atau penjara sejak tahun 1985 hingga sekarang;
- (b) apakah punca-punca berlakunya kejadian berkenaan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah berkenaan

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Dalam Negeri memang sedar tentang kejadian banduan-banduan melarikan diri dari penjara. Jumlah banduan yang terlibat darilahun 1985 hingga Oktober tahun ini ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah banduan melarikan diri</i>
1985	36 orang
1986	30 orang
1987	45 orang
1988	21 orang
1989 (Januari- Oktober)	27 orang
Jumlah	159 orang

Antara punca-punca utama yang membolehkan banduan-banduan melepaskan diri daripada penjara ialah:

- (i) Kelalaian pegawai penjara semasa menjalankan tugas;
- (ii) Peluang yang wujud semasa menyertai "projek khidmat bakti" di luar penjara;
- (iii) Keadaan fizikal penjara yang sudah tidak sesuai serta kurangnya kemudahan peralatan kawalan yang disediakan; dan
- (iv) Keadaan kesesakan di penjara tertentu menyebabkan banduan-banduan berpeluang untuk melarikan diri.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) Mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
- (ii) Mempergiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara.
- (iti) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.
- (v) Menambahkan pemasangan "spot light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara.
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.
- (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang

mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.

- (viii) Menghantar pegawai/kakitangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa ke semasa; dan
- (ix) Mempertingkatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

BANDUAN LARI DARI PENJARA

22. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penjenayah-penjenayah yang berjaya melarikan diri dari penjara dalam tahun 1987, 1988 dan 1989. Berapa ramai mereka yang telah ditangkap semula. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengemaskinikan kawalan-kawalan di Jabatan Penjara Malaysia.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Jumlah banduan yang melarikan diri dari penjara dan jumlah yang berjaya ditangkap semula sejak tahun 1987 hingga Oktober tahun ini ialah:

Tahun	Jumlah banduan melarikan diri	Jumlah banduan ditangkap semula
1987	45 orang	27 orang
1988	21 orang	12 orang
1989 (Januari- Oktober)	27 orang	9 orang
Jumlah	93 orang	48 orang

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mencegah kelarian adalah:

- (i) Mengenakan tindakan tatatertib yang keras termasuk buang kerja ke atas pegawai penjara yang didapati cuai menjalankan tugas.
- (ii) Mempertingkatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara.
- (iii) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-

banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara misalnya untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.

- (iv) Membina lebih banyak menara-menara kawalan.
- (v) Menambahkan pemasangan "spot light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara.
- (vi) Menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara.
- (vii) Memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang mengalami kesesakan ke penjara-penjara yang baru dibina/penjara-penjara yang tidak mengalami kesesakan.
- (viii) Menghantar pegawai/kakilangan penjara menghadiri kursus keselamatan dari semasa ke semasa; dan
- (ix) Mempertingkatkan program pemulihan supaya ianya lebih berkesan.

SKYHAWK TUDM— KEMALANGAN

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah cadangan pihak Kerajaan terhadap kapal terbang Skyhawk yang digunakan oleh TUDM sekarang, adakah pihak Kementeriaannya bercadang membentangkan suatu laporan lengkap kepada Parlimen mengenai kejadian kemalangan beberapa buah Skyhawk, dan adakah pihak Kerajaan mendapati mempunyai jaminan yang mencukupi supaya Tornado yang akan dibeli dari Great Britain itu tidak akan bernasib sesama dengan Skyhawk.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) akan

terus menggunakan kapalterbang Skyhawk untuk tujuan Operasi dan Latihan. Setelah dibuat beberapa pemeriksaan terhadap keadaan pesawat tersebut, maka adalah didapati ianya masih berkemampuan untuk memberi perkhidmatannya. Pesawat A-4 ini akan terus digunakan sehingga satu masa yang akan ditentukan.

Mengenai kemalangan yang berlaku terhadap pesawat-pesawat Skyhawk yang berlaku kebelakangan ini buat masa ini belum ada cadangan untuk membentangkan satu laporan kepada Parlimen.

Pemilihan untuk membeli sesuatu jenis pesawat pejuang adalah bergantung kepada peranan dan jenis misi yang telah dikenalpasti oleh pengguna iaitu TUDM, sejajar dengan strategi-strategi pertahanan negara dan strategi Angkatan Tentera. Sesuatu pembelian peralalan tentera termasuk pesawat-pesawat pejuang tidak dibuat secara sewenang-wenangnya, tetapi ianya mestilah memenuhi syarat spesifikasi, yang dikehendaki, seperti penyesuaian untuk kegunaan negara dan sebagainya. Setakat ini Kementerian Pertahanan belum lagi mengadakan sebarang rundingan terperinci dengan pihak Kerajaan British tentang pembelian pesawat TORNADO.

RISDA—PELAKSANAAN PROJEK DI TELUK PASU

24. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatak-

- (a) perbelanjaan yang dicurahkan oleh RISDA di kawasan Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu, Terengganu dalam pilihanraya kecil kawasan itu Julai lalu dan apakah kegiatan-kegiatan yang dilakukan yang melibatkan penduduk Teluk Pasu ketika itu;
- (b) di bawah peraluran apakah maka RISDA tiba-tiba bergiat dan

berfungsi di Teluk Pasu ketika pilihanraya kecil diadakan tetapi tidak bergiat cergas sebelum itu dan sesudah pilihanraya kecil diadakan;

- (c) apakah menjadi dasar RISDA hanya berfungsi di waktu-waktu pilihanraya kecil dan adakah menjadi dasar RISDA untuk menjadi alat Barisan Nasional dalam sebarang pilihanraya;
- (d) adakah Menteri berkenaan bercadang untuk membentuk sebuah jawatankuasa penyiasat betapa RISDA telah melakukan penyelewengan apabila ia membenarkan dirinya diperalatkan oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil di kawasan Teluk Pasu;
- (e) ramai pengundi Teluk Pasu telah dibawa ke Pulau Pinang dan Langkawi dalam masa kempen pilihanraya kecil itu kononnya untuk menjalani kursus. Apakah kursus yang telah dijalankan oleh RISDA dan siapakah yang terlibat; dan
- (f) sejauhmana Datuk Hassan Ibrahim yang baru ditukar menjadi Ketua Pengarah RISDA telah dimaklumkan tentang penyertaan RISDA dalam kempen pilihanraya itu,

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Kegiatan-kegiatan yang dilakukan di kawasan Teluk Pasu merupakan kegiatan di bawah tanggungjawab RISDA. Di kawasan Teluk Pasu terdapat 770 orang pekebun kecil. RISDA telah pun dan sedang melaksanakan 20 buah projek yang berkaitan dengan aktiviti tanam semula getah, ini termasuklah projek-projek tanam semula berkelompok, tanam semula

serentak dan mini estet. Perbelanjaan sebanyak \$12,157.20 adalah untuk melaksanakan berbagai projek yang sememangnya telah pun dijadualkan untuk dilaksanakan di kawasan Teluk Pasu.

- (b) RISDA telah diberi mandat untuk membangunkan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil menerusi berbagai program pembangunan sosio-ekonomi. Program-program ini dikenalpasti dan dilaksanakan mengikut jadual tertentu yang dirancang terlebih awal.
- (c) Sepertimana yang dinyatakan di perkara (a) dan (b), aktiviti-aktiviti RISDA telah dirancang terlebih awal dan projek-projek yang dikenalpasti dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang.
- (d) RISDA telah menjalankan aktiviti mengikut mandat yang telah diberikan kepadanya dan oleh itu ia tidak melakukan apa-apa penyelewengan.
- (e) Kursus yang telah dijalankan oleh RISDA ialah Kursus Kepimpinan yang merupakan satu daripada aktiviti pembangunan masyarakat yang dirancang untuk pekebun-pekebun kecil. Bagi seluruh Negeri Terengganu bagi tahun 1989, RISDA telah pun merancang untuk mengadakan kursus kepada pekebun-pekebun kecil sebanyak 7 kali. Bagi kursus yang telah diadakan di Pulau Pinang itu, seramai 290 orang pekebun kecil dari Teluk Pasu telah terlibat.
- (f) Sebagai Ketua Eksekutif sebuah organisasi, Ketua Pengarah RISDA sentiasa mengetahui projek-projek yang dilaksanakan oleh organisasinya.

PENYAKIT AIDS

25. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah kemerebakan penyakit AIDS di negara kita;
- (b) apakah tanda-tanda (signs & symptoms) terhadap seseorang pengidap penyakit AIDS dan berapa lamakah penyakit AIDS itu dapat dikesan (Incubation Periods); dan
- (c) setakat ini berapa ramai orang Malaysia yang telah mengidap penyakit AIDS dan negara manakah mereka ini mendapat jangkitan penyakit AIDS.

Tuan Chua Jui Meng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16hb Oktober 1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

KEMATIAN PELATIH DI PUSAT SERENTI TAMPIN DAN KESEKSAAN TAHANAN PUSAT PEMULIHAN JABATAN PENJARA BATU GAJAH

4.10 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya saya ingin memberikan notis di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) bahawa saya hendak meminta izin untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk merundingkan perkara-perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan teks usul saya adalah seperti berikut:

"Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Majlis Mesyuarat

ini meluluskan permintaan kebenaran Ahli Parlimen dari Kota Melaka supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan hendak merundingkan perkara-perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, yakni kematian terkejut seorang pelatih Pusat Serenti Tampin, Osman bin Abdullah dan siksaan yang dijalankan ke atas seorang tahanan Pusat Pemulihan Jabatan Penjara Batu Gajah, Ng Wing Hoi yang berkehendak disegerakan, tertentu dan berkenaan kepentingan orang ramai atas alasan-alasan berikut:

Allahyarham Osman bin Abdullah, 26 tahun, dari No. 1089, Bukit Kaiil, Melaka telah meninggal dunia pada kira-kira pukul 1.45 petang pada 10hb Disember tahun ini di Hospital Besar Seremban. Beliau adalah seorang penagih dadah dan telah ditahan oleh PEMADAM dua bulan lalu serta dimasukkan ke Pusat Serenti Tampin pada 17hb Oktober tahun ini. Kakak beliau, Puan Zainon Hassan telah diberitahu oleh seorang doktor di Hospital Daerah Tampin, tempat di mana Allahyarham Osman diberikan rawatan sebelum dipindahkan ke Hospital Besar Seremban, bahawa beliau mengadu disiksa dengan dipijak oleh seorang jurulatih dan beberapa pelatih lain di Pusat Serenti Tampin di bahagian perut dan dadanya semasa menjalani latihan jasmani pada pukul 11.00 pagi, 9hb Disember tahun ini. Tetapi beliau hanya dimasukkan ke Hospital Daerah Tampin pada pukul 11.00 malam 9hb Disember tahun ini dan meninggal dunia pada hari kemudian.

Ketua Siasatan Jenayah Negeri Sembilan, Penguasa Mohamed Ghauth Abdul Ghani telah menyatakan bahawa laporan autopsy dari Hospital Besar

Seremban menyatakan bahawa Allahyarham Osman didapati mati kerana sesak nafas. Adalah difahamkan bahawa kesesakan nafas adalah akibat "haemorrhage of the lungs" yang disebabkan oleh trauma dan ini mengesahkan aduan Allahyarham Osman bahawa beliau telah dipijak oleh seorang Jurulatih Pusat Serenti dan beberapa pelatih lain.

Dakwaan Pusat Serenti bahawa Allahyarham meninggal dunia kerana terpijak dengan tidak sengaja satu dua kali oleh pelatih lain semasa menjalani latihan jasmani adalah tidak masuk akal sama sekali.

Kes yang kedua Encik Ng Wing Hoi, 33 tahun, dari 239, Kampung Baru, Rahang, Seremban telah membuat laporan di Balai Polis Seremban pada 13hb Disember tahun ini bahawa beliau telah disiksa oleh seorang pegawai penjara, Zainol Johan pada 1hb Disember, 1987—di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat satu pembetulan kerana dalam teks yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua ada tersebut "1989" dan saya minta maaf kerana kesalahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Boleh.

Tuan Lim Guan Eng:..... bahawa beliau disiksa oleh seorang pegawai penjara, Zainol Johan pada 1hb Disember, 1987 semasa beliau ditahan di Pusat Pemulihan Jabatan Penjara Batu Gajah. Pada pagi 1hb Disember 1987 semasa menjalani latihan jasmani beliau telah dipukul, dicekik dan ditendang oleh pegawai tersebut di bahagian perut, dada dan buah /akarnya. Beliau hanyalah dihantar ke hospital pada tengah malam 1hb Disember 1987 sungguhpun berkali-kali meminta rawatan perubatan lebih awal lagi.

Selepas beliau balik ke Pusat Pemulihan dari hospital, beliau disiksa sekali lagi dibahagian buah zakarnya oleh pegawai yang sama sebagai amaran agar jangan bongkarkan perkara ini. Beliau baru dibebaskan pada 11hb Disember 1989 dan kini dibuang daerah, ke daerah Besut, Terengganu di mana beliau dikenakan mclaporkan diri di sana pada 15hb Disember tahun ini. Akibat seksaan tersebut, beliau mengalami kecederaan dan Penyakit jantung dan buah pinggang.

Perkara-perkara di atas adalah perkara-perkara tertentu di mana satu kematian di Pusat Serenti Tampin telah berlaku dan satu laporan polis siksa telah dibuat terhadap seorang pegawai Pusat Pemulihan Jabatan Penjara Batu Gajah, Zainol Janan. Perkara-perkara di atas adalah berkenaan kepentingan orang ramai kerana:

- (i) orang-orang tahanan atau pelatih-petatih di Pusat Serenti mempunyai hak-hak bahawa keselamatan mereka dijamin dan tidak disiksa kadangkala sehingga membawa maut seperti yang berlaku kepada Osman bin Abdullah.
- (ii) bahawa pihak Jabatan Penjara atau Pusat Serenti tidak boleh menggunakan cara-cara ganas, kasar dan tidak berperikemanusiaan untuk memulihkan orang-orang tahanan atau pelatih-pelatih Pusat Serenti.
- (iii) dalam kes tragik Osman bin Abdullah merupakan satu kes pecah amanah di mana keluarga beliau telah mengamanahkannya secara sukarela kepada pihak Kerajaan dengan harapan bahawa beliau boleh dipulihkan dan balik ke pangkuan masyarakat sebagai manusia yang sempurna, tetapi sebaliknya amanah ini telah dicabuli dengan memulangkan mayat kepada mereka;

- (iv) menimbulkan tandatanya orang ramai terhadap seluruh sistem penjara dan pemulihan dadah yang mana sistem penjara dan pemulihan tidak mempunyai credibility lagi; dan
- (v) mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyebabkan kematian Allahyarham Osman Abdullah dan menyiksa Ng Weng Hoi.

Perkara di atas juga berkehendak disegerakan untuk:

- (i) memberhentikan siksaan atau tindakan ganas, kasar dan tidak berperikemanusiaan yang sama yang digunakan ke atas orang-orang tahanan atau pelatih-pelatih lain;
- (ii) mengelakkan ulangan kematian tragik seperti Osman Abdullah;
- (iii) menjaga keselamatan Encik Ng Wing Hoi agar beliau tidak didera atau ditindas kerana membual laporan polis membongkarkan skandal siksaan ini; dan
- (iv) menjamin bahawa pelatih-pelatih dan orang-orang tahanan tidak dinafikan rawatan perubatan perlu atau tidak hanya diberikan rawatan apabila sudah terlewat.

Justeru itu, saya menyeru bahawa **Majlis Mesyuarat ini boleh ditangguhkan untuk memastikan bahawa keadilan dapat ditegakkan untuk Allahyarham Osman bin Abdullah dan Encik Ng Wing Hoi dengan mengadakan satu siasatan Suruhanjaya Diraja yang juga mempunyai kuasa mengkaji dan membetulkan kelemahan-kelemahan yang wujud di sistem penjara dan Pusat-pusat Serenti sekarang. Sekian, terima kasih.**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu pemberitahu usul di

bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka. Teks Usul Ahli Yang Berhormat itu adalah sebagaimana yang dibacakan olehnya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan Mesyuarat kecuali jika beliau berpuas hati iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat iaitu pertama, perkara itu perkara tertentu, kedua, perkara itu bagi kepentingan orang ramai dan ketiga, perkara itu berkehendak disegerakan.

Saya telah membaca perkara yang dibangkitkan ini, dan saya diberitahu iaitu pihak polis sedang menyiasat tuduhan yang pertama dan akan memulakan penyiasatan bagi perkara yang kedua yang dibangkitkan itu. Oleh kerana pihak polis belum selesai siasatannya ke atas perkara-perkara tersebut, adalah sesuai ditunggu dahulu hingga perkara itu selesai disiasat untuk menentukan kesahihan tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan dalam perkara ini. Oleh kerana itu, saya dapati perkara ini tidak perlu disegerakan perbincangannya sehingga menangguhkan persidangan Dewan hari ini. Dengan itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

4.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat dimulakan, saya ada memberitahu 2 usul—pertama, untuk menggantung Ahli Yang Berhormat dari Kapar sebagai Timbalan Yang di-Pertua dan saya mahu merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26 (1) (*m*) di mana saya pun ada cadangkan bahawa Peraturan Mesyuarat digantung di bawah Peraturan 90 (2) supaya menggantungkan peraturan Mesyuarat 27 (3) yang memerlukan pemberitahuan dua minggu dan juga Peraturan Mesyuarat 14 mengenai Aturan Urusan Mesyuarat, supaya Dewan Rakyat boleh dengan serta-merta membahas dan memutuskan

satu usul untuk menggantungkan Yang Berhormat D. P. Vijandran sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan untuk merujukkan beliau kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat. Oleh kerana hari ini adalah hari yang terakhir, saya terpaksa berdiri di bawah 21 (i) (*m*) untuk minta izin mengemukakan satu usul hendak menggantungkan kuatkuasa sesuatu Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan menurut Peraturan Mesyuarat 90, setelah mendapat izin daripada Tuan Yang di-Pertua. Dan saya mintalah Tuan Yang di-Pertua sama ada boleh memberi keizinan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, Yang Berhormat! Sebelum mesyuarat bermula, saya telah diberi notis ataupun diberi surat oleh Ketua Pembangkang mengenai dengan apa yang disebutkan sebenarnya tadi. Jadi, mengikut peraturan 90 (1) keputusan ataupun kebenaran hendaklah diberi oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum usul ini boleh dibawa, dan saya membuat keputusan iaitu kita harus mematuhi kepada Peraturan 14 (1) iaitu tidak boleh menangguhkan mesyuarat ini dengan begitu sahaja tanpa diberi notis dan apa perkara-perkara yang dibawakan oleh Ketua Pembangkang tadi adalah perkara yang memerlukan notis. Dengan ini saya menolak permohonan Ketua Pembangkang itu. Teruskan, Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*14hb Disember, 1989*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Labuan.

4-22 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan dalam membahaskan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang terhenti semalam di atas tindakan salah seorang dari Ahli DAP yang tidak bertanggungjawab. Sebelum ini saya juga ingin membuat pembetulan bahawa semasa panggilan tidak cukup korum dibuat semalam, bukanlah Ahli dari Seremban yang bercakap seperti yang dilaporkan di dalam akhbar hari ini. Ini adalah salah satu daripada kelemahan pihak media massa. Sahabat saya dari Kuala Kedah selalu menjadi mangsa ini kerana apabila namanya disebutkan, gambar yang keluar di kaca TV ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abu Bakar Lajim bukannya Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun ke tahun kita dapati peningkatan dalam pelaburan secara keseluruhannya adalah begitu ketara dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor lain yang turut menyumbang kepada peningkatan dalam pelaburan ini, kerana adanya kestabilan politik negara, infrastruktur yang baik, kewujudan sumber-sumber bahan mentah dan guna tenaga yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa insentif-insentif yang disediakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 kepada pelabur adalah merupakan salah satu faktor penarik kepada pelabur-pelabur untuk melabur di negara ini dan dalam projek pembualan sahaja, seramai 1,365 projek telah menerima galakan di bawah Akta ini. Di antara tempoh Januari 1986 hingga bulan Oktober, 1989. Dan dalam masa yang sama seramai 2,436 memohon untuk kelulusan bagi projek

perkilangan dan sebanyak 75% telah memohon untuk mendapatkan insentif galakan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penekanan kepada beberapa masalah yang berkaitan dengan Akta ini yang dihadapi oleh pelabur, khususnya, di Labuan dan di tempat lain kemungkinan, yang saya kira perlu diteliti dan difikirkan dan kalau perlu dipinda Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kajian Perindustrian 1986, hanya sejumlah 43% pertubuhan industri pembuatan di Labuan yang layak untuk mendapatkan galakan perindustrian yang ditawarkan oleh Akta Galakan Pelaburan 1988.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya?

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup kuorum, sila bilang—13 orang. Tidak cukup kuorum. Minta bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, 32 Ahli hadir.*)

Tuan Yang di-Pertua: 32 orang, sudah cukup kuorum. Sila teruskan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Peratusan yang kecil ini adalah disebabkan kerana syarikat-syarikat tidak dapat memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti saiz gunatenaga, modal dan penggunaan bahan-bahan input tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kastam 1967, Labuan adalah merupakan sebuah Pelabuhan Bebas. Status ini menjadikan Labuan sebuah pelabuhan

asing atau foreign port. Apabila barangan dibawa masuk dari mana-mana "Principal Customs Area" di Malaysia, tiada layanan istimewa atau "preferential treatment" diberikan kepada barangan Labuan apabila memasuki "Principal Customs Area". Begitulah juga dengan Langkawi. Oleh yang demikian, barangan Labuan tidak diberi layanan yang sama dengan barangan dari negara asing atau yang diimport dari negara asing seperti Singapura, Hong Kong ataupun Taiwan. Sebagai sebuah pelabuhan asing, barangan Labuan dikehendaki membayar cukai atau duti apabila memasuki "Principal Customs Area" di Malaysia walaupun pengeluar ataupun pengilang boleh memohon pengecualian daripada Kementerian Kewangan, tetapi Kementerian Kewangan hanya mengeluarkan permit pengecualian untuk tempoh satu tahun. Tempoh satu tahun terlalu pendek untuk pengeluar di sektor perindustrian yang memerlukan banyak pelaburan kewangan. Tempoh permit yang pendek ini iaitu selama satu tahun mewujudkan uncertainty, dengan izin, di kalangan pelabur.

Perkara kedua, Labuan mempunyai kelemahan jika dibandingkan dengan lain-lain kawasan perindustrian di luar negeri yang mengeksport barangan keluaran mereka ke Principal Customs Area di Malaysia. Di antara kelemahan-kelemahan yang nyata ialah barangan yang dieksport ke Principal Customs Area di Malaysia oleh pengeluar luar negeri menerima galakan eksport dari Kerajaan negara mereka masing-masing. Tetapi pengeluar Labuan yang mengeksport barangan keluaran mereka ke Principal Customs Area di Malaysia tidak berhak menerima galakan eksport dari Kerajaan Malaysia kerana di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986, Labuan masih se-bahagian daripada Malaysia dan secara amnya kedudukan double standard, dengan izin, dalam membuat takrif status Labuan oleh Akta Kastam 1967 dan Akta Galakan Pelaburan 1986 telah mengencatkan usaha-usaha mem-

bangunkan sektor industri pembuatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan juga melemahkan sektor perdagangan bagi peniaga-peniaga di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, implikasinya Labuan dan Langkawi, namanya sahaja Pelabuhan Bebas Cukai tetapi gagal dalam membangunkan sektor pembuatan dan perdagangan. Jadi, satu kelemahan dalam Akta ini di mana Labuan ditakrifkan sebagai sebahagian dari Malaysia maka tidak berhak untuk menerima galakan eksport sekiranya barangan buatan dieksport ke Labuan atau Langkawi, misalnya, tayar Dunlop ataupun alat penghawa dingin yang dibuat di Malaysia dan apabila dieksport ke Singapura ianya hanya dikenakan harga yang murah dengan adanya insentif yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kedua-dua Pelabuhan Bebas Cukai ini menjadikan kedudukannya tidak kompetitif malah mendorong peniaga-peniaga ini akan terus mengimport barang tersebut daripada Singapura, kerana ianya lebih murah walaupun barangan tersebut merupakan barangan buatan Malaysia. Di mana lojiknya? Jadi, ini mengencatkan kedua-dua kawasan ini sebagai pusat perdagangan dan entrepot yang telah diberikan kepadanya. Kalaulah barangan yang dibuat di Malaysia ini diimport daripada Singapura dan untuk tujuan re-eksport, tentulah kita tidak kompetitive bagi pasaran luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkeungkinan Yang Berhormat Menteri akan memberikan jawapan ini "semata-mata untuk memberi perlindungan kepada industri tempatan" dan pihak Kastam pula akan menyatakan Kastam akan kerugian dari segi hasil cukai yang akan dikutip dan mereka juga akan menyatakan ini akan meluaskan lagi aktiviti penyeludupan barang-barang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini haruslah ditimbang sebagai entity yang berlainan. Penyeludupan adalah

satu soal penguatkuasaan, ianya bergantung kepada kebijaksanaan dan keberkesanan pihak penguatkuasa Kastam untuk membanterasnya. Lainlah pula kalau kakitangan Kastam itu sendiri yang menyeludupnya. Tetapi kalaulah tujuan untuk melindungi industri tempatan, kita harus juga mengambil kira bilangan pengguna di Labuan dan Langkawi yang akan menggunakan barang-barang tersebut. Saiznya adalah terlalu kecil dan kalaulah penduduk Labuan hanya 35,000 orang, kalau seorang cuma menggunakan satu tayar Dunlop ataupun satu alat penghawa dingin, ianya tidak akan melumpuhkan pengeluar tempatan. Tetapi kalau pengimport itu diberikan layanan yang sama dengan pengimport daripada Singapura tentulah mereka ini juga competitive dan boleh bersaing di pasaran antarabangsa.

Hasil sampingan lain juga boleh diperolehi melalui pengwujudan pekerjaan kepada penduduk tempatan dan hasil cukai pendapatan kepada Kerajaan. Ini jelas bahawa insentif-insentif yang ada ini memberikan keuntungan kepada peniaga-peniaga Singapura atau negara pengimport yang lain dan menjadikan kedua Pelabuhan Bebas Cukai ini underutilised, dengan izin berbanding dengan statusnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ianya menawarkan galakan-galakan berikut kepada industri pembuatan, dan izinkan saya menyebutkan sebahagian dalam bahasa Inggeris:

- (i) pioneer status;
- (ii) investment tax allowance;
- (iii) abatement of adjusted income for manufacturing companies that are:
 - (a) located in a promoted industrial area;
 - (b) resident small-scale manufacturing companies
 - (c) complying with Government policies of employ-

ment or capital participation in industries; and

- (d) exporting self-manufacturing products.
- (iv) accelerated depreciation allowance;
- (v) re-investment allowance;
- (vi) double deductions for promotion of exports.
- (vii) double deductions for 'export credit insurance premium';
- (viii) investment for research and development;
- (ix) incentive for training;
- (x) industrial building allowance for buildings such as warehouses and bulk storage installations for storing goods for exports.

Tuan Yang di-Pertua, galakan abatement of adjusted income tidak berhak diterima oleh pengilang-pengilang di Labuan kerana Labuan bukan dalam senarai kawasan yang berkelayakan menerima galakan ini. Walaupun pada hakikatnya Kerajaan Persekutuan bertujuan membangunkan Labuan sebagai kawasan perindustrian untuk eksport kerana Labuan merupakan sebuah pelabuhan bebas cukai, pengilang boleh mengimport barangan bahan-bahan mentah untuk diproses tanpa membayar cukai.

Selain daripada pelabuhan bebas cukai, tersebut juga dua kemudahan yang disediakan untuk industri untuk eksport: yang pertama ialah Licensed Manufacturing Warehouses (LMW), dan yang kedua ialah Free Trade Zone (FTZ) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Jadi, kedua-dua kemudahan yang saya sebutkan ini mengizinkan pengilang atau pengusaha mengimport bahan mentah, jentera dan peralatan tanpa membayar cukai. Hanya 20% keluaran pengilang atau pengusaha boleh dijual di pasaran tempatan setelah membayar cukai dan

bakinya 80% mestilah dieksport. Jadi, kedua-dua kemudahan ini mempunyai posisi yang baik untuk mencmbsusi pasaran dalam dan luar negeri. Jadi, kerana kebanyakan kemudahan-kemudahan di LMW dan FTZ ini terletak berhampiran dengan lebuh-raya, pelabuhan utama dan lapangan terbang. Walaupun pada hakikatnya kawasan perindustrian Labuan berhampiran dengan Pelabuhan Labuan, tetapi kos pengangkutan dari Pelabuhan Labuan ke lain-lain pelabuhan utama adalah tinggi dan menjadikan penghalang pembangunan sektor perindustrian ini.

Walaupun hanya 20% keluaran LMW dan FTZ ini boleh dipasarkan di pasaran dalam negeri selepas dibayar cukai, LMW dan FTZ ini sedia ada mempunyai letakan yang baik ataupun posisi yang baik untuk memasarkan hasil keluarannya di pasaran dalam negeri. LMW dan FTZ ini terletak berhampiran kawasan bandar di mana ramai penduduknya, misalnya, Bayan Lepas—pasaran dalam negeri Pulau Pinang; Lembah Keramat—pasaran dalam negeri Lembah Kelang, di mana kos pengangkutan dari Kelang ke pengguna adalah rendah. Misalnya jika kilang "A" mahu menjadikan keseluruhan Lembah Kelang yang mempunyai lebih kurang 2.5 juta penduduk sebagai pasaran dalam negeri, maka jumlah hasil keluaran yang mesti dikeluarkan ialah sebanyak untuk 11 juta penduduk. Dan 20% yang dipasarkan di Lembah Kelang dan 80% yang dieksport keluar negeri menjadi projek tersebut berdaya maju dan kompetitif.

Kalaulah pengitang atau pengusaha kilang "B" beroperasi di Labuan, ia boleh memasarkan 100% keluarannya di Labuan tanpa membayar apa-apa cukai kepada penduduk, tetapi jumlah penduduk yang terlalu kecil dengan sebanyak 35,000 orang tidak mengizinkan pengilang mengambil faedah daripada economy of scale, dan jika kilang "B" membawa hasil keluarannya ke Lembah Kelang,

pengilang atau pengusaha dikehendaki membayar cukai sama dengan saingannya iaitu kilang "A" yang terletak, misalnya, di Free Trade Zone tadi atau LMW, kos pengangkutan daripada Labuan ke Pelabuhan Kelang membuat kilang "B" gagal bersaing dengan kilang "A".

Satu scenario lagi ialah apabila kilang "B" ini sepatutnya boleh bersaing dengan kilang "C" yang beroperasi di Export Processing Zone, misalnya, dari Filipina yang mengeksport barangan sama ke Pelabuhan Kelang tetapi kilang "C" ini menerima galakan eksport daripada Kerajaan Filipina. Apabila mengeksport hasilnya ke Pelabuhan Kelang, Malaysia, kilang "B" tidak menerima apa-apa faedah skim galakan eksport di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 yang ada ini. Jadi apabila menjual hasilnya ke Pelabuhan Kelang dari segi memberi galakan eksport, Labuan dianggap sebahagian daripada Malaysia, tetapi dari segi membayar cukai kepada Jabatan Kastam, Labuan adalah sebuah pelabuhan asing yang tidak berhak menerima layanan istimewa seperti yang diterima oleh pengilang atau pengeluaran lain Principal Customs Area.

Satu lagi scenario, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kilang "D" beroperasi di Hongkong dan tidak menerima apa-apa faedah daripada skim galakan eksport yang ditawarkan oleh Kerajaan Hongkong dan kilang "D" ini mengeksport barangan sama, seperti kilang "B" yang beroperasi di Labuan, ke Pelabuhan Kelang. Jadi, kilang "B" sepatutnya dapat menyaingi kilang "D" ini kerana Labuan adalah dekat dengan Pelabuhan Kelang, berbanding Hong Kong dan Pelabuhan Kelang, tetapi malangnya kilang "B" tidak dapat menyaingi kilang "D" kerana kos pengangkutan kilang "B" tinggi daripada kilang "D" tadi. Kadar bagi satu kontena, misalnya, daripada Hongkong ke Pelabuhan Kelang adalah lebih kurang HK\$5,000 atau \$1,750 tetapi daripada Labuan ke Pelabuhan Kelang adalah lebih kurang \$3,000.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kilang "B" ini yang beroperasi di Labuan boleh menyaingi kilang "A" di FTZ atau LMW tadi untuk pasaran Malaysia Timur kerana jaraknya yang dekat, tetapi peraturan perkapalan yang sedia ada hanya mengizinkan kilang "B" berbuat demikian di pasaran negeri Sabah sahaja di mana penduduk keseluruhan negeri Sabah hanya 1.3 juta orang sahaja. Jadi, dasar cabolage, dengan izin, mengizinkan hanya MISC mengambil kargo antara pelabuhan Malaysia atau intra-Malaysian port. Jadi kos pengangkutan keluaran kilang "B" ke Miri ialah kos yang sama daripada Labuan, misalnya, ke Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Kelang ke Miri. Jarak antara Labuan dan Miri hanya 135 kilometer, tetapi kos penghantaran melalui kapal ini adalah tinggi. Selam daripada MISC, Labuan menerima perkhidmatan perkapalan daripada Brunei-Asia Line Limited di mana kos pengangkutan ini adalah lebih rendah daripada melalui MISC tadi.

Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya "dasar "cabotage" tidak mengizinkan Brunei-Asia Line tadi menerima barangan daripada Labuan untuk tujuan mana-mana pelabuhan di Malaysia. Jadi, faedah Labuan sebagai pelabuhan bebas cukai ini berbanding dengan kawasan perindustrian dalam Principal Customs Area, termasuk FTZ dan LMW ini, ialah kemasukan barang-barang pengguna lanpa cukai. Jadi harga barangan pengguna ialah lebih rendah daripada Principal Customs Area, dan kos sara hidup rendah akan dinikmati oleh pekerja. Jadi, pegilang atau pengeluar (majikan) boleh membayar upah yang rendah dan keadaan ini tidak wujud kerana kebanyakan makanan, pakaian dan lain-lain barangan pengguna dihasilkan di Malaysia. Faktor cukai lidak menjadi faktor penentu harga setiap barangan yang dijual, tetapi kos pengangkutan tinggi dari Semenanjung Malaysia ke Labuan telah mengakibatkan harga barangan pengguna di Labuan tinggi dari Principal Customs Area di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, semua scenario yang saya nyatakan ini menunjukkan bahawa akhir-akhirnya Labuan adalah "at the losing end", dengan izin. Ini jelas menunjukkan kelemahan dan menjadi batu penghalang yang perlu difikirkan dan diberi perhatian yang serius. Jelas kepada kita bahawa undang-undang, dasar, stralegi dan pelaksanaan pembangunan yang tidak seragam ini telah mengakibatkan Labuan gagal bersaing dengan lain-lain wilayah di Malaysia. Jadi Kerajaan juga dalam hal ini lelah gagal mengenalpasti masalah dan potensi yang wujud secara terperinci. Contohnya, seperti yang saya nyatakan tadi:

- (i) Akta Kastam 1967 tadi menjadikan Labuan sebuah pelabuhan asing, iaitu di luar Malaysia.
- (ii) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 menjadikan Labuan sebahagian daripada bahagian kawasan Malaysia; dan
- (iii) barangan keluaran Labuan masuk ke lain-lain bahagian di Malaysia dikenakan cukai seperti barangan keluaran negara asing. Ini adalah di bawah Akta Kastam 1967, dan pengeluar di negara asing menerima faedah skim galakan eksport dari Kerajaan mereka, tetapi pengeluar di Labuan tidak layak menerima faedah skim galakan eksport dari Kerajaan Persekutuan kerana Labuan ialah sebahagian daripada Malaysia di bawah Akta ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan. Ada laporan mengatakan bahawa semenjak Labuan ini diletakkan di bawah kuasa Wilayah Persekutuan, ianya semakin hari semakin mundur dan mengikut penjelasan Yang Berhormat tadi dari ucapan itu menampakkan kepada kita bahawa ini wujud. Sama ada ianya disebabkan oleh Labuan itu dilelakkan di bawah jagaan Wilayah Persekutuan atau tidak, tetapi saya

mohon penjelasan Yang Berhormat sama ada hakikat yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi dan juga hakikat bahawa Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan itu menyebabkan kemunduran kepada Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Abdol Mulok bin Awang

Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi dan malahan semenjak Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, ianya telah berkembang pesat dalam beberapa aspek. Tetapi yang saya bawa di sini adalah perkara yang saya kira boleh diperbaiki atau dipertingkatkan lagi untuk memajukan Labuan di masa hadapan apabila ianya akan menempuh menjadi sebuah kawasan tax haven.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Bahawa berdasarkan kepada fakta-fakta yang saya jelaskan ini terdapat kelemahan-kelemahan dalam Akla ini. Oleh yang demikian, saya memohon agar Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji dan membuat penyesuaian yang berpaling bagi memberikan peluang-peluang yang sama bagi menggalakkan para pelabur untuk melabur di Labuan yang akan dijadikan kawasan lax haven lebih attractive, dengan izin, bagi tujuan menarik lebih ramai pelabur di masa akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini supaya semua undang-undang yang mengawal import dan eksport dan pergerakan barang-barang daripada Pelabuhan Labuan ke negara-negara lain dimansuhkan. Contohnya:

- (1) keperluan permit import dan eksport bagi semua barangan untuk tujuan eksport tadi dimansuhkan. Jadi, permit hanya diperlukan dari Labuan ke Principal Customs Area dan *vice versa*.
- (2) Saya mahu minta supaya barangan electrical yang di-import untuk tujuan re-export,

dengan izin, tidak memerlukan kelulusan Electrical Inspectorate yang kini berpejabat di Kota Kinabalu.

- (3) Segala pharmaceutical drugs, dengan izin, yang diharamkan penggunaannya di Malaysia boleh diimport untuk tujuan re-export ke negara ketiga.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bahawa pada satu ketika dahulu Singapura adalah merupakan sebuah negara pembuat ataupun manufacturing state. Ini adalah kerana terdapatnya beberapa insentif yang telah diberikan di dalam sektor pembuatan ini di Singapura, tetapi hari ini kelas kepada kita bahawa Singapura telah mengakui bahawa mereka tidak lagi dapat bersaing dengan negara kita kerana Malaysia telah berjaya, mungkin ini adalah disebabkan beberapa faktor-faktor pengeluaran yang berbeza atau lebih rendah daripada yang terdapat dengan Singapura. Tetapi mereka lelah mengubah haluan mereka kepada sektor yang lain pula, iaitu sektor service industry dan mereka tidak dapat bersaing secara amnya dengan negara kita, tetapi mereka mengubah haluan untuk memesatkan lagi sektor perkhidmatan ini dengan memberikan beberapa intensif kepada pengusaha-pengusaha dalam sektor ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya galakan-galakan yang hampir sama diperkenalkan bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan juga Langkawi kerana Labuan dan Langkawi adalah mempunyai satu status yang sama, iaitu merupakan pelabuhan bebas cukai dan walaupun kedudukannya agak berjauhan, tetapi boleh dimajukan dalam sektor service industri ini. Kalau, misalnya, Langkawi boleh dijadikan, dimajukan, sebagai pusat perubatan, dengan wujudnya sebuah Cardiac Specialist Centre ataupun Eye Specialist Hospital, Labuan dengan kedudukannya sebuah pulau boleh dimajukan sebagai

sebuah pusat yang berasaskan oil and gas atau offshore exploration.

Jadi, kita meminta supaya Kerajaan dapat memberikan pertimbangan ke atas perkara ini. Dengan adanya pengecualian cukai dari sektor service industry ini dan dengan adanya lagi pioneer service incentive, investment allowance incentive dan juga international consultancy service incentive dan operational headquarters incentive ini diberikan kepada kedua-dua kawasan ini, saya percaya kita akan dapat menyaingi negara Singapura ini dalam sektor service industry ini. Kita boleh mengurangkan juga dependency kita kepada Singapura untuk mendapatkan perkhidmatan dan membangunkan industri perkhidmatan di Malaysia pula, khususnya di Labuan dan Langkawi, dan satu sistem cukai bagi perkhidmatan yang dibeli dari Singapura pula atau negara-negara lain perlu dikuatkuasakan. Misalnya saya pernah menyatakan di Dewan ini supaya mengetatkan segala service yang diperolehi atau menekankannya dengan mengenakan cukai-cukai tertentu kepada syarikat-syarikat beroperasi atau mendirikan ibu pejabat mereka di Singapura. Jadi, dengan adanya penekanan ini, mereka boleh mengalih hala mereka dan mewujudkan pejabat-pejabat mereka di kedua-dua tempat ini.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.44 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong); Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat mengenai beberapa perkara dengan Fasal-fasal Pindaan ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang pertamanya, perkara Fasal 3, kemungkinan pindaan menghasilkan persaingan yang sengit di antara

keusahawan kecil dengan yang besar bagi memperolehi laraf perintis. Ini kerana taraf perintis diberi berasaskan pertimbangan beberapa faktor termasuk:

- (a) bilangan syarikat taraf perintis yang tertubuh atau akan ditubuh berhubungan dengan aktiviti atau keluaran yang digalakkan.
- (h) keluaran tersedia ada atau akan dihasilkan oleh kedua-dua syarikat yang bertaraf perintis dan akan ditubuh sebagai bertaraf perintis; dan
- (c) mereka yang dicadangkan atau tersebut sebagai Pengarah adalah pemegang saham syarikat-syarikat berkenaan.

Dengan pindaan Fasal 3 ini maka syarikat-syarikat taraf perintis yang menguasai syarikat lain sama ada secara langsung atau tidak, besar kemungkinan syarikat-syarikat besar ini mempunyai lebih banyak modal untuk berkecimpung di dalam aktiviti atau keluaran yang digalakkan menerusi anak-anak syarikat mereka. Akhir-akhirnya, berapa syarikat besar menguasai aktiviti-aktiviti atau keluaran yang digalakkan dan taraf perintis di dalam bidang berkenaan.

Syarikat-syarikat besar ini berkeupayaan mengeluarkan jumlah keluaran yang lebih tinggi, maka mereka dapat menguasai pembekalan keluaran yang digalakkan dan disebabkan Kerajaan juga mempunyai had ke atas jumlah keluaran bertaraf perintis sama dengan had yang dikenakan ke atas bilangan syarikat dengan bertaraf perintis, penglibatan lebih banyak syarikat besar mengurangkan lagi peluang yang ada bagi syahkat kecil. Maka adakah Kerajaan akan memberi keutamaan kepada syarikat kecil, syarikat sederhana ataupun syarikat besar? Ini satu soalan yang penting kerana kita tidak mahulah wujudnya satu monopoli sahaja untuk menikmati taraf tersebut.

Faktor ketiga juga mempengaruhi keputusan memberi taraf perintis ialah

Pengarah ataupun pemegang saham sama ada Kerajaan mengakui ataupun tidak syarikat yang mempunyai satu Lembaga Pengarah dan pemegang saham secara berasingan, mempunyai kewangan yang cukup untuk melakukan penyelewengan-penyelewengan termasuk rasuah kepada pegawai-pegawai yang membuat keputusan untuk meluluskan permohonan.

Sebenarnya, galakan pelaburan ini hendaklah mementingkan cara-cara untuk mengelakkan penyelewengan-penyelewengan yang mungkin berlaku. Dengan adanya pindaan, maka syarikat besar yang berminat boleh beri beberapa sijil taraf perintis bagi anak-anak syarikatnya maka secara tidak langsung memonopolikan ataupun oligopoly pasaran di sebelah pembekalan boleh wujud tanpa menimbulkan apa-apa syakwasangka terhadap pegawai-pegawai mahupun syarikat-syarikat yang terlibat. Tuan Yang di-Perlu, soal monopoli ini adalah penting untuk memelihara rakyat Malaysia.

Di bawah Fasal 8, syarikat perintis boleh memohon mendapat elaun cukai pelaburan. Perundangan tersedia ada ialah syarikat-syarikat yang menerima taraf perintis tidak boleh memperolehi elaun cukai pelaburan dan sebaliknya. Dengan pindaan tersebut, maka sebuah syarikat boleh memiliki kedua-dua sekali, Apakah kriteria yang akan dikenakan oleh Kerajaan dalam mempertimbangkan kes-kes sebegini? Mengapakah taraf perintis atau elaun cukai pelaburan itu satu sahaja galakan diberi tidak mencukupi untuk menggalakkan pelaburan dalam aktiviti atau keluaran yang digalakkan? Berapa banyakkah kehilangan hasil yang mungkin dialami oleh Kerajaan ekoran daripada pindaan ini? Berapa banyakkah syarikat yang bertaraf perintis yang telah melahirkan minat mereka untuk memohon mendapat kedua-dua jenis galakan pelaburan sekaligus.

Adakah ia juga bermakna syarikat yang sudahpun memperolehi elaun cukai pelaburan tidak perlu menyerahkan balik galakan tersebut, jika ia ingin memperolehi taraf perintis? Perkara ini tidak jelas di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Mengenai Fasal 9, Tuan Yang di-Pertua, apakah hasrat di belakang proviso baru seksyen 27 yang membolehkan Menteri memberi kuatkuasa kebelakangan bagi kelulusan penyerahan balik elaun cukai pelaburan. Jika dibenarkan, bagaimanakah tindakan Menteri ini akan mempengaruhi kedudukan kewangan syarikat berkenaan dan adakah ia perlu bagi syarikat itu membayar balik pelcpasan cukai yang diterima pada tahun-tahun penyerahan elaun cukai pelaburan dibelakangkan?

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 adalah mengenai elaun pelarasan perindustrian. Elaun pelarasan perindustrian merujuk kepada penyusunan semula organisasi kilang. Syarikat yang bertaraf perintis atau telah diberi kelulusan di bawah seksyen 27 boleh juga memohon untuk mendapat elaun baru ini. Pada biasanya, pelarasan perindustrian di Malaysia berjalan kerana syarikat tersebut mengalami keadaan modal berbayar hampir tergonjol akibat pelbagai faktor, tetapi yang utama sekali iaitu pengurusan yang tidak cekap serta penyelewengan. Bagi syarikat-syarikat ini, khasnya mereka yang sudah memperolehi taraf perintis, bukanlah ia membayangkan ketidakcekapan pengurusan pengeluaran dengan memberi elaun pelarasan perindustrian, maka Kerajaan sedang menyediakan satu lagi alternatif untuk mengurangkan kerugian supaya memulihkan kesihatan kewangan syarikat berkenaan. Kami memang sedar kilang-kilang ini mengupah ramai kakitangan, akan tetapi apakah syor-syor yang boleh diberi oleh Kerajaan bahawa pelepasan-pelepasan cukai ini tidak disia-siakan sahaja.

Adakah syarikat-syarikat berkenaan akan menggunakan galakan ini dengan lebih berkesan?

Seterusnya, usaha memperkuat asas bagi sara diri juga melibatkan memajukan teknologi perindustrian dan pengurusan cekap tenaga manusia. Dalam jenis-jenis kegiatan ini, terutama sekali di syarikat-syarikat yang besar ianya biasa juga melibatkan pemberhentian tenaga kerja buruh dan digantikan pula dengan mesin ataupun penanaman modal. Apakah jaminan Kerajaan yang perkara ini tidak akan dibenarkan berlaku di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan enam aspek mengenai Rang Undang-undang ini.

Pertamanya, dengan adanya galakan-galakan ini, kita seharusnya mencapai satu keseimbangan di dalam penarikan modal dan pelaburan asing dengan pelaburan tempatan kerana kita tidak mahu berlakunya penjajahan ekonomi di negara ini oleh negara-negara yang lebih maju daripada kita.

Kedua, perlulah kita bagi cukup pemeliharaan untuk pelabur-pelabur tempatan. Saya akui bahawa di dalam ekonomi terbuka ini kita boleh menghalang pelabur-pelabur asing, bahkan juga kita patut menggalakkan mereka melabur di negara ini untuk sama-sama memajukan ekonomi negara, tetapi keseimbangan hendaklah diadakan.

Yang ketiga ialah birokrasi. Di sini saya hendak menckankan bahawa birokrasi setakat ini tidak dapat dikurangkan dengan bcrkesan lagi. Walaupun Yang Berhormat Menteri sendiri telah berkali-kali mengeluarkan kenyataan mengenai hasrat untuk memperbaiki keadaan birokrasi di negara ini serta red-tape, saya berharap pihak pelabur terutamanya pelabur asing tidak menggunakan kemampuan mereka

untuk mengatasi birokrasi dan red tape ini secara tidak sah dan Yang Berhormat Menteri hendaklah bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan ini. Saya ada terdengar juga iaitu pelabur asing terutamanya eksekutif-eksekutif yang hendak mendapatkan visa, melanjutkan tempoh bermastautin di negara ini, meneruskan persekolahan kanak-kanak dan sebagainya, yang mengalami kesusahan dari semasa ke semasa. Tetapi saya tidak ada buktilah macam mana mereka dapat menyelesaikan sama ada melalui penyelewengan ataupun rasuah ataupun tidak kerana ini diperlukan dalam hitam-putih pula.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang keempat ialah usaha-usaha hendaklah diadakan untuk mengurangkan penyelewengan-penyelewengan dengan adanya galakan pelaburan ini terutamanya rasuah kerana kita tidak mahulah budaya rasuah bermaharajalela di negara ini dan apabila adanya modal-modal besar sama ada daripada orang asing ataupun tempatan, maka besar kemungkinan berlakunya penyelewengan kalau kita tidak berwaspada.

Aspek yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, ialah krlcria untuk memilih pelabur-pelabur asing. Adakah kriteria ini untuk jangka masa panjang sahaja, setakat mengadakan modal sahaja di negara ini? Adakah ianya setakat untuk mewujudkan peluang pekerjaan untuk sementara sahaja ataupun untuk jangka masa panjang? Saya berpendapat bagi kebanyakan pelaburan di sini, pihak Kerajaan tidak mengira kepenlingan jangka masa panjang, cuma hendak menarik pelaburan sahaja. Jadi, walaupun Yang Berhormat Menteri akan menafikan, menyangkal, tetapi hakikatnya wujud di negara ini.

Aspek yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya lebih banyak penggalakan kepada pelaburan, maka kemungkinan wujudnya satu sistem cartel ataupun satu sistem monopoli di

negara ini, memang kita hendak semua mengambil perhatian untuk mengelakkan dari berlakunya sistem cartel di negara ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri mungkin tidak akan mengakui boleh berlakunya sistem seperti ini, tetapi maklumlah sama ada dari segi simen, besi ataupun bahan-bahan yang lain, cartel boleh berlaku, boleh wujud di negara ini. Ini terserah kepada dasar dan pelaksanaan dan penguatkuasaan pihak Kerajaan untuk mengelakkan sistem cartel di negara ini supaya rakyat tidak akan mengalami penderitaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.10ptg.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Rafidah Aziz):

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk berucap dan memberi pandangan-pandangan atas Rang Undang-undang ini.

Saya ingin menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Perkara-perkara lain akan diambil perhatian dan juga akan disusuli di mana yang wajar.

Ahli Yang Berhormat daripada Seremban telah menekankan soat peranan pelabur tempatan dan mengatakan bahawa insentif-insentif hanya diberi kepada syarikat-syarikat besar. Sepertimana saya jawab semasa soal-jawab mulut ladi, Kerajaan memberi penekanan juga kepada peranan pelabur tempatan dan tidak benar bahawa insentif hanya diberi kepada industri besar, terutama industri besar asing kerana insentif adalah diberi tidak mengikut saiz syarikat, sama ada tempatan ataupun asing bahkan insentif diberi mengikut jenis keluaran dan jenis aktiviti yang hendak digalakkan oleh negara ini berasaskan kepada kecekapan kita mengeluarkan barang-barang itu.

Jadi, tidak timbullah soal kita mendiskriminasi.

Yang Berhormat juga mengatakan bahawa pelabur-pelabur asing ini biasa katanya bila sudah tidak ada lagi insentif, kos upah sudah naik dan selepas mendapat segala pioneer status, dia balik atau dia lari. Itu tidak benar. Pengalaman kita menunjukkan bahawa pelabur-pelabur yang sudah berbelas tahun dan berpuluh-puluh tahun ada di sini setelah mendapat insentif, telah selesai tamat tempoh pioncer status atau insentif bebas cukai atau pengecualian cukai tadi, mereka bukan sahaja terus menetap di sini tetapi telah membuat pelaburan baru, iaitu dari segi pembesaran projek, pelbagaian barangan dan juga membuat barang-barang baru. Ini adalah pengalaman sehinggakan ada di antara pelabur-pelabur asing besar ini.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Ini bukan Yang Berhormat bercakap. Tidak payahlah. Ini disentuh oleh Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Tan Seng Giaw: Walaupun begitu dia serupa jugalah. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya tidak beri jalan. iaitu seperti syarikat-syarikat besar sudah ada 8 operasi di negara ini semenjak mulanya mereka awal-awal tahun 60an. Ini menunjukkan bahawa mereka bukan hanya bergantung kepada insentif tetapi setelah mendapat insentif awal mendapati bahawa mereka wajar melabur di sini kerana suasana melabur sangat baik.

Saya ingin menyarankan kepada pihak DAPlah kalau mereka mendapat rungutan daripada pelabur tempatan

yang kononnya mereka tidak mendapati faedah-faedah seperti pelabur asing ini, saya harap DAP akan membuat satu kerja untuk memberitahu kepada orang-orang ini bahawa sebenarnya dasar kita tidak mendiskriminasi. Beritahulah mereka tentang segala aspek dasar-dasar insentif supaya mereka boleh menikmatinya.

Juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengenai elaun-elaun seperti potongan cukai untuk perjalanan bagi menggalakkan eksport dan juga entertainment, dengan izin. Sebenarnya ada potongan-potongan dua kali untuk semua aktiviti menggalakkan eksport termasuklah tambang, perbelanjaan sampingan dan juga keraian termasuk eksport. Tetapi daripada pihak Cukai Pendapatan meneliti claims ini hendaklah didapati bahawa segala perbelanjaan itu benar-benar direct atau langsung kena-mengena dengan urusan eksport. Entertainment boleh diberi tetapi ada hadnya sebab tidak semua entertainment itu kadang-kadang dibuat untuk eksport atau untuk menggalakkan perniagaan. Jadi itulah sebabnya Income Tax cerewet sedikit dan wajar dicerewetkan, Kalau tidak dihadkan entertainment allowance ini dan diberikan sahaja pengecualian atau double deduction, macam-macam lah akan dilambahkannya.

Mengenai cukai korporat kita yang dikatakan tinggi kalau dibandingkan dengan negara luar, sebenarnya cukai korporat kita ialah 35% tetapi kalau kita ambil kira lain-lain potongan yang diberi oleh Kerajaan seperti pengurangan pendapatan larasan, galakan eksport dan sebagainya, syarikat-syarikat yang menikmati potongan-potongan ini sebenarnya membayar kurang dari 35%—secara efektif, kurang daripada 35%.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Labuan-sebenarnya minta maaf lah Yang Berhormat, banyak sangat (a), (b), (c) dan (d) yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya pun

hilang suku jalan sudah tak faham (a), (b), (c), (d) yang mana-tetapi saya dapat mauduknya iaitu ini kena-mengena dengan Akta Kastam. Saya akan susulilah di mana (a), (b), (c), (d) ini semua.

Dari segi menggalakkan industri di Labuan, memang tidak boleh dinafikan bahawa sukar industri-industri hendak ditubuhkan di Labuan. Bukan kerana elemen dutinya tetapi sebenarnya kos di Labuan itu tinggi. Kos upahnya, kos tanahnya dan berbagai-bagai lagi. Itulah sebabnya tidak berminat pelabur-pelabur sama ada pelabur Malaysia sendiri atau pelabur asing bagi menempatkan pelaburan mereka di Labuan. Lagi pun kalau mereka hendak mengeksportkan barang-barang mereka, lebihlah wajar mereka mengeksport daripada Pelabuhan Kelang, Pasir Gudang atau Pulau Pinang yang berhampiran atau yang lebih murah kosnya bila tambang itu diambil kira. Dari segi Langkawi pula memang bukan tujuan Kerajaan hendak mewujudkan Langkawi sebagai kawasan perindustrian. Kita hendak galakan Langkawi sebagai kawasan tourist atau pelancongan. Jadi di situ satu perbezaan.

Untuk barang-barang yang dibawa masuk ke Labuan dan juga ke Langkawi, sebenarnya Labuan dan Langkawi telah ditafsirkan sama setaraf dengan FTZ itu barang-barang yang dibawa masuk untuk dilibatkan dalam perkilangan daripada Kawasan Kastam ke FTZ, ke licensed manufacturing warehouse, dengan izin, di Labuan dan Langkawi layak mendapat Customs Duty Drawback, dengan syarat-syarat tertentu dan dengan prosedur tertentu. Jadi, dari segi itu ada sedikit keistimewaannya bagi barang-barang dibawa masuk daripada Customs area ke kawasan Labuan dan Langkawi. Dan tentu Yang Berhormat pun sedia maklum dengan cadangan Kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai tax haven, dengan izin, bertillah bahawa Labuan ini mempunyai potensi dalam bidang memberi

khidmat-khidmat kewangan ataupun perkhidmatan dalam bidang Financial. Ini adalah satu yang istimewa bagi Labuan di mana tempat-tempat lain di Malaysia tidak akan memperolehinya.

Seperti juga Langkawi, kita beri penekanan sebagai satu pusat pelancongan yang terulung di negara kita ini. Jadi keistimewaan kedua-dua pulau ini lain, maka tidaklah boleh disamakan dengan keupayaan mereka untuk menjadi kawasan perindustrian.

Tuan Abdul Mutok bin Awang Damit: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Labuan bangun. Hendak beri jalan dekat dia?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih sahajalah. Dari segi operational headquarters incentive yang diberi oleh Singapura, sebenarnya ini Kerajaan sudahpun memberi kepada mana-mana juga syarikat yang telah bercadang untuk menubuhkan operational headquarters di Malaysia, letak di mana juga dan boleh mendapat insentif seperti juga Singapura asalkan mereka memenuhi beberapa syarat. Ini telah pun diumumkan oleh Kerajaan Udak berapa lama dahulu. Jadi sebenarnya dalam meneliti insentif-insentif ini, kita memang buat perbandingan yang rapi dengan insentif yang diberi oleh negara-negara jiran supaya kita tidak ketinggalan menarik syarikat-syarikat supaya menubuhkan ibu pejabat operasinya di sini.

Yang Berhormat dari Kepong telah mengatakan bahawa taraf perintis ini mungkin memberi saingan hebat untuk industri kecil. Sebenarnya, saya ingin menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk industri kecil dan sederhana Kerajaan sudah pun mengumumkan dan melaksanakan satu

dasar khas mengenai pioneer status atau taraf perintis iaitu di mana bagi industri kecil dan sederhana yang memenuhi beberapa syarat asas, mereka boleh mendapati secara automatik pioneer status asalkan keluaran itu di bawah senarai yang ditentukan. Senarai barangan keluaran ini adalah barangan yang khas yang boleh dikeluarkan hanya oleh industri kecil dan sederhana supaya kita dapat menggalakkan sektor industri kecil dan sederhana dengan lebih cepat dan tidak ketinggalan mereka diberi kemudahan atau insentif seperti pioneer status. Ini sudah ada dan tidak adalah persaingan dalam hal itu.

Saya agak kesal juga kerana Yang Berhormat telah membangkitkan soal rasuah dalam kelulusan pioneer status dan sebagainya. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan mempunyai kriteria-kriteria yang jelas dan kriteria-kriteria yang ketat untuk kelulusan apa juga insentif dan kita tidak menggunakan budibicara dalam memberikan insentif. Jadi soal syak-wasangka pegawai tidak timbul.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab habislah. Seboleh-bolehnya tidak ada ruang bagi budibicara supaya jelas kepada pelabur asing dan kepada pelabur tempatan. Kalau kriteria yang ada disenaraikan itu dipenuhi, mereka layak menerima. Kalau tidak memenuhi kriteria, tidaklah layak. Ini sudah berjalan dengan baik. Saya rasa tidak haruslah kita membuat syak-wasangka terhadap pegawai kita mengenai rasuah kerana kriterianya sangat jelas.

Mengenai sama ada dia boleh dapat kedua-dua pioneer status dan Investment Tax Allowance atau Elaun Cukai Pelaburan, tidak boleh. Dia hanya satu, either one sahaja, yang dia boleh pilih.

Mengcnai backdating ini, semalam ucapan saya panjang lebar, Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita backdate. Tidak payahlah saya ulang lagi, kerana sudah sebutkan semalam mengapa perlunya dibackdate kepada 1hb Januari, 1986.

Mengenai Investment Adjustment Allowance, dengan izin, memang Kerajaan berhasrat supaya penggunaan kewangan ini adalah dibuat dengan sebaik-baiknya. Itulah sebabnya sekarang ini Kerajaan sedang dalam peringkat akhir penelitian kepada industri-industri yang sedang hendak diselaraskan ini untuk memastikan di mana kelemahan mereka, di mana yang patut mereka diperbaiki dan banyak mana kewangan harus disalurkan kepada industri-industri yang telah dikesankan itu supaya benar-benar Inveestment Adjustment Allowance ini mendatangkan faedah seperti yang dihasratkan.

Mengenai penjajahan ekonomi tidaklah perlu kita kuatiri di sini, asalkan Kerajaan Barisan Nasional tetap memerintah di negara ini dan Kerajaan Barisan Nasional sedar tanggung-jawabnya mengawal apa juga kemasukan pelaburan asing dalam konteks keselamatan negara dan keselamatan ekonomi negara, saya rasa, insya Allah tidak akan timbul penjajahan ekonomi. Dari segi pelaburan tempatan dipelihara, diperseimbangkan, sudah saya jawab panjang lebar dalam masa soal Jawab Mulut siang tadi. Kerenah birokrasi memang ada, tentu ada dan kita tidak mahu melihat kerenah birokrasi menyekat pelabur dan menyekat usahawan swasta dan itulah sebabnya Kerajaan mengadakan berbagai-bagai aspek pembaharuan dan perubahan seperti deregulation, dengan izin, dan usaha berterusan dibuat untuk kita mengurangkan kerenah birokrasi ini.

Sebenarnya, baru-baru ini satu Unit Khas telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri sendiri yang mana pelabur-pelabur boleh membuat apajuga komplemen seperti visa, pasport dan sebagainya supaya komplemen ini dapat

diatasi dengan segera mungkin. Kadangkala kerenah birokrasi ini bukan kerana dasar tetapi ada kalanya di sana sini tidak begitu faham dan jelas pelaksanaannya oleh orang-orang atau kakitangan tertentu. Ini sentiasa diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menggalakkan masuk pelabur-pelabur asing tidaklah semudah membuka pintu begitu sahaja. Sebenarnya kita meneliti kesan-kesan jangka masa panjang industri-industri yang masuk ke riegara ini. Bukan sahaja kita hendak industri-industri ini menyerap pekerja-pekerja kita daripada tenaga pekerja atau workforce, dengan izin, tetapi juga kita ingin melihat modal yang masuk ini membawa tahap-tahap teknologi yang memadai dan yang baik. Kita ingin juga mereka membawa masuk pengetahuan dan kemahiran yang boleh mewujudkan lagi atau meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan keupayaan kemahiran dalam negeri sendiri. Jadi ada banyak pertimbangan, tidaklah kita hanya melihat jangka pendek, malah kita melihat jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu dan yang mana wajar kita akan mengambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 22 dipertingkatkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Baou Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Kewangan 1988 dan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1989 pada tahun lalu.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Sesebuah amanah unit adalah tertakluk kepada cukai berlebihan bagi pendapatan yang dikenakan cukai yang melebihi \$300,000.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk mengecualikan pendapatan sesuatu amanah unit daripada cukai untuk

berlembihan. Di dalam Belanjawan 1989, Menteri Kewangan telah mengemukakan bahawa galakan-galakan tertentu akan di adakan bagi menggalakkan penubuhan Ibu Pejabat Operasi (IPO),

Fasal 6 adalah berhubungan dengan Syarikat Ibu Pejabat Operasi. Syarikat Ibu Pejabat Operasi yang diluluskan ialah sebuah syarikat asing yang mempunyai Ibu Pejabat Operasinya di Malaysia dengan tujuan memberi perkhidmatan kepada syarikat subsidiari alau gabungannya yang bertempat di luar Malaysia. Fasal ini juga bertujuan memasukkan perenggan baru (g) kc dalam seksyen 6(1) Akta supaya pendapatan yang diterima daripada pemberian perkhidmatan layak oleh IPO yang diluluskan akan dikenakan cukai pada kadar 10% sebagaimana yang dicadangkan dalam Fasal 14. Kadar istimewa ini akan dibenarkan bagi tempoh lima tahun dan boleh dilanjutkan oleh Menteri Kewangan bagi satu tempoh yang tidak melebihi lima tahun. IPO perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan untuk tujuan menikmati layanan cukai khas.

Fasal 9 mencadangkan seksyen baru 60E. Di bawah seksyen ini pendapatan dividen yang diterima oleh IPO daripada pelaburan yang dibuat ke atas syarikat subsidiari atau syarikat gabungannya dikecualikan daripada cukai sepenuhnya. Dividen yang dibayar oleh IPO berkenaan akan juga dikecualikan pada peringkat pemegang saham. pengecualian di hadkan untuk tempoh 10 tahun.

Peruntukan-peruntukan tersebut di atas berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 1990.

Di dalam Belanjawan 1989, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa peruntukan khas mengenai cukai akan disediakan bagi menggalakkan perkembangan syarikat-syarikat modat usaha. Bagi tujuan ini beberapa pindaan dicadangkan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 9 juga bertujuan memasukkan seksyen baru 60_D mengenai percukaian ke atas syarikat modal usaha. "Syarikat modal usaha" ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di mana ianya memegang saham di dalam syarikat-syarikat urusntaga yang terlibat di dalam projek atau aktiviti yang mempunyai risiko yang tinggi di samping teknologi baru.

Di bawah seksyen ini, keuntungan yang diperolehi oleh syarikat modal usaha dari penjualan saham dalam syarikat-syarikat usahaniaga dan dividen yang diagih dari keuntungan berkenaan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Kerugian pula tidak dibenarkan sebagai potongan daripada lain-lain pendapatan syarikat modal usaha dan juga tidak dibenarkan dibawa ke tahun hadapan.

Seksyen baru ini juga membuat peruntukan supaya potongan dibenarkan bagi beberapa perbelanjaan tertentu di mana potongan ini tertakluk kepada hal maksimum 25% daripada perbelanjaan tersebut. Syarikat modal usahaniaga perlu diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk menikmati layanan cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Akta Cukai Pendapatan dipinda agar layanan khas diberi kepada unit-unit amanah.

Fasal 10 bertujuan meminda 61 Akta supaya sebarang pendapatan yang terbit daripada penjualan saham atau harta tanah tidak akan dianggap sebagai pendapatan kepada unit amanah dan apa-apa pendapatan yang dibahagi-bahagikan daripada keuntungan itu tidak akan dikenakan cukai.

Fasal 11 bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 63A dan 63e ke dalam Akta. Seksyen 63A membenarkan suatu potongan khas bagi perbelanjaan modal yang dilakukan oleh sesebuah amanah unit. Potongan ini adalah dalam bentuk elaun yang bersamaan dengan 1/10 daripada perbelanjaan modal yang layak. Bagaimanapun apa-apa elaun tak terserap,

tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan ke tahun yang berikutnya.

Seksyen 63_B membenarkan sebagai potongan suatu bahagian daripada perbelanjaan-perbelanjaan tertentu yang pada lazimnya tidak akan dibenarkan bagi maksud-maksud tertakluk kepada minimum 10% dan maksimum 25% daripada perbelanjaan-perbelanjaan itu. Bagaimanapun, apa-apa perbelanjaan tak terserap tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan ke tahun yang berikutnya. Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 1990.

Fasal 12 bertujuan memasukkan sub-seksyen baru (9A) ke dalam seksyen 110 Akta untuk menjelaskan bahawa jika pendapatan yang dibahagi-bahagikan oleh sesuatu amanah unit boleh dikenakan cukai ke atas pemegang unit. Maka cukai yang boleh dikenakan ke atas amanah unit itu akan diimbangi dengan cukai yang dikenakan ke atas pemegang unit itu.

Fasal 15 bertujuan meminda Jadual 4A kepada Akta untuk memperuntukkan bahawa sesuatu syarikat yang diberi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau galakan-galakan yang serupa di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 yang termasuk tidak boleh memilih mendapat potongan untuk perbelanjaan ladang berkelayakan. Perbelanjaan yang dilakukan adalah bagi maksud-maksud sesuatu projek pertanian yang diluluskan. Pindaan ini berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 1989.

Fasal 16 bertujuan meminda Jadual 7A pada Akta untuk memastikan bahawa sesuatu syarikat yang lelah diberi elaun pelarasan industri di bawah Akta Penggalakan Cukai 1986 tidak dapat menuntut elaun pelaburan semula. Pindaan ini akan berkuatkuasa mulai Tahun Taksiran 1990.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Di dalam Belanjawan 1989, Menteri Kewangan

telah mengumumkan bahawa keuntungan yang diperolehi oleh unit amanah harta tanah dari penjualan harta tanah tidak akan dikenakan cukai pendapatan. Sebaliknya ia akan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Untuk menguat-kuasakan cadangan ini, Fasal 18 bertujuan meminda tafsiran "pendapatan" di dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV adalah berkaitan dengan pindaan kepada Akta Kewangan 1988. Di dalam Belanjawan 1989 Akta Cukai Pemindahan Syer telah dimansuhkan. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes cukai pemindahan syer yang belum selesai lagi.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk membolehkan Menteri Kewangan mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan Akta Cukai Pemindahan Syer iaitu syarikat berasaskan tanah 1984 dan juga untuk membolehkan Menteri Kewangan atau Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk meremitkan cukai di dalam Akta tersebut. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 21 hb Oktober 1988.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam); Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Kewangan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

538ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang kewangan yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri mempunyai banyak Fasal tetapi apa yang penting sekali, ialah bahawa pihak Kerajaan boleh mengemukakan sebarang pindaan tetapi adalah tidak berguna langsung kalau sebarang pindaan yang dikemukakan itu tidak dikuatkuasa dengan baik dan adil.

Ini telah berlaku apabila Jabatan Hasil Dalam Negeri semasa mengutip cukai, tidak mengutip cukai dengan baik, sempurna dan dengan adil. Biasanya Jabatan Hasil Dalam Negeri apabila mengutip cukai hanya menumpu kepada mereka yang mempunyai perniagaan yang kecil iaitu orang-orang kecil. Tetapi bagi orang atas, seakan-akan mereka dikecualikan daripada membayar cukai.

Di sini, saya hendak memberi satu contoh di mana ada seorang jutawan telah didakwa mengelakkan daripada membayar cukai sebanyak \$80 juta. Ini adalah satu jumlah yang besar. Jutawan tersebut itu yang tidak membayar cukai tersebut bernama Ahmed Dawjee Dadabhoy iaitu Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy kerana beliau telah meninggal dunia pada tahun 1986. Sungguhpun aduan telah dibuat kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenai apa yang boleh disifatkan sebagai satu penipuan cukai yang besar, tetapi sehingga sekarang ini satu tindakan atau satu keputusan masih belum dibuat.

Satu aduan telah dibuat kepada Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri pada masa itu, iaitu Yang Berbahagia Datuk Hassan Ibrahim dan Yang Berbahagia Datuk Hassan Ibrahim sedang menjalankan siasatan ke atas kes ini sebelum beliau dipindah untuk menjawat Ketua Pengarah RISDA. Dan hanya dalam tempoh masa 2 bulan sahaja apabila beliau menjalankan siasatan ke atas kes ini, beliau telah dipindah ke satu jawatan di RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada siasatan yang

dijalankan oleh Datuk Hassan Ibrahim ada berkaitan dengan pertukaran jawatan Datuk Hassan Ibrahim kepada Jabatan RISDA. Dan kes ini, Tuan Yang di-Pertua, juga telah dibongkarkan dalam suratkhbar *The New Straits Time* pada 28hb Ogos tahun ini. Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy yang tinggal di Malayan Mansion di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur dan dia dikatakan mengelak daripada membayar cukai dengan mengumumkan bahawa beliau adalah seorang Pemegang Amanah Al-Waqf-Ul-Islami al-Aalamee, yang kononnya sebuah Badan yang menguruskan harta-benda, yang kesemuanya dimiliki oleh dia, dan apabila Allahyarham meninggal dunia, dia dikatakan mempunyai harta bernilai berjuta-juta ringgit.

Di sini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Memeri boleh memberikan satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengutip balik, mengumpul balik cukai yang tidak dibayar oleh Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy ini yang tidak mempunyai waris langsung untuk mawariskan hartanya.

Adalah dikatakan bahawa pengadu dikatakan telah meminta bahawa beliau boleh diberikan wang hadiah kerana memberitahu Jabatan Hasil Dalam Negeri dan saya di sini hendak bertanya adakah ini merupakan satu dasar Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk memberikan wang hadiah kepada sesiapa yang membuat aduan, bahawa seseorang tidak membayar cukai kerana pembayaran cukai merupakan satu tanggungjawab. Kalau ini merupakan dasar, saya hendak bertanya mengenai kes ini, apakah jumlah wang hadiah yang telah dibayar kepada orang yang mengadu mengenai penipuan cukai sebanyak \$80 juta ini?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh mengenai beberapa kes pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional yang mengelak daripada membayar cukai, terutamanya pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional di

negeri Sabah. Adalah difahami bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menghantar satu rombongan khas tertinggi ke negeri Sabah untuk menyiasat bahawa terdapat pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional telah mengelak daripada membayar cukai yang terdiri daripada Yang Berhormat Joseph Kurup, Yang Berhormat Bernard Dompok, Menteri Kewangan Negeri dan juga Dato Jeffery Kitingan,

Di sini saya hendak bertanya apakah hasil daripada rombongan khas yang dihantar ke negeri Sabah untuk menjalankan siasatan kepada pemimpin-pemimpin politik tersebut, terutama sekali saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar atau tidak bahawa pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri telah berjumpa wang tunai sebanyak \$8 juta di rumah Yang Berhormat Bernard Dompok iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan Negeri Sabah. Kalau benar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap Yang Berhormat Bernard Dompok, terutama sekali sama ada wang itu telah dibayar kepada Kerajaan dan juga sama ada siasatan telah diambil bahagian beliau yang menjadi seorang Menteri boleh mendapat wang sebegitu banyak, wang tunai di rumahnya sendiri.

Saya rasa di sini sebarang siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, terutamanya terhadap pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional juga merangkutni bidang rasuah, kerana apabila mendapati bahawa pemimpin-pemimpin tersebut mengelak daripada membayar cukai dan mempunyai wang tunai yang banyak, tentulah ada satu sumber bagaimana mereka boleh mendapat wang yang jauh lebih banyak daripada elaun yang mereka dibayar oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya harap bahawa semasa menguatkuasa peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Akta Cukai, pihak penguatkuasa Jabatan Hasil Dalam Negeri bolehlah bertindak adil dan juga

bertimbang rasa sedikit kepada small timers, dengan izin, kepada mereka yang mempunyai perniagaan yang kecil, yang mungkin berpendapatan rendah. Kalaulah sebarang kesilapan yang dibuat, yang melibatkan satu jumlah yang kecil, tidak sampai \$100 atau hanya beberapa ratus ringgit, eloklah Jabatan Hasil Dalam Negeri melonggarkan peraturan untuk membolehkan mereka membetulkan kesalahan atau kesilapan yang dibuat tanpa mengenakan sebarang hukuman. Oleh itu, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu penjelasan yang elok, terutamanya kes-kes yang saya telah sebut tadi dan saya difahami bahawa Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri, iaitu Raja Abdul Aziz bin Raja Salim sendiri mengambil kes "Ahmed Dawjce Dadabhoj" yang saya sebutkan tadi.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah yang telah dikutip balik daripada orang yang mengelakkan dari membayar cukai ini, Saya tahu bahawa sebarang tindakan tidak boleh diambil terhadap dia, kerana dia sudah meninggal dunia, tetapi kalau boleh memberikan butir kepada Dewan yang mulia ini sama ada kes-kes yang sama di mana terdapat satu sindiket yang mengelakkan diri dari membayar cukai dan di sini saya juga hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pihak Kerajaan mestilah berhad-hati terhadap syarikat-syarikat accountancy yang specialise, dengan izin, yang mengiklankan diri sebagai pakar cukai. Di sini kalaulah ada sebarang usaha yang dibuat oleh mereka supaya syarikat-syarikat bolch mengelakkan daripada membayar cukai dengan mengadakan berbagai-bagai skim, saya harap pihak Kerajaan bolehlah monitor keadaan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seremban.

5.10ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai Rang Undang-undang Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri Kewangan mengumumkan beberapa saham-saham Malaysia tidak boleh di list dalam Bursa Saham Singapura, kita nampak perniagaan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur sudah naik beberapa banyak, saya ingat sekurang-kurang satu kali ganda. Ini menimbulkan beberapa masalah, misalnya di dalam Bursa Saham, saya dapat penerangan sangat banyak paperwork dan macam-macam.

Saya harap Menteri Kewangan mengambil perhatian perkara ini kerana kalau perniagaan sudah naik dan kalau Bursa Saham atau broker-broker tidak efisien atau cekap, ini boleh mendapat satu kesan yang tidak sihat dan juga pakar-pakar ekonomi berkata apabila Bursa Saham Kuala Lumpur bertambah perniagaan, kalau infrastruktur-infrastruktur finance (kewangan) atau bank-bank tidak diperlingkatkan, tidak diperbaiki, akan datang ini boleh berlaku satu kejadian di mana Bursa Saham Kuala Lumpur imejnya turun dan ramai pelabur-pelabur saham di luar negeri tidak bertminat untuk membeli saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Saya harap pihak berkuasa ambil perhatian perkara ini dan ambil lindakan atau langkah-langkah yang baik untuk mengatasi masalah ini kerana kita tidak mahu Bursa Saham Kuala Lumpur akan datang dapat satu nama yang tidak sihat dan tidak baik.

Yang kedua ialah berkenaan dengan pertanyaan saya tanya kepada Timbalan Menteri Kewangan apabila kita berbahas dalam peringkat Jawatankuasa mengenai Kementerian Kewangan. Saya tanya adakah Bank Negara campurtangan dalam pasaran matawang asing atau forcign currency exchange market.

Saya bertanya sebab saya dapat penerangan atau information Bank Negara campurtangan sangat besar, sudah jadi satu major player. Malangnya, saya tidak dapat apa-apa jawapan daripada beliau. Saya harap dapat satu jawapan yang tepat, oleh sebab di kalangan antarabangsa institusi bank-bank ada satu pendapat, satu panduan di mana dia rasa Bank Negara ada campurtangan dalam foreign exchange market, bukan untuk menstabilkan currency (Ringgit) tetapi untuk mencari untung (make profit).

Ini satu tanda yang tidak sihat. Ini menunjukkan Bank Negara telah campurtangan dalam foreign exchange market untuk jadi satu speculation, satu speculator, bukan untuk menstabilkan Ringgit. Dia ada beri banyak contoh-contoh di mana Bank Negara kadang-kadang satu hari ada berniaga US\$1 billion sampai US\$5 billion dalam foreign exchange market. Apa sebab mahu campurtangan dengan wang yang banyak. Bank-bank di lain negara, London atau Tokyo pun tidak macam ini berniaga sangat banyak. Apabila dia hendak menstabilkan Yen, Bank Tokyo campurtangan US\$1 billion sahaja, bukan mesti ikut dengan Bank Negara, satu hari campurtangan US\$1 billion sampai US\$5 billion. Kita mahu tahu kalau macam itu, satu hari dia ada campurtangan US\$1 billion sampai US\$5 billion di mana kalau dibandingkan external reserve kita ada US\$19 billion. Ini sayarasa Bank Negara ada berjudi dengan wang reserve kita banyak, sangat dahsyat, Iniberi satu imej yang tidak sihat untuk negara kita. Bank Negara mesti amalkan tanggungjawab, jadi satu contoh untuk semua institusi bank, bukan satu bank untuk mencari wang, spekulasi dalam foreign exchange. Bank Negara mestilah memaluhi peralurnya.

Saya harap pihak berkenaan ambil perhatian perkara ini dan beri satu jawapan yang tepat, jangan elakkan question yang saya bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kepong.

5.57 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara pokok timbul daripada pindaan-pindaan ke atas Akta Kewangan ini.

Yang pertamanya mengenai syarikat ibu pejabat operasi. Nampaknya Kerajaan cuba menggalakkan penubuhan syarikat ibu pejabat operasi di Malaysia. Beberapa soalan timbul kerana sepertimana yang diterangkan di dalam Huraian ini, syarikat-syarikat seperti ini ialah syarikat multinational, transnational yang raksaksa. Soalan yang timbul ialah bagaimanakah pindaan ini boleh memanfaatkan negara khususnya dalam perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan melayakkan seperti sokongan teknik, kawalan, pemasaran serta perancangan promosi jualan dan pengurusan serta latihan kakitangan tempatan.

Memandangkan syarikat-syarikat yang akan mempunyai ibu pejabat operasi di Malaysia ini begitu besar, bagaimanakah Kerajaan Malaysia dapat mengawalseliakan operasi mereka. Bagaimanakah kita dapat menggalakkan mereka memberi latihan kepada kakitangan tempatan dan bagaimanakah kita dapat mengendalikan urusan-urusan mereka yang tidak mematuhi kepada Akta-akta ataupun undang-undang di Malaysia.

Tidak ada disebut di sini apa-apa syarat mengenai pengupahan tenaga-kerja tempatan bagi memperolehi pemindahan teknologi ataupun pemindahan kemahiran yang begitu penting untuk negara ini. Saya berpendapat salah satu faktor yang menggalakkan sesuatu Kerajaan untuk membenarkan syarikat ibu pejabat operasi di Malaysia ini ialah untuk membolehkan pemindahan teknologi dan pemindahan kemahiran dilakukan

supaya sama ada di dalam pengurusan ataupun di dalam teknologi yang lain, rakyat tempatan dapat memperoleh manfaat sebagaimana yang diharapkan di negara ini dan di dalam pindaan ini tidak disebutkan bagaimana perkara ini dapat dilakukan kerana syarikat seperti ini mempunyai belanjawan kadangkala lebih besar daripada Malaysia sendiri. Dengan begitu, sukar bagi kita untuk menguruskan untuk mengawalseliakan mereka ini.

Soal pokok yang kedua mengenai syarikat-syarikat modal usahaniaga. Galakan diberikan untuk memperkembangkan penubuhan syarikat modal usaha niaga sebagai alternatif ataupun sebagai sumber baru dalam pembiayaan kewangan bagi syarikat-syarikat sederhana, besar dan kecil tempatan. Aspek ini adalah sukar untuk saya fahami kerana difinasi usahaniaga risiko tinggi dan teknologi baru tidak dijelaskan. Hanya letak di situ syarikat modal usahaniaga dan tidak dijelaskan apakah yang disebutkan atau yang diertikan sebagai venture companies, dengan izin, kerana adakah Kerajaan mempunyai apa-apa garis panduan bagi menenulkan kedua-dua faktor ini kerana dari apa yang kita faham mengenai syarikat modal usahaniaga, syarikat-syarikat ini biasanya hanya meminati syarikat-syarikat yang dijangka memperoleh pulangan di antara 20 hingga 25 peratus.

Saya harap Yang Berhormat dapat menerangkan difinasi usaha niaga supaya kita semua dapat memahami apa maksudnya dan apakah manfaat yang kita dapat perolehi daripada pindaan ke atas Fasal 9 ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi ialah pengecualian daripada cukai pendapatan keuntungan yang diperolehi oleh sesuatu amanah unit atau pemegang unit. Pada asasnya pindaan ini lebih menguntungkan pemegang unit yang berpendapatan tinggi atau mempunyai pegangan amanah unit yang banyak. Adakah hasrat Kerajaan untuk hanya

memberi manfaat kepada pemegang unit yang berpendapatan tinggi ataupun mempunyai pegangan amanah unit yang banyak kerana golongan seperti inilah dapat menikmati pengecualian daripada cukai pendapatan keuntungan ini. Mereka akan dapat faedah yang lebih kalau berbanding dengan golongan yang lain. Mengapakah Kerajaan tidak mengenakan satu kadar peratusan potongan cukai sahaja berasaskan jumlah pegangan amanah unit yang dimiliki oleh seseorang pemegang.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu soal yang pokok. Mengapakah Kerajaan tidak mengenakan satu kadar peratusan potongan cukai sahaja berasaskan jumlah pegangan amanah unit yang dimiliki oleh seseorang pemegang? Soalan ini pokok kerana kita tidak mahu dengan pindaan di hadapan kita sekarang, hanya golongan elit, golongan berpendapatan tinggi dapat menikmati faedah pindaan tersebut.

Dengan ini, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.05 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Dewan Rakyat daripada DAP yang telah membahaskan pindaan ini.

Seperti keliga-tiga Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Dewan yang mulia ini maklum, pindaan yang kita buat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harla Tanah 1976 dan Akta Kewangan 1988. Ini adalah bertujuan untuk menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini. Jadi, bukan satu pindaan yang besar sehingga boleh membangkitkan ucapan-ucapan seperti yang

telah dibuat oleh wakil Kota Melaka tadi. Bila Menteri Kewangan membuat ucapan dalam Ucapan Belanjawan dan mengumumkan beberapa perkara seperti dalam Belanjawan yang baru ini, maka Akta-akta yang berkenaan itu perlu dipinda. Bahagian-bahagian yang tertentu itu perlu dipinda untuk menguatkuasakan cadangan-cadangan seperti yang telah dibentangkan dalam Belanjawan semasa ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya menjawablah sedikit perkara-perkara yang lelah dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebelum berucap lagi telah mempunyai pandangan-bukan pada kali ini sahaja—tetapi pada yang lain-lain kali pun dahulunya bahawa pemimpin Barisan Nasional ini adalah pemimpin-pemimpin yang tidak jujur, yang mengamalkan rasuah dan yang tidak membayar cukai dan melarikan diri daripada membayar cukai. Ini satu pandangan yang negatif. Bukan Ahli DAP sahaja yang baik dalam dunia ini; ramai lagi orang lain yang baik dan saya suka menjelaskan kepada Ahli dari Kota Melaka, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mengenal Ahli parit DAP, Ahli parti UMNO atau parli apa pun. Siapa yang tidak membayar cukai, siapa yang lari daripada membayar cukai, mereka mesti membayar cukai. Kalau tidak hari ini, besok, kalau tidak dapat besok, tahun hadapan, bila-bila masa kita dapati kita akan mengenakan cukai kepada sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, kita agak sedih seorang Ahli Yang Berhormat, walaupun baru menceburkan diri dalam politik, melemparkan tuduhan-tuduhan yang umum mengatakan orang itu rasuah, orang ini tidak bayar cukai, walhal kita tidak mengetahui bagaimanakah jentera Kerajaan berjalan. Siapa yang melakukan rasuah akan diambil tindakan; tidak kira dia Menteri Besar, rekod kita telah membuktikan, tidak kira dia Menteri, rekod kita telah

membuktikan kita dakwa dan begitu juga cukai.

Kalau kita mengetahui orang yang melarikan diri daripada membayar cukai, pasti kita akan cari, kita akan siasat, dan seperti kita maklum, Ahli Yang Berhormat juga sedar tugas kita adalah mesti membayar cukai bila pendapatan kita sampai kepada had dikenakan cukai, tetapi ada juga sifat orang yang tidak mahu menceritakan pendapatannya yang sebenar. Ini tidak kira Ahli parti mana, saya tidak tahu, mungkin Ahli DAP pun ada yang tidak mengisytiharkan cukai, kita tidak tahu ataupun Ahli dari UMNO, kita tidak tahu, tetapi kalau kita tahu daripada mana-mana parti pun kita akan mengambil tindakan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, tuduhan Ahli dari Kota Melaka kata kita tidak adil, mengatakan kita tidak ambil tindakan kepada orang besar tetapi ambil tindakan kepada orang kecil. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri, sekali lagi saya tegaskan tidak kenal orang besar, orang kecil, siapa yang didapati melarikan cukai dan melakukan kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, kita akan cari mereka. Tidak usahlah Yang Berhormat bimbang, ini kerja kita.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ada menyebutkan tentang kes Ahmed Dawjee Dadabhoy. Tuan Yang di-Pertua, hendak sebut nama pun susah—kes ini dalam siasatan. Jadi, kita tidak boleh memaklumkan apa-apa perkara di sini kerana perkara itu masih dalam siasatan. Selain daripada itu, Yang Berhormat juga telah mengatakan bahawa Timbalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Datuk Hassan Ibrahim, dahulunya bekas Timbalan Ketua Pengarah, ditukarkan kerana menyalahgunakan kuasa, ditukarkan kerana menyalahgunakan kuasa.

Saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat, pertukaran Dato' Hassan Ibrahim tidak ada kena-mengena

dengan kes yang disebutkan tadi, itu adalah pertukaran biasa dan walaupun Datuk Hassan Ibrahim ditukarkan, siasatan ini diteruskan oleh pegawai yang lain, kerana memang itulah sistem kita. Tidak semestinya seseorang pegawai ditukar, maka siasatan hendak diberhentikan dan siasatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kes Ahmed Dadabhoy itu memakan masa yang panjang. Oleh sebab itu perkara ini belum lagi selesai dan perkara ini saya minta Yang Berhormat jangan bimbang kerana Jabatan Hasil Dalam Negeri sangat bermalia jika sekiranya kita nampak ada hasil yang kita boleh kutip. Oleh kerana itu adalah hasil negara dan kita tidak mengadakan kelonggaran kepada sesiapa pun.

Dalam masa yang sama Ahli Yang Berhormat berkenaan pula minta Jabatan Hasil Dalam Negeri.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Saya boleh beri sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Sekali sahaja?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Satu kali lagi nantilah. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada jumlah yang dielakkan oleh Ahmed Dadabhoy adalah lebih daripada \$80 juta atau kalaulah Yang Berhormat boleh memberitahu Dewan ini anggaran cukai yang lelah dielakkan kerana ini merupakan satu jumlah yang besar dan saya rasa jumlah ini boleh digunakan untuk projek-projek pembangunan untuk membantu rakyat. Itu sahaja.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua,

kenapa Yang Berhormat itu hendak tahu sangat jumlah ini. Tidak usahlah hendak ajar Kerajaan, kata duit ini perlu untuk membantu, kita tahulah hendak menjalankan tugas kita. Saya sudah sebut dalam siasatan lagi, kita tidak boleh umumkan apa-apa juga. Soal cari duit untuk pembangunan, hendak bayar gaji pegawai-pegawai dan sebagainya, itu urusan Kerajaan, kita tahu menguruskan urusan kita sendiri. Kita tidak perlu tunjuk ajar daripada DAP.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama Ahli dari Kota Melaka ini minta pula janganlah ambil tindakan kepada orang-orang kecil. Soal orang kecil, orang besar tidak timbul. Peniaga kecil kalau dia ada cukai yang kita kena kutip, kita mesti kutip. Peniaga kecil yang miskin yang tidak perlu membayar cukai kita tidak ambil cukai. Kita tidak zalim umpamanya peniaga-peniaga runcit, yang cukainya sampai setahun \$3,000 atau \$4,000 setahun takkan kita tidak kutip, kita mesti ambil cukai itu. Kalau Yang Berhormat kata peniaga yang miskin dan sebagainya, mereka memang tidak dikenakan cukai kalau belum sampai hadnya. Jadi, di sini di Dewan yang mulia ini menyaksikan dalam masa yang sama dia kata dia tidak adil, tidak cari orang besar, kemudian orang kecil pula dia minta jangan ambil tindakan. Kalau mereka ini memerintah negara kita tidak tahu macam mana mereka buat negara ini. Macam-macam cara.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Saya beri sekali sahaja, minta maaf. Saya harap ramai orang menyaksikan beginilah tindakan DAP kalau mereka memerintah, kita tidak tahu macam mana mereka buat dengan Jabatan-jabatan yang ada ini.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana saya janji beri sekali sahaja.

Tirobalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia beritahu tadi, dia beri sekali. Yang ini tidak dapat.

Tuan Lim Guan Eng: Pendek sahaja.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Pendek, panjang, tidak jadi soal, saya janji bagi sekali (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya rasa Yang Berhormat sudah salah faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang saya cakapkan tadi ialah kalau mereka membuat kesalahan jangan kenakan hukuman, bukanlah saya katakan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mengutip cukai dari mereka. Apa yang saya sentuh tadi ialah bahawa kalau mereka melakukan kesilapan dalam menghantar borang-borang cukai Jabatan Hasil Dalam Negeri, kalau mereka buat kesilapan janganlah kenakan hukuman, lewat sedikit jangan kenakan hukuman. Kalau jumlah itu satu jumlah yang kecil. Itu sahaja. Bukan orang yang kena bayar cukai yang kecil tidak payah query. Itu salah. Saya rasa Yang Berhormat mungkin silap faham.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya beri lagi satu peluang, sebab saya hendak pukul dia balik. Sebenarnya, Ahli Kota Melaka sangat silap. Kalau DAP memerintah bolehlah buat satu undang-undang, kalau melakukan kesalahan tidak payah dihukum (*Tepuk*). Tetapi Kerajaan Barisan Nasional buat undang-undang jika salah, melakukan kesalahan mesti dihukum. Yang ini kita tidak boleh tolak ansur. Kalau kita tidak hukum kesalahan, Yang Berhormat bangun balik semula mengatakan: "tengok,

Pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak buat kerja", kena pula yang berkenaan itu ahli UMNO, dia kata, "Inilah ahli UMNO tidak ambil tindakan". Jadi, saya tidak mahu panjangkan. Saya beri, itupun kerana ada muslihat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh duduk sekejap. Kita ada usul di bawah Peraturan 12.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selesai itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Buruh (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah

selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang lidak ditetapkan dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat truskan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih jugalah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang banyak memberikan maklumat di sini. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat tidak meminta bayaran untuk memberikan maklumat-maklumat yang telah dibentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kes di Sabah yang mana pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional disiasat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, perkara ini pun masih dalam siasatan dan kila tidak boleh mengemukakan apa-apa juga maklumat di sini kerana ia akan mengganggu proses siasatan kila. Tetapi saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat, bukan sahaja kepada kes ini, mana-mana kes Jabatan Hasil Dalam Negeri sangat berminat, jika sekiranya kita dapati ada peluang untuk kita mengutip hasil, jadi Yang Berhormat jangan bimbang, kita akan mengambil

tindakan sesuai dengan undang-undang yang ada.

Ahli dari Seremban, Tuan Yang di-Pertua, malang sungguh kerana tidak memahami Bil ini. Kita tidak bawa langsung Bil di sini berkenaan dengan Bank Negara, jadi, saya tidak boleh hendak jawab. Saya nasihatkan kepada Ahli dari Seremban tunggu Akta yang berkenaan dibentangkan, baharu bahas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban tentang masalah campur tangan Bank Negara, ini tuduhannyalah, dalam pasaran pertukaran wang asing, saya lidak boleh kerana ini tidak ada sangkut ataupun tidak ada kait-mengait dengan Bil yang kita bentangkan.

Berkenaan dengan pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur dan Singapura, perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Kewangan beberapa kali, itupun tidak berapa berkaitan. Walau bagaimanapun, saya mohon Ahli Yang Berhormat dari Seremban merujuk balik jawapan-jawapan yang telah kita berikan di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan beberapa masalah, yang pertamanya berkenaan dengan IPO ataupun Ibupejabat Operasi. Seperti yang saya sebut tadi di bawah Seksyen ini iaitu Fasal 9 seksyen baru 60s, pendapatan dividen yang diterima oleh IPO daripada pelaburan yang dibuat ke atas syarikat subsidiari atau syarikat gabungannya dikecualikan daripada cukai sepenuh. Jadi, peruntukan ini janganlah Yang Berhormat bimbang, kita akan kuatkuasakan mengikut peraturan-peraturan yang ada dalam Undang-undang ini. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi cadangan yang baik itu kila akan terima.

Yang kedua, berkenaan dengan syarikat modal usaha, saya juga sudah sebut kepada Yang Berhormat mengapa sebab perkara ini kita bawa iaitu hasil daripada cadangan dalam Ucapan Belanjawan oleh Menteri Kewangan

baru-baru ini. Saya tidak mahu jelaskan lebih lanjut, Yang Berhormat pun faham.

Berkenaan dengan amanah unit, sama juga, Yang Berhormat tidak dapat memahaminya kerana penjelasan di sini terlalu pendek dan sebagainya. Penjelasan yang lebih lanjut boleh didapati daripada jabatan kita berkenaan dengan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang lelah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi. Saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua memperkerusikan Jawalankuasa)

Fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya

mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pembangunan Langkawi dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan mewujudkan sebuah Badan Berkanun Kerajaan Persekutuan yang akan dikenali sebagai Lembaga Pembangunan Langkawi khususnya untuk menyelaras dan mengawasi pembangunan di Langkawi,

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah Lembaga Pembangunan di Langkawi dirasakan amat perlu untuk memastikan Langkawi yang telah diisytiharkan sebagai sebuah Pelabuhan Bebas Cukai pada tahun 1988 memperoleh manfaat sepenuhnya dari kemudahan tersebut. Pada masa ini beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah termasuk Perbadanan Pembangunan Pelancongan (TDC), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Pejabat Tanah dan Daerah Langkawi dan Majlis Daerah Langkawi terlibat dalam usaha membangunkan Langkawi.

Semenjak tahun 1980 sebanyak lebih kurang \$167 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan peruntukan bagi pembangunan Langkawi terutama sekali di sektor pelancongan. Untuk menyelaras kegiatan-kegiatan pembangunan adalah penting sebuah agensi khusus ditubuhkan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan dan memperkenalkan Langkawi sebagai pusat pelancongan terkemuka di rantau ini. Selaras dengan hasrat ini Kerajaan merasakan perlu satu agensi khusus ditubuh bagi memberi perhatian terhadap pembangunan kemudahan fizikal dan tarikan lain untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau singgahan yang

termasyhur di dalam peta pelancongan di dunia. Secara khususnya objektif penubuhan Lembaga Pembangunan Langkawi adalah seperti berikut:

- (i) untuk menggembeling semua sumber tenaga kepakaran kewangan dan lain-lain untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai terkemuka yang menarik, bersih dan murah di rantau ini;
- (ii) memastikan penduduk tempatan mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa fungsi Lembaga ini adalah berlainan sedikit dari lain-lain Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEDA, PERDA dan DARA yang lebih memimpikan aktiviti mereka terhadap pembangunan berasaskan tanah dan pertanian. Di sebaliknya Lembaga Pembangunan Langkawi akan lebih menumpukan perhatian terhadap membangunkan Langkawi supaya taraf bebas cukainya dapat membawa kesan kepada ekonomi rakyat tempatan dan negara. Lembaga ini juga akan memastikan Langkawi dijadikan destinasi pelancongan utama di negara ini supaya dapat menambahkan lagi pendapatan pertukaran wang asing negara. Memandangkan objektif ini lebih berkaitan dengan unsur-unsur kewangan dan cukai, adalah dicadangkan Lembaga ini dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kewangan. Dengan cara ini segala masalah pentadbiran kewangan boleh diuruskan terus dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pembangunan Langkawi akan dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan seorang Menteri Persekutuan yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini penting bagi

memastikan segala rancangan pembangunan di Pulau Langkawi dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan. Penglibatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah akan memastikan kepentingan Kerajaan Negeri akan terpelihara. Ini diperuntukkan di bawah Fasal 5 (1) Rang Undang-undang berkenaan. 3 lagi ahli biasa Lembaga Pengarah akan juga dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah.

Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Lembaga akan mengadakan aturcara mesyuaratnya sendiri. Peruntukan ini disebut di dalam perenggan 4 (3) Jadual Pertama.

Bagi menjimalkan perbelanjaan adalah dicadangkan Lembaga ini diuruskan oleh seramai 8 orang kakitangan yang terdiri dari 3 orang Pengurus dan 5 kakitangan kategori C dan D sebagai kakitangan sokongan. Buat permulaan untuk tahun 1990, peruntukan sebanyak \$810,550 dijangka diperlukan untuk Belanja Mengurus. Ini meliputi kos pembayaran gaji, elaun-elaun dan pembelian perabot dan lain-lain peralatan pejabat.

Sebagai satu lagi langkah penjimatan, kakitangan KEDA di Langkawi diserapkan ke dalam Lembaga ini di mana bersesuaian. Lain-lain faktor di dalam Lembaga ini akan diisi melalui perundingan dengan semua pihak yang berkaitan di peringkat Persekutuan.

Bagi perbelanjaan Pembangunan pula peruntukan tanda sebanyak \$10 dicadangkan. Peruntukan sebenar perbelanjaan Pembangunan akan dipohon setelah Lembaga ini ditubuhkan bilamana perancangan terperinci aktiviti boleh dibuat dan keperluan kewangan sebenar dikenalpasti.

Rang Undang-undang ini juga menggariskan liputan kawasan kuasa Lembaga melalui Fasal 9 (1). Kuasa Lembaga akan meliputi keseluruhan kawasan Daerah Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini secara amnya adalah hampir serupa dengan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah lain yang telah digunakan sebagai asas menyediakan Rang Undang-undang ini. Pandangan Kerajaan Negeri Kedah juga telah diambil kira di dalam merangka Rang Undang-undang ini.

Secara amnya, selain dari Fasal-fasal utama yang telah saya sebutkan tadi, Fasal 4(1) memperkatakan fungsi-fungsi utama Lembaga ialah untuk memajukan dan menggalakkan Pembangunan Langkawi terutamanya sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai serta juga memajukan pembangunan tempat tinggal, pertanian, aktiviti-aktiviti perindustrian dan komersial di Langkawi.

Bahagian III mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai Pengerusi, Pengurus dan Perkhidmatan Lembaga, hanya menghendaki Pengerusi Bersama bertindak bersama-sama dalam melaksanakan kewajipan mereka, memberi kuasa kepada Lembaga melantik pegawai dan dengan kelulusan Menteri membuat peraturan tentang syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan perkhidmatnya.

Bahagian IV pula mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perihal kewangan Lembaga. Hanya mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu kumpulan wang. Segala hasil dan perbelanjaan Lembaga hendaklah dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang ini. Bahagian ini juga memperuntukkan bahawa Lembaga perlu mengadakan satu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya yang perlu mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Bahagian V menetapkan kuasa-kuasa lain Lembaga, antaranya ialah:

- (a) membenarkan Lembaga mewakili kuasa tertentu kepada

Pengerusi-pengerusi atau Pengurus;

- (b) membenarkan Lembaga meminjam dan meminjamkan wang;
- (c) melaburkan aset yang tidak dikehendaki; dan
- (d) menubuhkan perbadanan.

Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan am seperti pengecualian Lembaga dari dikenakan duti setem dan obligasi menyimpan rahsia oleh kakitangan Lembaga.

Seterusnya selaras dengan hasrat Kerajaan menubuhkan Lembaga ini bagi memastikan Lembaga dibangunkan dalam masa seberapa singkat yang boleh, Rang Undang-undang ini memperuntukkan melalui Fasal 33(1) bahawa Lembaga ini akan wujud selama tempoh 20 tahun dari tarikh ianya ditubuhkan. Walau bagaimanapun, tempoh ini boleh dilanjutkan dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk memperkenalkan lagi Langkawi, Kerajaan tidak melepaskan peluang keemasan sempena Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel. Ketua-ketua Negara Komanwel telah dibawa ke Pulau Langkawi pada hujung minggu persidangan untuk berihat. Ini pasti akan memperkenalkan Langkawi bukan sahaja kepada para delegasi yang pergi tetapi juga kepada seluruh dunia melalui liputan akhbar oleh wartawan-wartawan yang meliputi berita pengunjungan itu.

Bagi mengabadikan lagi nama Langkawi, satu deklarasi mengenai alam sekitar yang digelar sebagai Deklarasi Langkawi telah dibuat. Kerajaan berharap usaha-usaha ini termasuk mewujudkan Lembaga Pembangunan Langkawi akan disertai bersama oleh usaha-usaha pihak swasta. Kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk

membangunkan intrastruktur di Langkawi dan menjalankan promosi bagi memperkenalkan lagi Langkawi sebagai destinasi percutian di dalam dan di luar negeri. Adalah diharap pihak swasta pula akan merebut peluang keemasan ini untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi menjadikan Langkawi destinasi perlancongan dan kawasan bebas cukai terkemuka di rantau ini yang menarik, bersih dan murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi 1989 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Serai.

6.39 *ptg.*

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberi sokongan penuh seratus peratus saya kepada Rang Undang-undang ini. Ini adalah satu langkah yang baik, satu langkah yang boleh membawa kemajuan kepada Pulau Langkawi dengan secara teratur dan berkesan. Saya yakin dengan penubuhan Lembaga ini pada masa tidak lama lagi penduduk-penduduk Pulau Langkawi akan menghadapi sekali lagi kejutan budaya dan pembangunan, dengan izin, cultural and development shock.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Pulau Langkawi diisytiharkan kawasan pelabuhan bebas cukai dua tahun yang lalu, banyak projek-projek pembangunan telah dilaksanakan dan banyak

kemajuan pun telah dicapai. Tetapi yang penting sekarang adakah penduduk Pulau Langkawi menertima manfaal daripada segala projek pembangunan yang dilaksanakan itu? Adakah mereka dapat memainkan peranan yang penting dan bermakna?

Tuan Yang di-Pertua, dari kebanyakan rakan-rakan saya di Pulau Langkawi yang duduk di Pulau Langkawi, jawapan mereka kepada kedua-dua soalan yang saya timbulkan tadi adalah tidak begitu memuaskan hati. Mereka menunggu selain daripada perniagaan di kedai-kedai bebas cukai dan pekerjaan di sektor pembinaan, mereka tidak dapat memainkan peranan yang penting dalam projek-projek utama. Semua projek-projek ini adalah dimonopolikan oleh pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga yang datang dari luar negeri Kedah Darulaman. Kegagalan mereka adalah disebabkan oleh kekurangan kewangan kepakaran pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat yang dijalankan di Pulau Langkawi telah mengakibatkan peningkatan kos penghidupan tetapi pendapatan penduduk Langkawi tidak ditingkatkan seimbang dengan peningkatan kos penghidupan. Akibatnya mereka mendehta. Oleh yang demikian, saya berharap dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Langkawi, masalah-masalah dan ketidakseimbangan-ketidakseimbangan dapat diatasi dan diperbetulkan. Jika tidak, saya berpendapat segala projek-projek kemajuan yang dilaksanakan akan kehilangan maknanya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, rancangan pembangunan haruslah dilancarkan sama sekali dengan rancangan masyarakat. Lembaga ini seharusnya menyediakan segala kemudahan latihan yang lengkap untuk melatih penduduk khususnya belia Langkawi dalam bidang pengurusan dan teknologi supaya mereka mendapat menceburi, dapat mengambil bahagian dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan kepada Kerajaan dan Lembaga yang akan ditubuhkan, menubuhkan sebuah labung usahawan khas untuk penduduk Pulau Langkawi tanpa mengira kaum. Tujuan tabung ini adalah khas untuk memberi bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukannya untuk menceburi dalam bidang perniagaan,

Tuan Yang di-Pertua, penduduk Pulau Langkawi telah menderita selama 7 jenerasi di bawah sumpahan Puteri Mahsuri, kini sumpahan itu telah pun berakhir. Masa sudah tiba, masa sudah sampai bagi penduduk Pulau Langkawi menikmati kesejahteraan dan kemakmuran hidup. Janganlah biarkan mereka kekal menderita di bawah sumpahan baru iaitu sumpahan pembangunan moden. Dengan ini, sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar.

6.45ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi seperti yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat dari Negeri Kedah, saya ikut sukacita kerana Pulau Langkawi akan dibangunkan dengan lebih cekap lagi hasil dari perisytiharan pulau tersebut sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti. Saya sangatlah mengharapkan pulau yang penuh sejarah itu akan menjadi sebuah pulau yang bukan sahaja lebih maju, tetapi juga yang terpelihara kecantikannya.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perisytiharan Pulau Langkawi sebagai kawasan bebas cukai, ramai pelabur-pelabur dari dalam negeri dan juga dari luar telah mula bertapak untuk

mendirikan gedung-gedung perniagaan serta lain-lain perusahaan, terutamanya dalam bidang pelancongan, Kedatangan ramai pelancong-pelancong -telah memberi banyak kesempatan kepada pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga mengaut keuntungan sambil membangunkan ekonomi Pulau tersebut. Barangan yang bebas cukai yang dibawa ke pulau tersebut menarik minat bukan sahaja pelancong-pelancong, tetapi juga kepada penduduk-penduduk tempatan yang dapat membeli barangan bebas cukai dengan lebih murah. Di samping itu, status bebas duti akan juga menarik perhatian pelancong terutamanya dari negara-negara luar membeli barangan keluaran tempatan. Jualan barang-barang kraftangan seperti likar pandan, tudung saji, songket, tenunan sutera, songkok dan sebagainya akan bertambah dari masa ke semasa. Int bermakna penduduk-penduduk tempatan akan berpeluang meningkatkan pendapatan mereka dengan mengeluarkan barangan-barangan tempatan ataupun melibatkan diri mereka dalam perniagaan tersebut. Dengan kata lain, status bebas duti untuk Pulau Langkawi sangatlah menguntungkan penduduk-penduduk tempatan melalui penggalakan pertumbuhan perusahaan tempatan. Ia juga akan membawa masuk wang asing melalui pelancong-pelancong yang akan juga menguntungkan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang pesat di Pulau Langkawi juga membawa kesan-kesan sampingan. Pertama oleh kerana status bebas duti, maka harga tanah di Pulau Langkawi telah naik melambung. Kalau dahulunya tanah di Pekan Kuah berharga hanya \$5,000 satu ekar, maka sekarang ini tanah yang sama sudah berharga \$50,000 sekurang-kurangnya. Harga ini akan terus naik dari masa ke semasa bukan sahaja di Pekan Kuah, tetapi juga di kawasan-kawasan tepi pantai di mana hotel-hotel baru dan lain-lain kemudahan pelancongan sedang dibangunkan. Pihak pemodal besar pula

biasanya mengambil kesempatan membuat spekulasi dan berharap mendapat keuntungan yang besar. Aktiviti ini membuat harga tanah di Pulau Langkawi melambung tinggi dan menyebabkan ramai pemilik-pemilik tanah tempatan melepaskan hakmilik mereka dengan tujuan mendapat keuntungan jangka pendek.

Akhirnya, sebahagian besar dari tanah akan dikuasai oleh pemodal besar dan ramai dari golongan penduduk asal di Pulau Langkawi terpaksa berpindah ke pulau-pulau berdekalan setelah menjual kampung halaman dan tanah mereka. Trend ini sudah bermula di mana tanah-tanah di sekitar Pekan Kuah, Padang Mat Sirat, Tanjung Ru yang dahulunya kepunyaan penduduk-penduduk tempatan telah bertukar tangan dan pemilik-pemilik asal telah berpindah randah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan trend ini boleh mengancam kesejahteraan penduduk-penduduk yang hanya tertarik dengan keuntungan jangka pendek, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan melalui agensi-agensinya termasuk Lembaga Pembangunan Langkawi yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, mengambil langkah-langkah supaya pembangunan di Pulau Langkawi dilaksanakan secara seimbang dengan mengambil kira nasib penduduk-penduduk tempatan. Tidak ada gunanya jika Pulau Langkawi mcmbangun dengan pesat tetapi penduduk asalnya mengalami kesulitan. Mungkin langkah-langkah boleh diambil supaya pihak berkuasa membuat peraturan-peraturan tertentu untuk menghadkan pembangunan di kawasan-kawasan tertentu sahaja supaya penduduk asal masih dapat tinggal di Langkawi seperti sekarang sambil menerima manfaat dari pembangunan pulau itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi yang dibentangkan pada hari ini, Lembaga tersebut selain daripada mempunyai kuasa-kuasa

kewangan, juga diberi kuasa meminjam apa-apa jumlah wang yang diperlukan dan membuat pelaburan juga diberikan kepada Lembaga. Fasal 23 dan 24 Akta ini membcn kuasa tersebut. Sementara itu Fasal 27 (1) dan (2) memberi kuasa kepada Lembaga untuk menubuhkan sesuatu perbadanan bagi melaksanakan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dirancangkan oleh Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan-peruntukan yang diberi dalam Rang Undang-undang Akta ini, kuasa-kuasa agak jelas dan mudah dilaksanakan. Malahan sepintas lalu, Lembaga mempunyai kebebasan untuk meminjam dan menubuhkan perbadanan lain atau anak syarikat bagi menjalankan sesuatu projek yang diperlukan. Tetapi kuasa-kuasa seperti ini biasanya bercanggah dengan peraturan-peraturan atau amalan-amalan lain di mana peruntukan Undang-undang menghadkan kuasa sesuatu Lembaga atau Perbadanan Kerajaan.

Umpamanya di dalam Akta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur peruntukan-peruntukan secara umum diberi kepada Dato' Bandaraya menubuhkan anak syarikat secara usahasama dengan pihak swasta untuk sesuatu projek dan meminjam wang dari institusi-institusi kewangan bagi maksud tersebut. Tetapi apabila hendak menjalankan usahasama tersebut dan meminjam wang, maka pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ditegur oleh pihak Pejabat Peguam Negara dan Perbendaharaan yang berpendapat bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh menubuhkan sesuatu anak syarikat usahasama dan meminjam wang melalui badan tersebut. Hal ini merumitkan pelaksanaan projek Dewan Bandaraya dan mungkin menahannya dari menjalankan projek-projek sedemikian. Perkara yang sama juga berlaku di satu atau dua Majlis Perbandaran yang juga terperangkap dengan ambiguity undang-undang, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat setuju jika Akta Lembaga Pembangunan Langkawi diberi kuasa untuk menubuhkan badan-badan lain dan meminjam wang bagi melaksanakan projek-projeknya, tetapi kuasa yang diberikan oleh peruntukan berkenaan hendaklah jelas dan tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan undang-undang lain yang boleh merumitkan keadaan. Jika perlu, peruntukan-peruntukan undang-undang untuk agensi-agensi atau lembaga-lembaga Kerajaan hendaklah diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa perhatian Kementerian Kewangan terhadap komposisi Lembaga Pembangunan Langkawi seperti yang dicadangkan dalam Akta. Mengikut Fasal 5 Akta tersebut, Lembaga Pembangunan Langkawi akan mengandungi dua orang Pengerusi Bersama dan tiga orang ahli anggota lain. Seorang Pengerusi terdiri daripada Menteri Besar dan seorang lagi akan dilantik oleh Perdana Menteri. Soalnya ialah bagaimanakah Lembaga boleh dapat menjalankan mesyuarat dengan baik sekiranya kedua-dua Pengerusi Bersama mempunyai pendapat yang tidak sama atau bercanggah? Adakah kedua-dua Pengerusi Bersama itu mesti bersetuju dahulu sebelum sesuatu agenda atau perkara dapat dikemukakan kepada Ahli-ahli Lembaga yang lain, khususnya yang liga lagi.

Saya mengemukakan soalan ini memandangkan bahawa biasanya sesuatu badan atau agensi Kerajaan itu mempunyai seorang Pengerusi sahaja, melainkan di dalam keadaan-keadaan tertentu. Tidakkah lebih baik dilantik seorang Pengerusi sahaja dan 4 (empat) ahli anggota yang lain di dalam Lembaga.

Pada pandangan saya, saya bimbang kalau beberapa keputusan tidak dapat dibuat jika ada percanggahan pendapat di antara kedua-dua Pengerusi Bersama. Oleh itu, jika difikirkan bahawa seorang Pengerusi itu adalah lebih memberi

manfaat daripada dua orang Pengerusi, maka sehamnya seorang sahaja yang dilantik. Jika difikirkan bahawa jawatan ini harus diisikan oleh wakil Kerajaan Persekutuan sahaja, maka jawatan itu hendaklah dibuat demikian. Sebaliknya jika difikirkan wakil Kerajaan Negeri Kedah patut mempengerusikan Lembaga tersebut, maka jawatan tersebut bolehlah diisikan oleh Menteri Besar Negeri Kedah atau wakilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik Deklarasi Langkawi berkenaan alam sekitar yang bukan sahaja memperkenalkan Pulau Langkawi kepada dunia, tetapi juga menunjukkan kesungguhan Kerajaan Malaysia untuk memelihara alam sekitar secara seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, Deklarasi Langkawi juga memberi makna bahawa Pulau Langkawi hendaklah menjadi contoh Kerajaan Malaysia memelihara kecantikan alam sekeliling dan alam sekitar daripada pencemaran. Oleh itu, langkah-langkah hendaklah dibuat dari sekarang bagi menentukan supaya Pulau Langkawi sentiasa bersih dari kekotoran atau pencemaran. Seboleh-bolehnya kawasan perindustrian berat atau yang mengeluarkan sisa-sisa toxic dan lain-lain effluent tidak dibenar didirikan di pulau tersebut. Jikalau tidak, agak susah bagi Kerajaan Malaysia mempertahankan imejnya sebagai negara yang telah memajukan Deklarasi Langkawi itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

6.58 ptg.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyambung yang mana yang tidak disentuh oleh dua rakan saya dari Kedah tadi.

Yang pertama, saya ingin menyampaikan kepada Dewan ini satu

pertanyaan yang sekarang ini sedang ditanya-tanya di Kedah, adakah penubuhan Lembaga ini, satu usaha yang dipanggil, dengan izin, the Federalization of Langkawi, ataupun mempersekutukan Langkawi. Lebih-lebih lagi dengan apa yang ada pada Fasal 5(1) iaitu apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi mengenai ada dua Pengerusi Bersama iaitu satu kapal dua nakhoda. Dan orang-orang Kedah ingin bertanya, saya sebagai wakil semua orang Kedah di sini, dengan perlantikan Pengerusi yang dilantik oleh Perdana Menteri sebagai menambah kepada Menteri Besar yang menjadi Pengerusi, apakah ada ciri-ciri tidak percaya kepada Kerajaan Negeri? Ini bukan saya tanya, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mewakili dan menyampaikan pertanyaan ini kepada Yang Berhormat Menteri. Saya harap dapat dijawab dengan ikhlas dan rasional inilah yang sekarang ditanya dan menjadi perkara yang kontroversial di kalangan pegawai-pegawai dan juga orang-orang Kedah yang concern dengan perkara ini.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tujuan-tujuan atau fungsi-fungsi Lembaga ini iaitu seperti yang tersebut di dalam Fasal 4 (1) (a) sehingga (d) muka 5 iaitu di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Lembaga ini ditubuh semata-mata untuk mempertingkatkan lagi pelancongan di Langkawi khususnya apabila Langkawi diisytiharkan sebagai kawasan bebas cukai.

Tetapi di dalam fungsi-fungsi ini diterangkan juga pembangunan perindustrian. Pada pendapal saya, Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebut tadi oleh Yang Berhormat dari Kota Setar apabila ada dua fungsi iaitu fungsi mempertingkatkan pelancongan dan juga ditekankan peningkatan perindustrian, kemungkinan satu perkara yang conflicting berlaku. Kalau kita lihat Langkawi pada masa ini sebelum Langkawi diisytiharkan sebagai

satu tempat penumpuan pelancongan di negara ini telah wujud satu kilang iaitu Kilang Kedah Simen yang mengeluarkan banyak bahan-bahan polluted. Adakah Lembaga ini hendak menggalakkan lagi industri-industri seperti itu selain dahpada yang ada. Saya harap tidak dan saya sokong saranan yang diberi oleh rakan saya tadi supaya tidak diadakan industri-industri yang besar yang mengeluarkan pollutant. Hanya industri-industri yang tidak mengeluarkan effluent sepertimana industri marble dan marble craft yang ada.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penggunaan infrastruktur yang ada. Tadi Yang Berhormat telah menyebut bahawa infrastruktur yang ada baik dari institusi mahupun dari segi fizikal akan dipergunakan. Saya ingin bertanya, apakah fungsi-fungsi KEDA di situ. Walaupun disebut tadi bahawa semua pegawai-pegawai KEDA di Langkawi akan diserapkan di dalam Lembaga ini, adakah ini bermakna bahawa KEDA tidak wujud langsung di Langkawi. Dan kalau ini bermakna KEDA tidak wujud, saya sokonglah supaya perbelanjaan dapat diperjimatkan lagi dengan Lembaga ini mengambil alih Pejabat Wilayah KEDA Langkawi yang terletak di bandar Pekan Kuah yang dibina dengan harga beratus-ratus ribu ringgit. Dan mengambil segala kilang-kilang yang telah KEDA buat iaitu Kilang Marble Craft dan lain-lain projek-projek yang sedang dijalankan oleh pihak KEDA di sana. Saya pasti kalau ini dibuat banyak lagi penjimatan akan dilakukan dan dicapai.

Perkara yang keempat, perkara yang akhir ialah mengenai pelancongan iaitu tujuan utama Lembaga ini ditubuhkan. Saya masih tidak berapa puas hati dengan keadaan pelancongan di situ. Misalnya Pantai Chenang, iaitu pantai yang paling cantik dan akan dieksploitasikan sepenuhnya di Langkawi masih lagi kotor. Saya pasti semasa CHOGM memanglah dicuci

seelok-eloknya. Tetapi selepas CHOGM, Pantai Chenang yang disebelah Selatan Pelangi Beach Hotel batik menjadi kotor disebabkan wujudnya chalet-chalet yang kecil yang tidak dikawal oleh mana-mana authority, yang mengaibkan keadaan Langkawi dan mungkin mencemarkan Deklarasi Langkawi sendiri. Saya harap ini akan diambil perhatian oleh pihak Lembaga ini kerana punca kekotoran itu ialah effluent dari chalet-chalet itu semua disalurkan ke taut. Segala najis, segala bahan-bahan buangan disalurkan ke laut. Saya pasti kalau ini dibiarkan Pantai Chenang yang cukup indah dengan pasir putih melepak itu akan menjadi pantai Port Dickson yang ada sekarang ini apabila effluent itu ditolak ke laut.

Juga saya ingin menyeru di sini supaya Lembaga ini menumpukan kepada mencukupkan bilik-bilik hotel yang mana saya tahu pada masa ini masih lagi kurang (under capacity). Saya mendapat tahu, semalam diberitahu bahawa kebanyakan bilik-bilik hotel di Langkawi semuanya telah dioverbooking sehingga bulan Januari. Ini saya harap pihak Lembaga ini dapat mengambil peluang agar dibangunkan motel-motel yang dipunyai oleh penduduk-penduduk tempatan seperti mana yang diseru oleh dua rakan saya dari Padang Serai dan Kota Setar tadi. Dan juga yang paling penting di situ ialah kehidupan-kehidupan luar, sumber-sumber laut dan sumber-sumber hutan. Misalannya Langkawi kalau dulu terkenal dengan adanya pelanduk besar ataupun nama tempatannya ialah Napoh sekarang tidak ada lagi. Walaupun Kerajaan

Seorang Ahli: Gajah!

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Gajah tidak ada. Napoh, harimau tidak ada di Langkawi. Walaupun Kerajaan telah mewujudkan Pulau Singa sebagai pulau perlindungan semua binatang-binatang liar tetapi di pulau-pulau lain, Napoh iaitu satu pelanduk besar yang

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Padang Terap kala Napoh tidak ada lagi. Kenapakah Napoh ini pupus?

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Saya hendak jawab di sini serba salah, Tuan Yang di-Pertua, kerana orang yang bertanya saya ialah seorang peminat memburu. (*Ketawa*) Jadi, Napoh ini pupus oleh sebab pemburu-pemburu yang memburunya. Saya mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ditanya oleh seorang pemburu supaya diharamkan langsung pemburuan Napoh di Langkawi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Rusa pun.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Ya, rusa pun. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua pun seorang pemburu, saya faham. (*Ketawa*) Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua ingat dulu di Langkawi pada waktu malam, kalau kita camping di pantai-pantai di pulau-pulau yang jauh sedikit daripada bandar Kuah, kita dapat melihat Napoh itu datang bermain di gigi-gigi air. Jadi sekarang tidak ada lagi. Dan saya menyerulah ini diambil perhatian yang besar sebagai satu sumber alam yang boleh dijadikan satu aset Langkawi bukan sahaja hotel-hotel yang elok.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai batu marmar Langkawi ini. Kita ketahui bahawa batu marmar Langkawi reservenya kalau diambil pada tahap kadar pengambilan sekarang 1000 tahun tidak akan habis batu marmar Langkawi, Dan batu marmar Langkawi adalah diklasifikasikan sebagai satu batu marmar yang linggi mutunya, sama ataupun lebih mutunya daripada batu marmar "carera" di Italy. Dan ini mesti diambil perhatian oleh pihak Pembangunan Langkawi supaya bukan sahaja Langkawi itu dapat dibangun untuk orang Langkawi ataupun orang Kedah tetapi dibangun untuk rakyat seluruh negara. Ini ialah khazanah

ekonomi yang paling mahal untuk Langkawi dan kemungkinan, penemuan-penemuan gas dan minyak akan terdapat di Langkawi. Kalau ini berlaku, saya memohon supaya eksploitasi gas itu disalurkan bukan kepada gugusan pulau-pulau di Langkawi tetapi disalurkan ke selatan supaya ianya tidak mencemarkan keindahan Langkawi. Kita takut selepas kita menuang atau mencurah wang beratus juta ringgit di Langkawi pada suatu hari kita dapat gas, kita bawa gas pergi ke Langkawi maka akan bertembunglah dua-dua tujuan kita ini.

Kalauandainya ditakdirkan oleh Allah s.w.t. kita mendapat gas di Langkawi ini, salurkan ianya ke kawasan Yan, kawasan Kuala Kedahkah ataupun kawasan

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Padang Terap tidak boleh, sebab dia duduk di hulu, kawasan Yan, Kuala Kedah ataupun Pulau Sayak yang berdekatan dengan Pulau Pinang. Dengan saranan-saranan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penubuhan ini dan semoga Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab soalan yang pertama itu tadi iaitu soalan yang cukup kontroversial di Kedah pada masa ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong. Panjangkah Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Lepas ini saya minta Timbalan Menteri menjawab.

7.10 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, ini- buat kali pertama saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kota Setar mengenai komposisi Lembaga ini, kerana saya pun tidak bersetuju Menteri Kewangan dan

Menteri Besar Kedah menjadi salah seorang Pengerusi, kerana saya tidak nampak bagaimanakah mereka dapat memainkan peranan memandangkan mereka begitu sibuk dengan urusan yang lain. Bagaimana mereka dapat meluangkan masa untuk mempengerusikan Lembaga yang begitu penting, kerana Langkawi ini bukannya pulau untuk orang-orang Kedah sahaja tetapi untuk orang Malaysia pada keseluruhannya, walaupun Tuan Yang di-Pertua datangnya daripada Kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa walaupun? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Tuan Yang di-Pertua, kadang kala dia mirip kepada Kedah, kerana dia masih mempunyai unsur parochial, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat lebih baik

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, point of order?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sekarang waktu sembahyang Maghrib.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya akan beri keputusan nanti. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik kita melantik orang-orang yang bebas yang tidak ada kepentingan Kedah ataupun kepentingan-kepentingan yang lain untuk mempengerusikan Lembaga seperti ini. Orang-orang yang layak yang memang bebas daripada pengaruh yang lain untuk mempengerusikan dan ahli-ahli Lembaga ini boleh dilantik wakait daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Kedah. Itu yang paling baik, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya tidak bersetuju dengan apa yang

terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Keduanya, mengenai tujuan untuk memaju dan menggalakkan petnbangunan Langkawi, umpamanya sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai. Di sini adakah maksud Kerajaan hendak memajukan Langkawi sebagai satu pusat seperti mana yang terdapat di Puket, kerana ia berdekatan dengan Langkawi. Kalau kita tidak ada unsur-unsur ataupun cara-cara yang berlainan daripada Puket, kerana Puket ini sudah lama wujud sebagai pusat pelancongan yang agak maju sedikit dan kalau kita tidak ada attraction yang lain daripada yang wujud di Puket itu, jadi kita tidak akan memajukan pusat ini sebagai pusat pelancongan yang lebih menarik daripada Puket. Itu yang penting, sebab Yang Berhormat ladi tidak menyebutkan sama ada akan menjadikan Puket sebagai model ataupun mencari model yang lain atau model Langkawi yang tersendiri.

Ketiga, saya pun tidak begitu bersetuju mengenai tidak menyebutkan Deklarasi Langkawi dalam Rang Undang-undang ini, kerana kalau tidak silap saya, orang-orang seperti Yang Berhormat dari Kota Setar adalah pemburu yang besar akan memusnahkan haiwan-haiwan di sekitar Langkawi. Itulah

Dr Abdul Hadi bin Derani: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, dia beri jalan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu sangkaan jahat. Saya tidak pernah memusnahkan haiwan-haiwan di Langkawi. Dahulu saya pernah pergi memburu tetapi saya tidak memusnahkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak musnah, Tuan Yang di-Pertua? Maksud memburu itu apa? Bukankah menembak mati haiwan-haiwan itu?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Perhilitan memberi lesen dan kebenaran kepada pemburu-pemburu yang sah seperti saya, jadi hanya mengikut musim-musim sahaja seseorang pemburu boleh memburu. Yang memusnahkan haiwan-haiwan ini adalah pemburu yang tidak sah, mungkin seperti Ahli dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memburu langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak panjang lagi, cuma beberapa perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, patutlah kita masukkan Deklarasi Langkawi ke dalamnya kerana dengan meningkatkannya kegiatan ekonomi di Pulau Langkawi, ini bermakna usaha yang lebih lagi untuk mencari cara-cara mempertingkatkan lagi ekonomi di kawasan itu termasuk mencarigali gas, minyak dan sebagainya. Ini bermakna kegiatan-kegiatan ekonomi seperti ini akan mencemarkan lagi kawasan Langkawi dan maksud atau tujuan Deklarasi Langkawi tidak akan tercapai, kerana kita tidak ada keazaman untuk menghalang dari berlakunya pencemaran yang akan menyusahkan orang-orang Langkawi dan orang-orang yang akan melancong ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi mengenai apa yang disebutkan oleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta berhenti sekejap. Oleh sebab ada permintaan daripada Ahli-ahli yang beragama Islam kerana hendak menunaikan fardhu Maghrib, saya tempohkan mesyuarat selama 20 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 7.20 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.46 malam.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila luruskan.

7.46 mlm.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan, Deklarasi Langkawi patutlah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini kerana kalau tidak berbuat demikian, saya takut dengan meningkatnya kegiatan ekonomi di Pulau Langkawi dan kawasan-kawasan sekitarnya, maka kegiatan-kegiatan pencemaran alam sekitar akan dipertingkatkan secara langsung dan tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, ini termasuklah Yang Berhormat dari Kota Setar yang ada mempunyai lesen pemburu, kalau boleh kita janganlah beri lesen kepada dia untuk kawasan Langkawi dan sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini, saya tidak nampak satu fasal pun yang menyentuh mengenai fungsihingsinya, misalnya di dalam orang-orang profesional di kawasan Pulau Langkawi. Baru-baru ini kita tahu sekumpulan doktor daripada Soviet Union, pakar mata dibenarkan praktis di Pulau Langkawi. Walaupun terdapat kegelisahan para doktor di seluruh Malaysia mengenai tujuan Kerajaan Persekutuan membenarkan sekumpulan doktor ini untuk mempraktis mengamalkan perubatan di kawasan Langkawi, kerana mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk doktor-doktor yang lain.

Di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan sama ada Kerajaan akan terus mengamalkan dua standard (double standard), Tuan Yang di-Perlu—yang satu untuk Pulau Langkawi dan satu lagi untuk negeri-negeri Persekutuan yang lain. Sebab itulah saya mengatakan

bahawa Pulau Langkawi bukan untuk orang-orang Kedah sahaja tetapi untuk orang-orang Malaysia keseluruhannya. Jadi kita patutlah adakan satu standard sahaja, bukan untuk Langkawi sahaja.

Jadi adakah dengan adanya Lembaga seperti ini profesion-profesional yang lain seperti Kejuruteraan, Arkitek, Akauntan dan sebagainya kita akan ada dua standard-standard untuk Langkawi dan standard untuk kawasan-kawasan yang lain. Adakah itu maksudnya? Kalau tidak ada, patut kita ada satu peruntukan untuk menyelaraskan hal seperti ini, kerana apa yang berlaku dengan sekumpulan doktor Soviet Union ini tidak patut dibenarkan oleh pihak Kerajaan dan di sini saya hendak menekankan dan saya mencadangkan orang-orang yang benar-benar bebas menjadi Pengerusi Lembaga itu, kerana Menteri Kewangan sendiri tidak menghalang sekumpulan doktor Soviet Union ini untuk mengamalkan dan mempraktis di Pulau Langkawi semata-mata untuk keuntungan komersial sahaja, jadi ini tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi sebelum saya menamatkan ucapan ini ialah mengenai kawasan bebas cukai, memang wujudnya kegiatan-kegiatan penyeludupan yang kian menjadi-jadi walaupun Yang Berhormat boleh katakan ini bukan bidang tugas Lembaga dan bukan bidang tugas Menteri Kewangan, tetapi kerana kawasan ini dibenarkan oleh Kementerianannya untuk menjadi kawasan bebas cukai, maka kegiatan-kegiatan jenayah seperti ini memang meningkat di kawasan itu, kerana orang yang mengambil kesempatan untuk mencari untung.

Patut kita adakan kaedah itu ataupun fasal yang tertentu mengenai perkara seperti ini, kerana ini penting untuk memajukan kawasan itu kita terpaksa meningkatkan keberkesanan untuk mencegah penyeludupan dan maksiat yang lain yang bakal berlaku di kawasan itu dengan meningkatnya ekonomi di kawasan Langkawi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti yang berlaku beberapa tahun ini di Pulau Langkawi, iaitu projek-projek PROMET yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan uniuk Pulau Langkawi—ada setengah-setengahnya tidak patut dilakukan dan terdapatnya pengurusan kewangan yang tidak cekap sehingga terdapat kerugian besar. Saya akui bahawa sebahagian faktornya kerana kemerosotan ekonomi, tetapi ada sebahagian besarnya tidak kena mengena dengan kemerosotan ekonomi, ada yang tidak patut berlaku dilakukan oleh pihak Kewangan yang tidak menilai projek-projek dengan lebih cekap dan meluluskan apa sahaja di hadapannya kerana faktor-faktor yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya ingat cukuplah.

8.04 *mlm.*

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Padang Serai, Kota Setar, Padang Terap dan yang akhir sekali Kepong yang telah bangun dan membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai bahawa pembangunan pelancongan ini akan membawa kepada kejutan kebudayaan ataupun, dengan izin, cultural shock. Sukalah dijelaskan di sini Kementerian akan memastikan bahawa tarikan semulajadi pulau ini yang menarik orang ramai untuk melancong akan dikekalkan. Sebagai langkah permulaan, Kerajaan telah mengeluarkan peraturan untuk tidak akan membenarkan bangunan-bangunan tinggi didirikan di Pulau Langkawi.

Selain daripada itu, Lembaga Pembangunan Langkawi juga ataupun LPL akan mengawasi setiap pembangunan yang dilaksanakan supaya ianya sesuai dengan matlamat pulau ini seperti yang telah saya terangkan dalam ucapan saya tadi.

Berkenaan dengan faedah kepada penduduk Langkawi, pembangunan yang ada dan kepesatan pembangunannya sebagai pusat pelancongan dan juga kawasan bebas cukai kita lihat peluang-peluang pekerjaan akan diwujudkan dari masa ke semasa dengan majunya pulau ini berbanding dengan masa-masa yang lalu. Perkara ini akan diberi perhatian khusus oleh LPL.

Berkenaan dengan kes sara hidup yang tinggi akibat daripada majunya pulau ini, perkara ini juga tidak dapat dielakkan kerana salah satu kesan daripada pelancongan, perkara seumpama ini akan berlaku. Walau bagaimanapun, bagi Langkawi, kesan ini diimbangi pula oleh kawasan itu adalah kawasan bebas cukai yang mana penduduk menikmati barang-barang bebas cukai yang lebih murah daripada yang biasanya dijual di kawasan lain di negara kita. Selain daripada itu, pekerjaan yang bertambah itu akan menambahkan pendapatan penduduk-penduduk di sini berbanding dengan kerja-kerja secara tradisi yang terdapat.

Berkenaan dengan syor Yang Berhormat untuk menubuhkan tabung usahawan bagi penduduk di sini, perkara ini bolehlah dikaji oleh Lembaga bila telah beroperasi. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan beberapa perkara. Diantaranya faedah kepada penduduk asal Pulau Langkawi ini. Kerajaan akan memastikan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak berlaku sedaya upaya.

Tujuan Lembaga ini ditubuhkan adalah untuk menyelaras dan merancang pembangunan supaya rakyat jelata yang berasal daripada pulau ini akan terbela nasibnya. Itu salah satu dari tujuan LPL.

Kesan sekarang ini sudah boleh dilihat melalui pembangunan infrastruktur di seluruh pulau itu dan perkara ini akan ditingkatkan dari masa ke semasa.

Tentang perkara Yang Berhormat bangkitkan mengenai peruntukan meminjam wang dan memberikan pinjaman wang dan juga menubuhkan perbadanan. Dalam Rang Undang-undang ini, ianya tidak bercanggah dengan Undang-undang yang lain. Peruntukan serupa ini juga dibuat sewaktu menggubal Akta Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang lain. Selain daripada itu, sesuatu perbadanan hanya boleh melakukan perkara-perkara yang dibenarkan oleh Akta yang mewujudkan. Oleh itu jika sudah jelas peruntukan dibuat, maka perkara-perkara itu akan boleh dilaksanakan.

Mungkin perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan contoh Dewan Bandaraya, mungkin peruntukannya tidak jelas. Di sini kita telah jelaskan peruntukan yang mana peruntukan ini dibuat dan selepas itu bolehlah dilaksanakan bila diperlukan.

Berkenaan dengan industri berat akan menjejaskan keaslian pulau ini, Lembaga akan memastikan keaslian ini akan dikekalkan dan supaya perindustrian tidak akan merosakkan pulau ini ataupun mencemarkan pulau ini. Perkara itu akan dipastikan oleh LPL tidak akan berlaku.

Ahli dari Padang Terap membangkitkan masalah berkenaan dengan adakah penubuhan Lembaga ini akan mempersekutukan Pulau Langkawi ini, sukalah saya jelaskan bukan itu tujuannya. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan mengadakan Lembaga Pembangunan Langkawi, tujuan yang utama seperti yang kita sebutkan tadi ialah untuk membangunkan pulau ini sebagai satu destinasi pelancongan yang terkenal dan juga kawasan bebas cukai supaya dapat faedah kepada Kerajaan sama ada negeri ataupun Persekutuan. Jadi tidaklah timbul soal itu. Jadi, saya bolehlah beri jaminan.

Berkenaan dengan masalah Pengerusi Bersama, dua orang Pengerusi akan dilantik, yang ditetapkan. Yang pertama, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan seorang lagi akan dilantik seorang Menteri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, perkara ini sebenarnya adalah dibuat bertujuan untuk memberikan kekesanan kepada Lembaga ini untuk beroperasi.

Lembaga ini seperti saya sebut, agak berbeza dengan Lembaga Kemajuan Wilayah yang kita tubuhkan yang lain-lain seperti yang saya sebut tadi seperti DARA, KEDA dan sebagainya. Di sini kita ingin memajukan Langkawi ini khusus sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai dan banyak perkara-perkara yang bersangkutan. Oleh sebab itu, Kerajaan memikirkan perlu ada dua Pengerusi Bersama di sini. Walau bagaimanapun, kedudukan Kerajaan Negeri berkenaan dengan pulau ini tidak terjejas kerana Pengerusi Bersama ini salah seorangnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan semua perkara yang hendak dilaksanakan tentulah dalam pengetahuan Pengerusi yang berkenaan dan perkara-perkara yang menyentuh kedudukan Kerajaan Negeri pastilah tidak akan disetujui oleh Pengerusi yang juga Menteri Besar Kedah dan selain daripada itu semua perkara akan dirujuk kepada Kerajaan Negeri, khususnya yang berkaitan dengan kepentingan Kerajaan Negeri. Jadi, tidaklah perkara ini akan menjadi satu percanggahan.

Ahli dari Padang Terap seierusnya membangkitkan masalah projek-projek yang telah dilakukan ataupun dijalankan oleh KEDA. Memang benar banyak projek-projek KEDA di sini yang telah maju dan memberikan kesan ekonomi kepada penduduk. Walaupun KEDA telah sedia wujud dan meliputi kawasan Langkawi tetapi dengan adanya Lembaga ini, maka KEDA akan menarik diri dari Langkawi ini dan tempatnya diisi oleh Lembaga Pembangunan

Langkawi dan segala harta dan tanggungan akan diambil alih berperingkat-peringkat oleh Lembaga Pembangunan Langkawi. Jadi, tidak adalah pertindihan tugas di sini antara KEDA dengan Lembaga Pembangunan Langkawi, oleh kerana KEDA akan menarik diri dan tempatnya diambil oleh Lembaga Pembangunan Langkawi.

Yang Berhormat dari Padang Terap juga membangkitkan masalah persaingan industri dan pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan perkara ini diawasi jenis-jenis industri supaya ia tidak menjejaskan tarikan pulau ini sebagai kawasan pelancongan. Lembaga Pembangunan Langkawi akan memastikan industri-industri yang sesuai untuk di sini, tetapi industri-industri tidak dapat dielak ditubuhkan untuk memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah Pengerusi Bersama. Saya pun sudah jawab tadi semasa saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Kota Setar. Ahli dari Kepong mengatakan deklarasi.....

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak menjawab bagaimana Menteri Besar ataupun Menteri, kemungkinan Menteri Kewangan akan meluangkan masa untuk menjadi Pengerusi di dalam badan yang begitu penting kerana mereka mempunyai urusan-urusan yang lain yang cukup sibuk.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong tidak payah risaulah, mereka tahulah hendak memberikan

masa mereka untuk menjalankan kerja ataupun kalau Yang Berhormat terlalu risau bolehlah nasihatkan, kalau mereka hendak dengar, tetapi saya fikir nasihat doktor tidak perlu di sini untuk mereka membahagikan kerja-kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lagi pun pentingnya perkara ini dijalankan oleh Menteri Besar selaku Pengerusi Bersama kerana banyak kepentingan Kerajaan Negeri di sini dan begitu juga salah seorang Menteri dari Persekutuan akan menjadi Pengerusi Bersama oleh kerana banyak perkara-perkara yang hendak diselaraskan dan hendak dipercepatkan.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah Deklarasi Langkawi. Deklarasi Langkawi tidak perlu dimasukkan dalam Akta kerana maksud di sebalik deklarasi itu sudahpun terkandung di dalam berbagai-bagai undang-undang mengenai pemeliharaan alam sekitar, misalnya, Kualiti Alam Sekeliling dan Akta Perlindungan Hidupan Liar.

Ahli dari Kepong juga membangkitkan tiada peruntukan mengenai fungsi-fungsi orang profesional. Jadi, saya ingin menjelaskan berkenaan dengan penubuhan hospital mata yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Jadi, walaupun kita mengadakan Rang Undang-undang ini, iaitu menubuhkan Lembaga Pembangunan Langkawi, tidak bermakna semua undang-undang ada di sini, undang-undang yang lain tetap berjalan. Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang di bawah Kementerian Kesihatan, mengawal masalah doktor ini, misalnya, akan ada juga dan undang-undang yang lain, bukan bila Lembaga ini wujud mana undang-undang yang lain dibatalkan, tidak. Tiap-tiap undang-undang berjalan mengikut fungsi masing-masing, jadi, bab Yang Berhormat sebut berkenaan dengan penubuhan hospital mata tadi, itu tidak termasuk dalam bidang Lembaga ini boleh dibangkitkan dalam Kementerian ataupun Jabatan.

Yang Berhormat juga menyebut masalah bebas cukai iaitu kegiatan penyeludupan. Yang Berhormatimbang benar kalau saya menjawab bahawa perkara ini tidak kena-mengena dengan Lembaga Pembangunan Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, memang benar perkara ini tidak kena-mengena dengan Lembaga ini. Ada Jabatan lain yang akan menjaga soal penyeludupan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Walau bagaimanapun, perkara-perkara itu akan diambil perhatian oleh Lembaga ini bila ianya beroperasi dan akan dilaksanakan mana-mana cadangan yang baik. Saya juga mengambil peluang atas teguran dan cadangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, Kota Setar dan juga Padang Terap semasa mereka membahaskan Rang Undang-undang ini termasuk juga Ahli dari Kepong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasad*)

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketlga

8.12 *mlm.*

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca bagi kali kedua sekarang.

Sebelum Rang Undang-undang ini dibuka untuk dibahaskan, suka saya mengambil peluang ini untuk menerangkan latar belakang dan tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan. Pindaan kepada Kanun Tanah Negara pada kali ini timbulnya dari dua keperluan utama, iaitu:

- (i) Keperluan mengadakan peruntukan bagi membolehkan pelupusan tanah di bawah paras bumi bagi kegunaan yang berlainan daripada kegunaan tanah di permukaan bumi, dan
- (ii) Kajian semula Akta Hakmilik Strata 1985 untuk menyelesaikan masalah-masalah pelaksanaan. Kajian tersebut telah mendapati bahawa beberapa seksyen dalam Kanun Tanah Negara perlu dipinda.

Mengenai perkara yang pertama, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa harga tanah di kawasan-kawasan tertentu yang menjadi tumpuan pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga terutamanya di pusat-pusat bandar akan menjadi semakin mahal. Oleh itu, ianya hendaklah digunakan secara yang maksima.

Terdapat juga keadaan di mana kawasan-kawasan yang terhad yang berada di kawasan strategik, perlu dikekalkan sebagai kawasan lapang.

padang permainan dan lain-lain kegunaan awam. Dalam keadaan sekarang tanah yang berada di bawah paras bumi tidak dapat dilupuskan secara berasingan. Dengan kemampuan teknologi yang ada pada masa ini, tanah di bawah permukaan bumi mungkin boleh dimajukan bagi kegunaan yang tertentu, seperti tempat letak kereta, keretapi bawah tanah dan lain-lain.

Menurut seksyen 44(1)(a) Kanun Tanah Negara, hak seseorang atau sesuatu badan yang memiliki tanah di bawah paras bumi secara eksklusif adalah terhad kepada setakat mana yang perlu digunakan dengan munasabah secara sah di sisi undang-undang sahaja. Dalam keadaan sekarang, orang atau badan yang berkenaan hanya berhak menggunakan setakat yang diperlukan sahaja. Tanah yang selebihnya tidaklah boleh digunakan untuk pembangunan yang lain.

Di bawah Undang-undang Kanun Tanah Negara yang ada sekarang, pelupusan tanah di bawah paras bumi untuk kegunaan yang berbeza dan yang berasingan dari kegunaan di permukaan bumi tidak dapat dilakukan. Memandangkan kepada keperluan-keperluan yang ada dan ketiadaan peruntukan-peruntukan yang membolehkan pelupusan dibuat bagi tanah di bawah paras bumi untuk tujuan pembangunan, maka dibentangkan cadangan-cadangan dalam Rang Undang-undang ini. Adalah dirasakan sudah tiba masanya diadakan peruntukan yang seumpama ini bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri melupuskan tanah di bawah paras bumi. Peruntukan yang dicadangkan ini akan memberi faedah seperti berikut:

- (a) Tanah boleh digunakan dengan cara yang maksima.
- (b) Pihak Berkuasa Negeri akan dapat menambahkan hasil menerusi premium, cukai tanah dan lain-lain bayaran.
- (c) Kawasan-kawasan yang akan dimajukan akan mewujudkan

peluang-peluang pekerjaan dan tempat berniaga. Ini akan membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan beberapa dasar khususnya Dasar Ekonomi Baru.

- (d) Peruntukan ini juga akan memberi pihak Berkuasa Negeri satu lagi pilihan dalam menentukan bentuk pelupusan tanah khususnya bagi kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara kedua pula, iaitu cadangan-cadangan pindaan yang terbit daripada kajian semula Akta Hakmilik Strata 1985. Ianya merupakan pindaan susulan yang perlu dibual bagi menentukan Akta tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan. Ini disebabkan Seksyen 5 Akta Hakmilik Strata 1985 telah memperuntukkan peruntukan yang berkehendakkan Akta tersebut dibaca dan dilafsirkan seolah-olah ianya sebahagian daripada Kanun Tanah Negara. Peruntukan-peruntukan seperti penyediaan hakmilik sambungan, penggantian dokumen hakmilik rosak, pengeluaran pendua dokumen hakmilik keluaran atau "duplicate issue document of title," dengan izin, sekiranya dokumen hakmilik daftar tidak perlu diperbaharui, urusan niaga, bukan urusan niaga dan sebagainya, masih terpakai bagi petak-petak yang dipegang di bawah hakmilik subsidiari dan hakmilik strata.

Oleh yang demikian adalah perlu dikemaskinikan takrif-takrif yang berkenaan dan peruntukan-peruntukan tertentu supaya jelas dan tidak akan timbul apa-apa keraguan sama ada peruntukan-peruntukan itu terpakai juga dalam kes hakmilik strata.

Rang Undang-undang ini mengandungi 13 Pasal yang boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu mengenai pelupusan tanah di bawah paras bumi dan pindaan yang bertujuan untuk menyelaraskan dengan Akta Hakmilik Strata 1985. Di sini saya ingin

menerangkan dengan ringkas akan kandungan Fasal-fasal yang utama dalam Rang Undang-undang ini. Pasal-fasal tersebut adalah seperti berikut:

Pasal 3 bertujuan untuk mewujudkan satu peruntukan khas bagi pelupusan tanah di bawah paras bumi. Ianya diperuntukkan di bawah Bahagian baru Lima (A) yang mengandungi Seksyen 92A hingga Seksyen 92I. Di antara perkara-perkara yang dinyatakan dalam Seksyen-seksyen tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 92A mengenai takrif-takrif "adjoining underground land," "stratum" dan "underground land," dengan izin.
- (ii) Seksyen 92e—Seksyen ini mengandungi kuasa Pihak Berkuasa Negeri menentukan had kedalaman tanah serta syarat-syarat semasa meluluskan pindah milikan tanah. Adalah ditetapkan bahawa tanah yang berada di bawah "stratum" yang ditentukan itu akan terus terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai Tanah Negeri.
- (iii) Seksyen 92c bertujuan untuk Pihak Berkuasa Negeri dapat memberimilik tanah di bawah Kerajaan Negeri. Hakmilik yang dikeluarkan di bawah bahagian ini adalah berbentuk Hakmilik Pejabat Pendaftar ataupun Registry Title Tanah. Penggunaan yang ditentukan itu mungkin berbeza dan tidak ada perhubungan dengan penggunaan di permukaan tanah.
- (iv) Seksyen 92D bertujuan membenarkan pemilik tanah memohon untuk menggunakan tanah di bawah tanahnya bagi kegunaan lain dari kegunaan di atasnya. Syarat-syarat yang tertentu boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Pihak Berkuasa

Negeri juga akan mengenakan premium dan lain-lain bayaran apabila diluluskan. Segala syarat-syarat baru yang dikenakan diendos di atas hakmilik asal.

- (v) Seksyen 92E bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri menentukan had kedalaman ataupun depth, dengan izin, semasa memberi pajakan tanah rizab. Syarat-syarat dan keperluan kelulusan adalah ditentukan. Seksyen ini lebih kurang serupa dengan peruntukan di seksyen 92E yang telah dijelaskan.
- (vi) Seksyen 92F bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri memberi pajakan tanah di bawah paras bumi yang berada di bawah tanah rizab. Syarat-syarat dan keperluan kelulusan adalah ditentukan. Seksyen ini lebih kurang serupa dengan peruntukan seksyen 92c yang telah dihuraikan,
- (vii) Seksyen 92D bertujuan membolehkan pemegang pajakan tanah rizab memohon untuk menggunakan stratum bagi kegunaan yang berlainan dari yang di atasnya. Bagi tujuan ini kelulusan dari Pegawai Pengawal Tanah Rizab adalah perlu diperolehi. Semua syarat-syarat yang perlu dikenakan adalah ditentukan. Seksyen ini lebih kurang sama dengan peruntukan seksyen 92o yang telah di-huraikan.

Pasal 4 bertujuan meminda seksyen 165 Kanun Tanah Negara supaya penyediaan, pendaftaran dan pengeluaran hakmilik sambungan oleh pendaftar adalah bagi geran, pajakan negeri dan juga bagi dokumen hakmilik subsidiari bagi petak-petak dalam bangunan berbilang tingkat.

Pasal 5 bertujuan meminda seksyen 171 (c) (iii) Kanun Tanah Negara bagi menjelaskan supaya hakmilik sambungan daripada hakmilik yang dipegang di bawah hakmilik subsidiari juga boleh disediakan dengan menggunakan Borang 4, Akta Hakmilik Strata 1985.

Pasal 6 bertujuan meminda seksyen 171c(ii)fc) Kanun Tanah Negara supaya menggunakan Borang 4, Akta Hakmilik Strata 1985 sahaja bagi mengganti dokumen hakmilik daftar yang rosak bagi petak-petak tanpa mengira sama ada hakmilik asal dalam "Borang 10c" atau Borang 4, Akta Hakmilik Strata 1985.

Pasal 8 bertujuan meminda seksyen 256(1) Kanun Tanah Negara supaya membuat rujukan juga kepada hakmilik subsidiari yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Pendaftar supaya tindakan boleh diambil oleh pemegang gadaian bagi hakmilik subsidiari dan kepada semua bahagian yang tidak dipecahkan untuk memohon kepada mah-kamah untuk mendapatkan perintah jualan sekiranya pemilik yang berkenaan mungkin menjelaskan hutang-hutangnya. Rujukan kepada semua bahagian yang tidak dipecahkan perlu kerana seksyen 241 (1) Kanun Tanah Negara membenarkan bahagian yang tidak dipecahkan digadai.

Pasal 10 bertujuan meminda sebutan seksyen 261 Kanun Tanah Negara dengan maksud dan tujuan yang sama dengan yang telah disebut di Pasal 8 bagi hakmilik-hakmilik yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Tanah.

Pasal 11 bertujuan meminda seksyen 294 (3) (b) Kanun Tanah Negara supaya meliputi juga suratcara yang disempurkan oleh perbadanan pengurusan yang diwujudkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

8.24mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah luar biasa dan lagi penting kerana ini membuka satu halaman yang baru untuk menggunakan tanah bawah paras. Saya pun hairan mengapa tidak banyak Ahli yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar ini satu Rang Undang-undang yang penting dan beliau seronok tidak ada orang yang menyoal akan kepetingan rakyat Malaysia untuk besok, tulat dan tubin.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan yang saya hendak kemukakan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rang Undang-undang ini, yang pertama, dibentangkan adalah kerana negara ini perlu mengadakan Rang Undang-undang seperti ini. Adakah kita mempunyai kepakaran untuk menggunakan tanah bawah paras sama ada dari segi pegawai-pegawai tanah sekarang adakah mereka mempunyai kepakaran, kemahiran untuk mentafsir, untuk menilai dan memberi hakmilik yang sesuai bagi tanah-tanah bawah paras. Setakat ini Yang Berhormat tidak membangkitkan hal seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun minat di dalam hal ini kerana saya ada baca perkembangan di negara-negara yang lain, terutamanya di Jepun. Kerajaan Jepun mempunyai rancangan-rancangan untuk membina projek-projek di bawah tanah secara besar-besaran tetapi di negara ini saya tak nampak lagi pengumuman untuk mengadakan projek-projek seperti ini, sebab saya

berasa sangat hairan bagaimana Rang Undang-undang seperti ini dapat dibentangkan. Adakah ini semata-mata untuk Dataran Merdeka kerana ada ruangan dibina untuk meletakkan kereta dan juga untuk kedai-kedai. Adakah semata-mata untuk Dataran Merdeka?

Tuan Yang di-Pertua, teknologi di Jepun, saya minta izin membaca petikan di sini:

"Technology to be studied by the Japanese government included method of analysing and assessing deep underground structures, developing an underground excavator that can make a sharp turn and controlling the environment in deep underground space and the Japanese government panel is IQ consider legislation calling for land owners to give up their rights to space more than 50 or 100 metres below their property."

Ini petikan daripada World Walch, Tuan Yang di-Pertua, Housing and Property, Jilid No. 4 Tahun 1989. Jadi, saya pun tak nampak dia sebutkan paras 50 meter atau 100 meter dan serah kepada pegawai tanah yang belum lagi mahir di dalam hal ini, bagaimana mereka dapat menetapkan, dapat mentafsir bagaimana paras manakah yang dianggap sesuai 50 meter ataupun 100 meter ataupun 1,000 meter di bawah paras. Saya sangat hairan.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 3 disebutkan tadi masukkan Bahagian baru Lima (A) dalam Penggal II, terdiri daripada seksyen-seksyen baru 92A hingga 92I, yang menguruskan pelupusan tanah bawah tanah. Adakah ini bermakna dengan pindaan yang dibuat, iaitu Bahagian baru Lima (A) maka hakmilik tanah yang tersedia ada terhad kepada kedalaman minimum yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau hanya berkesan terhadap pengeluaran hakmilik tanah yang baru. Jika melibatkan juga tanah yang tersediakala diberi hakmilik dan pembangunan atas tanah tersebut sudah

dibuat, maka apakah jaminan atau pampasan ganti rugi yang akan disediakan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada pemilik bagi sebarang kerosakan atau keruntuhan struktur akibat kerja bawah tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri kelak ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menumpu perhatian kepada Dataran Merdeka sahaja, tidak mengira hal-hal yang lain.

Seksyen 92E hanya menyebut tentang pemilik tanah perlu menanggung kos bagi mengeluarkan, menempatkan semula atau menanam semula sebarang longkang, pembentungan, paip, kabel atau dawai bersama-sama, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, necessary supports serta kerja sokongan, ancillary works, dengan izin, jika pembinaan di dalam kawasan di bawah tanah dilakukan.

Seksyen 92D merujuk kepada permohonan oleh pemilik untuk mengguna sebahagian atau seluruh kawasan di bawah tanah yang berada, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, directly and immediately below the alienated land—directly and immediately below the alienated land. Adakah ini bermakna sekiranya pemilik asal tidak berupaya atau perlu seluruh bahagian kawasan di bawah tanah dan hanya memohon untuk menggunakan sebahagian tanah berkenaan maka pihak ketiga mahupun Pihak Berkuasa Negeri boleh memperolehi kawasan tanah dibawa ke dalam minimum untuk dibangunkan bagi kegunaan yang lain atau sama seperti pemilik asal. Bagaimanakah Pihak Berkuasa Negeri akan menyelesaikan bercanggahannya kepentingan pemilik dengan pihak ketiga dalam kes seperti ini? Bagaimanakah hakmilik atau pajakan tanah akan dikeluarkan? Ini tidak dijelaskan di dalam Seksyen 92F. Daripada Seksyen 92D hingga 92H disebutkan kelulusan penggunaan tanah di bawah tanah adalah juga tertakluk kepada syarat-syarat perlindungan dan sokongan tanah berdampingan. Apakah standard-standard yang akan diamalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menentukan sama ada perlindungan dan

sokongan tanah berdampingan adalah di dalam lingkungan yang boleh diterima serla kaedah-kaedah untuk mengukur keberkesanan perlindungan dan sokongan tersebut? Seksyen 92p dan Seksyen 92o merujuk kepada tanah bawah tanah di bawah paras di bawah tanah rizab, adakah peruntukan atau syarat kegunaan juga termasuk penggunaan tanah bawah tanah di kawasan Tanah Simpanan Melayu? Jika tidak, makabagaimanakah Kanun Tanah Negara yang dipinda menguruskan pemajakan tanah seperi ini?

Tuan 'Yang di-Pertua, sebelum Kerajaan melangkah ke zaman pembangunan bawah tanah seperti mana yang berlaku di Jepun yang kehausan tanah di permukaan, saya pun sebulkan hat ini tadi, adakah Kerajaan memberi pertimbangan kepada soal sama ada negara kita mempunyai kepakaran serta teknologi yang sesuai dan diperlukan bagi jenis pembangunan ini, khasnya perkhidmatan penyelamat kecemasan bagi menghadapi masalah tanah runtuh semasa pembinaan berjalan atau tidak? Bil ini akan diluluskan kelak, Tuan Yang di-Pertua, akan mempunyai implikasi dan consequence untuk negara ini. Adakah kita mempunyai kepakaran untuk menyetamat nyawa di bawah tanah kalau berlakunya kecemasan, kebakaran dan sebagainya? Dan banyak lagi masalah yang akan timbul. Adakah hasrat Kerajaan untuk memberi milik tanah kepada pcalabur asing yang sudah pun menerokai atau mempunyai kepakaran ini? Kita setakat ini tidak mempunyai kepakaran. Orang lain mempunyai kepakaran. Adakah peluang akan dicri kepada orang asing?

Sememangnya usaha ini merupakan kemajuan teknologi baru dalam pembinaan serta memaksimumkan kegunaan sumber tanah, akan tetapi apakah sebab-sebab bagi Kerajaan tergesa-gesa menyediakan perundangan sebelum adanya permintaan atau keperluan yang mendesak bagi jenis aktiviti ini melainkan untuk membina tapak buangan sisa beracun kilang-

kilang. Adakah ini salah satu sebab untuk meminda Kanun Tanah Negara ini untuk membuang sisa toxin? Jika inilah sebabnya, maka Kerajaan perlu, malah mesti memberitahu rakyat keadaan sebenarnya, terutama sekali butir-butir pembinaan serta langkah keselamatan dan kesan jangka pendek dan jangka panjang ke atas rakyat Malaysia.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa Rang Undang-undang ini yang bakal diluluskan mempunyai implikasi dan consequences dan saya berharap semua Ahli Dewan Rakyat yang ada di sini akan mengambil bahagian untuk membela rakyat, kerana saya nampak ada slogan Tradisi Membela Rakyat, tetapi hari ini saya hendak dengar bagaimana tradisi ini dapat dikotakan di dalam Dewan Rakyat ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Minta penjelasan. Tradisi Membela Rakyat, apabila Kerajaan Barisan Nasional hendak membela rakyat, DAP kata tidak benar, tidak betul, macam itu?

Dr Tan Seng Giaw: Inilah, Tuan Yang di-Periua, saya akan menyaksikan apakah buktinya yang akan ditunjukkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat, termasuk dari Larut mengenai Rang Undang-undang ini, yang begitu penting. Dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun saya nampak mahu dengar bagaimana nasihat, teguran yang bernas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Maran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada Yang Berhormat—dari Maran.

8.37 *mlm.*

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Saya tidak berkehendakkan apa-apa penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tetapi saya mengambil bahagian dalam pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya tindakan yang Kerajaan ambil ini adalah merupakan di atas kesedaran bahawa pentingnya kita mendahulukan pindaan ini kerana kita akan menemui pada masa-masa akan datang di atas kemajuan negara kita maka sudah barang tentu di antaranya usaha-usaha ataupun projek-projek untuk pembinaan ini termasuklah projek-projek di bawah paras tanah. Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan di atas kesedaran ini; merupakan kita mendahului daripada apa yang sebenarnya. Jadi, kita tidaklah membuat pindaan setelah kita tergesa-gesa ataupun melakukan beberapa kesalahan baru membuat pindaan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Maran, Ahli dari Kepong minia penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat sebutkan apakah projek-projek yang dirancang oleh Kerajaan supaya Rang Undang-undang boleh dibentangkan di sini? Apakah projek tersebut?

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Banyaklah projek yang akan dibuat besok.....

Dr Tan Seng Giaw: Projek di bawah tanah.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:apa pula perlu kita hendak menyebut hari ini sedangkan kita sedar bahawa banyak di antara negara-negara yang maju telah membuat projek-projek di bawah tanah. Apakah kita tidak ada kemungkinan untuk membuat projek sedemikian rupa? Jadi, kalau kita sudah ada perancangan besok, kita perlu lagi hendak meminda Akta, sebab Akta ini sudah ada. Lagilah cepat kita boleh melaksanakan apa projek yang kita hendak buat. Berfikirilah lebih maju sedikit, sepatutnya kita lebih maju berfikir dari semasa ke semasa! Terima kasih.

Saya ada beberapa perkara yang ingin membangkitkannya di sini, oleh sebab kita akan melaksanakan projek di bawah tanah. Pertama, saya ingin tahu apakah kita membuat kepastian sebelum kita menggali tanah? Saya bimbang kalau kita tidak membuat kepastian, mungkin orang yang hendak membuat projek di bawah tanah itu telah mengetahui bahawa ada hasil bumi di dalam tanah itu. Mungkin mereka mengatakan hendak membuat satu projek yang lain, tetapi sebenarnya bagi mereka ialah hendak mendapatkan hasil bumi yang di bawah tanah itu. Perkara ini perlu perhatian berat daripada Kerajaan. Apabila mereka mempunyai tujuan yang lain, tetapi apabila mereka mendapat hasil bumi, mereka akan melewatkan hasil bumi begitu sahaja, tanpa mendatangkan faedah kepada Kerajaan. Apabila hasil bumi itu sudah habis, mereka akan meninggalkan projek itu dan mereka akan mendapat kekayaan dengan hasil bumi yang ada di bawah butni itu. Ini perlu mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan. Kalau tidak, kita akan kehilangan hasil yang besar. Kita telah mengetahui dan sedar bahawa di negara kita ini memang mempunyai kekayaan hasil buminya. Ini perlu Kerajaan mengambil kepastian sebelum dibenarkan mereka membuat apa-apa projek di bawah tanah.

Masalah yang kedua ialah Tanah Simpanan Melayu. Kita sedar Tanah Simpanan Melayu semakin hari semakin berkurangan. Apakah Kerajaan dapat memberikan jaminan, memberikan pampasan-pampasan tertentu apabila mereka hendak mengorok di bawah tanah sudah tentu muka tanah itu digunakan dahulu, sudah tentu memakan ruangan di atas muka bumi. Jadi adakah Kerajaan akan memberi gantian ataupun memberikan pampasan-pampasan yang tertentu bagi mereka dan juga adakah Kerajaan memberi jaminan bahawa apabila kita membuat projek yang di bawah tanah itu akan memberi jaminan tidak akan mendapat dua kerugian? Pertama, tanah yang di atas dan kedua tanah yang di bawah. Kadangkala kalau sekiranya tanah itu runtuh, tanah yang di atas dan yang di bawah pula tidak boleh digunakan tetapi yang kita kedapatan ialah bahaya. Sebab itu, saya bertanya adakah Kerajaan memberi jaminan di atas perkara-perkara ini? Saya percaya walaupun percakapan saya ini pendek, tetapi maksud yang saya cakapkan ini adalah memberi makna yang besar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Periua, pertama sekali saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ajili Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ke atas pindaan Rang Undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya berasa hairan, fasal apa Ahli-ahli Earian Nasional tidak ramai bercakap. Saya hendak beri tahu kenapa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional ini sebenarnya sudah lancar dan sudah baca Pindaan Akta ini dan kita sudah beri tahu, sudah terangkan. Jadi kalau dia

tidak bercakap, Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak heboh fasal apa? Apa kena mengena urusan Barisan Nasional dengan wakil Kepong dan DAP dalam soal ini. Jadi, selepas itu pula, Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan dia hairan mengapakah Kerajaan tergesa-gesa buat pindaan ini.

Saya hendak beri tahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Kerajaan Barisan Nasional tidak buat satu-satu perkara, terutama sekali tentang undang-undang berdasarkan kepada satu-satu perkembangan semasa, *ad hoc*. Kita buat kerja, terutama sekali menggubal dan membuat undang-undang setelah kita kaji, setelah kita teliti keseluruhannya, keadaan dan suasana setiap keperluan di negara kita ini. Dan apabila Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan Rang Undang-undang ini dikemukakan dengan tergesa-gesa, ini lidak betul. Dan kalau saya boleh buat kesimpulan daripada apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya tak tahu sejauh manakah kefahaman Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang Akta ini, sebab perkara-perkara yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong seolah-olah memberikan gambaran kepada saya yang dia tak berapa lancar apa yang ada di depan kita, dia tak berapa lancar, dia meraba-raba di merata tempat. Saya katakan begitu kerana apabila Ahli Yang Berhormat dari Kepong menimbulkan soal sama ada kita mempunyai kepakaran ataupun lidak.

Jadi, ini jelas menunjukkan kepada saya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu tidak teliti sebelum dia hendak bercakap di Dewan yang mulia ini. Sebab kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong tengok Pasal 92i di situ dengan jelas menunjukkan bahawa setiap keperluan yang ada hubung-kait dengan Undang-undang ini telah pun kita teliti. Ada perkara-perkara yang kita sebutkan di situ, macam mana gaya kita hendak buai kerja dan kita telah buat ini dengan nasihat pakar-pakar yang ada dalam negara kita ini.

Saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong, masa kita hendak menggunakan pakar luar negeri sudah ketinggalan zaman, yang ada dalam negara kita pun semuanya pakar-pakar belaka dan ini telah diteliti oleh pakar-pakar kita. Kita tidak ada hendak minta tolong pada siapa pun. Jadi, Ahli Yang Berhormat.....

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Dato¹ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa dia, saya belum beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjelaskan projek manakah yang telah kita jalankan di bawah tanah itu, projek raksasa dan pakar-pakar tempatan telah digunakan untuk menonjolkan kebolehanannya melaksanakan projek? Sebcnarnya saya pun tak tahu projek mana, kerana ini mcmang satu kepakaran yang saya pun tak faham. Saya cuma hendak bertanya sahaja kerana ini satu bidang yang baru.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, lerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, saya akan sampai, rilcometothatpoiui. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan ladi apabila kita buat rangka Rang Undang-undang ini, semuanya telah diteliti oleh pegawai-pegawai, oleh pakar-pakar yang ada di dalam negara kita ini. Pasal saya sebutkan itu, Ahli Yang Berhormat tadi beri satu gambaran seolah-olah kita ini masih lagi bergantung kepada orang luar, kita tidak berganiung.

Ahli Yang Berhormat juga timbulkan soal Tradisi Membela Rakyat. Saya pelik dengan cakap Ahli Yang Berhormat itu hendak tanya apa yang sudah dibela oleh Barisan Nasional ini. Nombor satu sekali, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau tak kerana Perikatan dan Barisan Nasional, Ahli Yang Berhormat pun tak duduk di situ. Itu perkara nombor satu. Itu nombor satu dahululah, hendak buat undang-undang mestilah datang ke sini—kenapa garu

kepala ini? Kalau saya hendak ceritakan apakah Barisan Nasional buat untuk hendak nicmbela rakyat, saya ingat satu hari satu malam tak habis cerita ini.

Jadi, saya hendak kata, simpul begini sahaja. Saya tahu Ahli Yang Berhormat bukan tak tahu, sengaja tak mahu hendak mengerli. Ahli Yang Berhormat itu bukan tak nampak, sahaja buat tak nampak. Itu masalah DAP, itu masalah parti Pembangkang.

Seluruh rakyat Malaysia ini tahu apa Kerajaan Barisan Nasional buat untuk hendak bela rakyat. Seluruh dunia pun tahu. Wakil daripada Kepong tidak erti.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato* Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apadia? Tanyalah!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat mcurnpu perhatian kepada implikasi dan konsekuensi Rang Undang-undang ini. "Tradisi Membela Rakyat" kerana saya berpendapat Rang Undang-undang ini penting tetapi nampaknya ada Yang Berhormat satu sahaja yang menganggap ini penting. Jadi dia berlagak dengan betul. Tetapi yang lain itu, tokoh di situ, merawang-rawang! Matanya merawang-rawang ke sana-ke mari. Hu sahaja Hkirannya. Jadi "Tradisi Membela Rakyat" dari segi implikasi dan konsekuensi Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak sebutkan Rang Undang-undang ini sekarang, Dia sudah lupa, dia yang membawa Rang Undang-undang ini, dia merembang ke tempat lain sekarang, jadi tumpulah perhatian kepada soat yang di hadapannya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, bila saya mula hendak sebut sedikit, dia sudah corner ke lain. Saya akan sampailah ini pada Rang Undang-undang yang tengah dibaca, tengah dijawab ini.

Jadi, Yang Berhormat dari Kepong suka cakap berbelit-belit. Yang Berhormat bangkit tiga perkara sahaja.

Saya akan jelaskan. Saya akan terangkan tetapi buat satu kenyataan umum menyatakan Barisan Nasional kata sahaja "Tradisi Membela Rakyat". Ini satu kenyataan yang umum, lepas itu dia corner kepada Rang Undang-undang ini. Kita yang bawa ini kita ertilah apa yang kita buat ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kita kemuka dan bentangkan Rang Undang-undang ini bukan kerana kita buat secara *ad hoc* Yang Berhormat dari Kepong tanya adakah Rang Undang-undang ini dibentangkan kerana Dataran Merdeka. Yision kita dalam Barisan Nasional ini bukan pandang cetek macam Yang Berhormat dari Kepong. Kita sejak Perikatan dahulu hingga sekarang sampai Barisan Nasional kita pandang jauh, sampai bawah tanah pun kita pandang sekarang ini. Kita buat ini kerana kita dalam Barisan Nasional berpandangan jauh. Kita ada apa yang kita pangggi, Tuan Yang di-Pertua, Culuriclic i thinking, bukan macam DAP politik sempit. Hu cerita kita. (*Tepuk*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal kepakaran yang dibangkitkannya, saya tunjuk bukti sah. Pasal 92i disebut situ. Jadi, Yang Berhormat baca atau tidak baca, faham atau tidak faham? Jangan kata, "adakah kita ada kepakaran, hendak bawa orang luar negeri hendak buat kerja ini". Ini menunjukkan Yang Berhormat sendiri pun tidak berapa jelas apa Yang Berhormat cakap ini; satu. Yang kedua, saya hendak tunjuk lagi. Ini bukti-bukti sah yang saya tunjuk ini, bukan hendak merewang-rewang tidak ada. Yang merewang-rewang sebelah sana. Misal kata Yang Berhormat sebut tentang ganti rugi, ini lagi sekali menunjuk kepada sayalah Yang Berhormat tidak teliti tentang Akia ini. Kalau Yang Berhormat teliti betul-betul di bawah Seksyen 92o (I) dan Seksyen 92o (I), ini jelas diterangkan. Soal ini tidak timbul kerana tanah yang sudah diberi milik ianya akan ditimbangkan di bawah Seksyen ini, iaitu ianya hanya

boleh dipohon oleh tuan punya sahaja. Jadi kalau Yang Berhormat baca betul-betul; sekarang baru hendak baca buat apa? Sudah bercakap, baru terhegeh-hegeh hendak baca macam mana? (*Tepuk*) Yang Berhormat bacalah elok-elok, bukan? Jadi you come up dengan kenyataan-kenyataan yang umum, yang kurang jelas

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nanti sekejap. Saya beri jalan. Saya hendak habiskan ayal ini. Jadi ini lagi satu bukti yang menunjukkan Yang Berhormat kurang cermat sebelum hendak memberi apa juga pandangan. Ini sah. Soal hendak beri ganti rugi tidak timbul. Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya. Jadi berlagak seperti buah kedempong, di luar berisi di dalam kosong (*Ketawa*). Itu sahaja buah kedempong. Susah kami sekarang ini. Jadi bila dia bangkitkan Seksyen 92F dan Seksyen 92c itu saya tengok dulu apa dia hendak sebut. Itu pun tidak boleh, hendak marah lagi. Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya dia menumpukan perhatian kepada teguran-teguran saya dan memberi jawapan yang sewajarnya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudah habis? Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara ini saya akan hurai. Tciapi sebelum sampai ini saya henciak kena berikan mukaddimahnya dulu. Ini mukaddimah. Yang Berhormat tanya mana projek. All right. I am going to reply now, you listen carefully. Yang Berhormat tanya mana dia projek-projek bawah tanah. Kepada saya bila Yang Berhormat kata begitu, Yang Berhormat selama ini rupanya langsung tidak mengikuli apa yang berlaku di seluruh negara kita ini, yang berlaku bawah tanah ini. Kalau yang di luar bandar itu mungkin Yang Berhormat dari Kepong tidak pernah pergi. Tetapi duduk dalam

bandar Kuala Lumpur, duduk di dalam Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan; dalam Wilayah Persekutuan ini sekarang ini sudah berapa banyak ada Lempat-tempat letak kereta bawah tanah misalnya, di pusat-pusat membeli belah (shopping complex). Itu permulaannya. Bila Kerajaan tengok perkembangan ini sudah mula berlaku

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato* Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Nanti, belum habis ayat lagi, sabarlah. Bila Kerajaan lengok macam di Selangor Club sudah mula hendak buat, sedang bual pun di Dataran Merdeka itu tetapi bukan kita buat Undang-undang ini kerana Dataran Merdeka ini. Itu tidak betul. Pasal kita sudah mula nampak trend ini. Trend terhadap pembangunan ini bukan sahaja di atas permukaan tanah tetapi juga sudah mula sampai menyentuh di bawah paras muka tanah ini. Itu fasal kita fikirkan. Kita fikirkan ini bukan untuk hendak menampung keperluan sekarang, yang sudah ada bermula ini tetapi untuk masa-masa yang akan datang. Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada sebutkan projek-projek seperti ada di bawah tanah, terutamanya di Dataran Merdeka, yang mungkin merupakan yang terbesar sekaranglah. Jadi saya tanya dia apakah projek yang dimaksudkan iuu, iaitu projek yang istimewa iailu merangsang dia membentangkan Rang Undang-undang seperti ini. Projek yang disebutkan oleh Yang Berhonnal tadi saya sudah sebutkan.

Dato* Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata tadi, saya respond itu sebab scolah-olah gambaran Yang Berhormal beri itu kita buat Rang Undang-undang ini kerana hendak tampung keperluan itu sahaja secara *ad hoc*, Tetapi kita sangka yang garu kepala ini fasal apa? You had better listen to me, man! Jadi, kita buat Rang Undang-undang ini untuk

keperluan jangka panjang kita fasal kita sudah nampak. Seperti saya katakan tadi trend ini, permulaan ini sudah ada. Dan kita tidak ada lagi undang-undang macam mana gayanya kita hendak beri title ataupun hakmilik kepada orang yang membuat projek-projek di bawah paras tanah sekarang. Itu fasal kita ada Undang-undang ini Yang Berhormal. Jelas? Paham dah!

Tuan Yang di-Pertua, kalau dia sudah jelas saya hendak beralih ke lain. Satu lagi tadi tentang soal jaminan kepada pemilik. Ini pun sekali lagi saya terpaksa sebutlah. Tadi saya sudah sebut sedikit, bila kita bincangkan; saya cerita sedikitlah untuk hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Kepong. Apabila kita bincang untuk hendak buat ataupun hendak pinda Undang-undang ini, kita sudah baca, terutama sekali keperluan pemilik-pemilik tanah ini. Dan saya suka tegaskan dalam Dewan yang mulia ini iaitu tuan tanah atau pemilik tanah itu akan diberikan keutamaan yang pertama sekali, kalau sekiranya ada apa juga bentuk pembangunan yang hendak dibuat di bawah paras permukaan tanah yang dia miliki. Itu yang paling penting. Kita akan pastikan kepentingan pemilik-pemilik ini dijamin dan jaminan ini ada kita sediakan di dalam masa kita mengemukakan pindaan-pindaan yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dia tiga perkara yang Yang Berhormat bangkitkan, yang sebenarnya, dua perkara sahaja yang dibangkitkan, yang perlama sekali, hairan—itu tidak ada benda. Soal tentang kepakaran dan jaminan terhadap pemilikan ini, saya sudah jelaskan dan pada kesimpulannya, sepanjang perkara yang Yang Berhormat dari Kepong bangkitkan, saya suka tegaskan sekali lagi iaitu tujuan utama Kerajaan membuat pindaan ini ialah untuk menampung keperluan masa depan pembangunan dalam negara kita ini sepanjang yang berkaitan dengan cara-cara kita hendak memberikan hakmilik kepada orang-orang atau

pemaju-pemaju, terutama sekali yang hendak membangunkan lanah di bawah permukaan tanah ini. Itu yang paling penting. Sekarang ini dia tidak dapat title, kita tidak ada cara hendak berikan title itu. Itu yang paling penting dari segi pindaan Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Maran.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan mengenai siapa yang menentukan paras di bawah tanah itu sama ada 50 meter di bawah aras ataupun 100 meter di bawah aras ataupun lebih lagi. Bolehkah sesiapa yang hendak membuat projek itu 25 meter di bawah paras. Itu penting, Tuan Yang di-Pertua. Siapa yang akan menentukan itu dan bagaimana dia dapat menentukan perkara yang penting ini.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih. Ini sekali lagi dengan jelas menunjukkan Yang Berhormat kalau baca tidak faham. Kalau Yang Berhormat lihat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lerangkanlah.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak terangkanlah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terangkan tentang State Authority.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Itulah dia, saya hendak baca Seksyen 92 (E) ini. Jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, dia sudah faham sekarang.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau kita baca Seksyen 92 (E), kuasa itu kitaberikan kepada State Authority (Pihak Berkuasa Negeri). Ada disebutkan, dengan izin, kalau boleh, saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah faham.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kadang-kadang itu dia tidak faham, itulah yang susahnyanya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dia tidak baca dengan lancar, lepas itu dia buat heboh di Dewan ini. Hulah yang saya malas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Maran yang memberi sedikit pandangan tadi tentang TSM (Tanah Simpanan Melayu). Ini memang kita sentiasa teliti tentang perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan Tanah Simpanan Melayu kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit penjelasan daripada saya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasad*)

Pasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN)

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketlga

9.04 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Akta Hakmilik Strata 1985, iaitu Akta 318 telah berkuatkuasa lebih dari 4 tahun. Semenjak perlaksanaan Akta ini pada Ihb Jun, 1985, terdapat beberapa masalah yang dihadapi. Di antara masalah yang dihadapi termasuklah seperti berikut:

- (i) bangunan-bangunan yang terkeluar dari lingkungan lot dan tidak boleh dipecah bahagi untuk mendapat hakmilik strata;
- (ii) bangunan-bangunan yang telah hilang pelan bangunan dan tidak dapat dipecah bahagi kerana perakuan oleh Jurukur Tanah yang diperlukan di bawah seksyen 10 (1) (b) (i) Akta Hakmilik Strata tidak dapat diperolehi.
- (iii) skim strata yang mempunyai bangunan-bangunan satu tingkat bersama-sama dengan bangunan berbilang tingkat yang tidak dapat dipecah bahagi kerana bangunan satu tingkat tidak memenuhi kehendak undang-undang yang menyatakan bahawa bangunan perlu mempunyai dua tingkat atau lebih;

- (iv) masalah-masalah berhubung dengan blok sementara iaitu masalah blok sementara tidak disediakan oleh pemaju, masalah peruntukan yang ketat yang memerlukan blok sementara dibina mengikut pelan asal bangunan yang diluluskan tanpa apa-apa pindaan;
- (v) pemaju lambat menjelaskan bayaran-bayaran selepas permohonan diluluskan;
- (vi) masalah berhubung dengan gadaian-gadaian yang sedia wujud, dengan izin, pre-existing charges yang akan menjadi langgungan perbadanan penguurusan selepas bangunan dipecah bahagi dan hakmilik strata dikeluarkan;
- (vii) kesulitan mengutip caruman-caruman untuk Kumpulanwang Pengurusan perbadanan penguurusan daripada pemilik-pemilik petak;
- (viii) isu berhubung dengan penubuhan perbadanan pengurusan dalam bangunan kos rendah;
- (ix) tiada peruniukan penalti berhubung dengan apa-apa pelanggaran peruntukan dalam Bab IX Akta Hakmilik Strata oleh pemilik asal atau perbadanan pengurusan bangunan kos rendah;
- (x) pemaju ataupun tuan tanah lambat atau gagal mengemukakan kepada Pendaftar, nama perbadanan pengurusan dan alamat untuk penyampaian dokumen bagi maksud dimasukkan dalam Index Strata (Borang 2 Akta Hakmilik Strata); dan
- (xi) tiada peruntukan penalti sekiranya peruntukan-peruntukan dalam Kaedah-kaedah Hakmilik Strata dilanggar atau tidak dipatuhi oleh perbadanan pengurusan dan pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi bukanlah kesemuanya disebabkan oleh kelemahan atau kekurangan dalam Akta Hakmilik Strata, akan tetapi disebabkan juga oleh tuan tanah atau pemaju sendiri. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah-masalah itu, dan untuk memperlengkapkan undang-undang tersebut dengan peruntukan-peruntukan tambahan agar ianya dapat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa, pindaan-pindaan dicadangkan dibuat kepada Akta Hakmilik Strata.

Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini boleh digolongkan mengikut kategori-kategori seperti berikut:

- (1) untuk memenuhi kehendak pembangunan semasa;
- (2) untuk menjaga kepentingan pembeli dan pemilik-pemilik petak;
- (3) untuk memperbaiki pengurusan bangunan yang dipecah bahagi;
- (4) untuk memperkemas peruntukan-peruntukan sedia ada;
- (5) untuk memberi kelonggaran tertentu bagi membolehkan pecah bahagian bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di bawah kategori cadangan-cadangan untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan semasa termasuklah yang berikut:

- (1) fasal 3 bertujuan meminda seksyen 6 bagi membolehkan skim strata campuran yang meliputi bangunan berbilang tingkat dan bangunan satu tingkat, dipecah bahagi;
- (2) fasal 5 bertujuan meminda seksyen 9 (a) Akta Hakmilik Strata bagi membenarkan bangunan yang mempunyai anjuran-anjuran bangunan seperti cucur atap, kajang ataupun, dengan izin, awning dan

langkan ataupun, dengan izin, balcony yang terkeluar dari lingkungan lot ke atas rizabjalan, dipecah bahagi;

- (3) fasal 13 bertujuan meminda seksyen 20 (2) (b) Akta Hakmilik Strata bagi membolehkan pembinaan blok sementara dibuat mengikut pelan bangunan yang dipinda dan diluluskan. Walau bagaimanapun, fasal 14 bertujuan menetapkan bahawa pindaan-pindaan kepada pelan bangunan bagi blok sementara tidak boleh menyebabkan perubahan kepada bilangan petak, jumlah keluasan lantai dan jumlah unit syer sementara bangunan itu.

Bagi menjaga kepentingan pembeli-pembeli pemilik-pemilik petak, pindaan-pindaan berikut adalah dicadangkan:

- (1) fasal 5 bertujuan meminda seksyen 9 seperti berikut:
 - (a) dengan mengadakan peruntukan baru subperenggan (i) bagi mensyaratkan bahawa tempoh pemegang tanah tidak kurang dari 21 tahun;
 - (b) dengan mengadakan peruntukan baru subperenggan (j) bagi menetapkan bahawa tanah tidak tertakluk kepada gadaian atau lien, dan;
 - (c) dengan mengadakan subseksyen baru (2) bagi menetapkan syarat-syarat kelulusan tambahan bagi kes permohonan yang melibatkan blok sementara;
- (2) fasal 8 bertujuan mengadakan seksyen baru 14A bagi menelanapkan penalti jika pemohon gagal menjelaskan bayaran-bayaran selepas kelulusan diperolehi;

- (3) fasal 9 bertujuan meminda seksyen 15 dengan mengadakan subseksyen baru (3A) untuk membolehkan Pendaftar menetapkan nama perbadanan pengurusan sekiranya pemohon gagal membekalkannya;
- (4) fasal 13 bertujuan meminda seksyen 20 (1) bagi mewajibkan pemilik blok sementara memohon hakmilik strata bagi petak-petak yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan serta mengadakan subseksyen baru (1A) untuk tempoh lanjutan;
- (5) fasal 15 bertujuan memperuntukkan seksyen-seksyen baru 22A dan 22e bagi mengadakan penalti jika pemilik blok sementara gagal membuat permohonan untuk hakmilik strata atau gagal menjelaskan bayaran selepas kelulusan diperolehi;
- (6) fasal 36 bertujuan mengadakan seksyen baru 61A bagi menyekat kuasa-kuasa pemilik asal dalam bangunan kos rendah sebelum perbadanan pengurusan ditubuhkan;
- (7) fasal 38 bertujuan memperuntukkan seksyen baru 64A bagi membolehkan pemilik-pemilik petak dalam bangunan kos rendah yang memegang lebih dari 50% jumlah unit syer pemohon kepada Pengarah Tanah dan Galian supaya perbadanan pengurusan ditubuhkan;
- (8) fasal 39 bertujuan memperuntukkan seksyen baru 66A bagi mengadakan penalti sekiranya pemilik asal atau perbadanan pengurusan melanggar peruntukan-peruntukan Bahagian 9 Akta Hakmilik Strata.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan juga dibuat untuk memperbaiki pengurusan bangunan yang dipecah

bahagi. Pindaan-pindaan yang berkenaan termasuklah yang berikut:

- (1) fasal 25 bertujuan meminda seksyen 45 dengan mengadakan subseksyen baru (5A) bagi membolehkan tunggakan bayaran oleh pemilik blok sementara dituntut oleh perbadanan pengurusan daripada pemilik blok sementara sendiri, atau daripada pemilik-pemilik seterusnya dengan izin, successors in title;
- (2) fasal 32 bertujuan memperuntukkan seksyen baru 53A bagi membolehkan perbadanan-perbadanan pengurusan mendapatkan kembali tunggakan-tunggakan caruman melalui waran penahanan dengan izin, warrant of attachment;
- (3) fasal 42 bertujuan meminda seksyen 81 dengan mengadakan subseksyen baru (3) bagi membolehkan penalti ditetapkan terhadap pelanggaran kaedah-kaedah hakmilik strata;
- (4) pindaan-pindaan bagi menjelaskan hak-hak dan tanggungjawab pemilik petak dan pemilik-pemilik blok sementara terdapat di kebanyakan fasal-fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Di samping itu, pindaan-pindaan juga dibuat untuk memperkemas atau melengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Hakmilik Strata 1985 seperti berikut:

- (1) fasal 4 bertujuan meminda seksyen 8 bagi menentukan atau menetapkan tempoh permohonan perlu dibuat bagi pecah bahagian bangunan yang diwajibkan (seksyen 8 Akta Hakmilik Strata) sedia ada kurang sempurna dan perlu dipinda sewajarnya;
- (2) fasal 5 bertujuan mengemaskini peruntukan seksyen 9 (b) Akta Hakmilik Strata, iaitu selain

daripada arkitek berdaftar, jurutera berdaftar juga bertanggungjawab memperakukan atas lukisan pelan-pelan bangunan;

- (3) fasal 7 bertujuan mengadakan seksyen baru 10A yang hanya terpakai bagi permohonan yang melibatkan pembangunan berperingkat supaya lebih jelas dan kemas. Seksyen baru K)A adalah tambahan kepada seksyen 10 Akta Hakmilik Strata;
- (4) fasal 11 bertujuan mengadakan beberapa pengubahsuaian tata-cara semasa membuka Buku Dafiir Strata bagi Bangunan Kos Rendah;
- (5) fasal 40 bertujuan memotong seksyen-seksyen 68, 71 dan 72 Akta Hakmilik Strata kerana ianya telahpun dijelaskan oleh seksyen 5 Akta tersebut.
- (6) fasal 43 bertujuan mengadakan seksyen baru 84 dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda atau mcnggantikan borang-borang dalam Jadual Pertama Akta Hakmilik Strata selepas mendapat kelulusan Majlis Tanah Negara dan seksyen baru 85 mengenai penerusan kuatkuasa kaedah-kaedah, perintah-perintah, peraturan-peraturan, arahan-arahan, notis-notis dan pemberitahuan-pemberitahuan yang dibuat, diberikan atau dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara sebelum kuatkuasanya Akta tersebut;
- (7) fasal 44 bertujuan membuat pindaan susulan kepada borang-borang 1, 2, 3, 4, 5 dan 8 Akta Hakmilik Strata. Di samping itu, borang baru 4A diadakan, iaitu dokumen hakmilik strata sementara, khas untuk blok sementara manakala borang-

borang baru 7A dan 7e diadakan berhubung dengan waran penahanan harla alih, dan notis dan inventori.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada rayuan yang telah diterima daripada pemilik-pemilik bangunan lama yang telah hilang pelan asal bangunan, maka adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat untuk memberi kelonggaran bagi membotehkan bangunan-bangunan icrsebut dipecah bahagi. Pindaan yang dicadangkan adalah sebagaimana yang terkandung dalam fasal 6 yang bertujuan meminda seksyen 10 dengan mengadakan subseksyen baru (6A) yang menetapkan bahawa pelan bangunan hendaklah dilukis semula oleh arkitek berdaftar dan perakuan oleh Pihak Berkuasa Tempatan tentang bangunan itu diperolehi.

Akhirnya, lerdapat beberapa lagi pindaan yang tidak disebutkan di sini kerana pindaan-pindaan itu bersifat sampingan dan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesimpulan pindaan-pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah-masalah atau kesulitan-kesulitan yang dihadapi dan untuk melengkapkan Akta Hakmilik Strata dengan peruntukan-peruntukan tambahan agar ianya dapat memenuhi kehendak-kehendak pembangunan dan sosio-ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon, dengan hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strala 1985 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

9.18 m/m.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pembentangan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1989 telah lama ditunggu-tunggu dan sebagai seorang Wakil Rakyat yang mewakili.....

Tuan Yang di-Pertua: 89 atau 85?

Tuan Lee Lam Thye: 89. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1989 dan sebagai seorang Wakil Rakyat yang mewakili satu kawasan di mana masalah tentang permohonan hakmilik strata merupakan satu isu yang besar. Maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pendapat saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Saya tidak bercadang untuk mengulas setiap pindaan memandangkan masa yang singkat tetapi apa yang saya hendak mengutarakan di sini ialah untuk membahaskan beberapa pindaan utama yang saya rasa adalah penting kepada permohonan-permohonan hakmilik strata.

Akta Hakmilik Strata dikuatkuasakan pada 1hb Jun, 1985 dan ia wujud atas rekomendasi Jawatankuasa Semakan ke atas Kanun Tanah Negara, bahawa undang-undang berasingan patutlah dikuatkuasakan oleh Hakmilik Strata bagi menggantikan peruntukan pecah bahagian bangunan dan hakmilik subsidiary dalam Kanun Tanah Negara. Ini kerana peruntukan-peruntukan Kanun Tanah didapati tidak mencukupi dalam konteks kepastian, pertambahan projek-projek berbilang tingkat dan projek pembangunan campuran komprehensif. Empat tahun kini sudah berlalu namun isu pengeluaran Hakmilik Strata masih menjadi begitu kritikal kerana banyak masalah.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada mengakui yang

bertumpu disekitar kelewatan dalam permohonan dan pengeluaran Hakmilik yang mana sebelum ini kurang diberikan perhatian. Perangkaan menunjukkan bahawa sehingga akhir tahun lalu hanya lebih kurang 40% permohonan Hakmilik Strata di seluruh negara di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 telah diluluskan.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Kementerian yang berkenaan semasa merasmikan satu seminar mengenai permohonan Hakmilik Strata di Kuala Lumpur baru-baru ini berkata sehingga 31hb Disember, 1988 hanya 406 permohonan Hakmilik Strata telah diterima dari seluruh negara dan 163 daripadanya telah diluluskan. Kebanyakan daripada permohonan menurut beliau adalah diterima oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Daripada 264 permohonan yang diterima oleh Pejabat Tanah yang berkenaan sehingga akhir tahun lepas 126 atau 48% telah diluluskan, 103 ditolak dan 35 masih dalam proses dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta Hakmilik Strata telah diluluskan oleh Parlimen 4 tahun lalu, isu Hakmilik strata masih merupakan satu tajuk yang mustahak kritikal.

Di dalam negara hari ini dan terulamanya di dalam Kuala Lumpur banyak bangunan bertingkat tinggi yang sudah siap dan diduduki yang mana terdapat banyak apartment-apartmcru atau kompleks-kompleks kedai, pejabat, tidak ada Hakmilik Strata. Contoh-contoh ialah Kompleks Beli-belah Ampang, Kompleks Beli-belah Sungei Wang dan berbagai-bagai apartment berbilang tingkat yang lain dalam Kuala Lumpur. Pada zahirnya kelewatan nampaknya seolah suatu yang mudah, kerana pemilik atau pemaju tidak membuat permohonan, tetapi sebenarnya ia adalah satu masalah yang amat rumit. Pada pandangan kami kelewatan dalam mendapatkan Hakmilik Strata mengandungi dua bahagian.

Yang pertama ialah kelayakan yang pemaju mesti mematuhi atau kehendak-kehendak yang dia mesti memenuhi sebelum boleh memulakan proses memohon Hakmilik Strala.

Yang kedua, masanya lrlalu panjang diambil oleh pihak berkuasa untuk memproses dan meluluskan permohonan. Dari apa yang saya fahami bahawa kelewatan dipihak pemaju adalah kerana mereka tidak mendapatkan surat hakmilik yang akhir ataupun final title, dengan izin, ke atas tanah, Mereka menghadapi masalah encroachment, dengan izin, dan tanah tidak disatukan atau kerana bangunan-bangunan mereka tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki.

Saya juga faham bahawa permohonan Hakmilik Strata ditolak oleh pihak berkuasa berkenaan kerana pelbagai masalah seperti encroachment, dengan izin, bangunan tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki, akitek tidak mengesahkan bangunan yang dibina menurut plan dan spesifikasi yang diluluskan. Bangunan telah dibina di atas lebih daripada sebidang tot tanah dan lanah-tanah itu belum disatukan, ketiadaan surat Hakmilik akhir dan syarat-syarat tanah yang tercatat tidak meliputi maksud yang dikehendaki. Dari semua masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, encroachment, dengan izin, dan penyatuan (amalgamation), dengan izin, lanah adalah sangat kompleks dan pihak berkuasa mesti mengatasinya melalui perundangan.

Saya sekarang hendak mengulas beberapa pindaan yang penting sebagai yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang bertujuan secara kasar untuk memudahkan isu pengeluaran Hakmilik Stratadan memberikan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan ke atas Skim Hakmilik Strata.

Pasal 4 (c) dan (d) Rang Undang-undang yang menggantikan seksyen kecil (ii) dan (vi) seksyen 8 Aktadengan

menjelaskan tempoh atau masa untuk melaksanakan tanggungjawab memohon pecah bahagian. Sekarang adalah jelas bahawa semua bangunan siap iaitu bangunan yang mempunyai Sijil Menduduki, akan dibcri tempoh 6 bulan dan tarik mula pindaan dibuat, dan dikuatkuasakan untuk memohon Hakmilik Strata dengan syarat terdapat satu perjanjian penjualan dan pembelian. Ini adalah satu pindaan yang pada pendapat saya boleh disifatkan sebagai positif, kerana ini akan membantu menghapuskan ketidakpastian ataupun uncertainty, dengan izin, mengenai masa ataupun tempoh memohon sesuatu pecah bahagian bangunan.

Pasal 5 Rang Undang-undang yang bertujuan meminda seksyen 9 untuk membuat perubahan-perubahan yang berikut bahawa pecah bahagian boleh diluluskan walaupun jika bangunan itu mungkin menganjur sesuatu rizab jalan setakat apa-apa cucuratap, kajang, apa-apa langkan yang tidak merupakan sebahagian daripada sesuatu petak yang dicadangkan, dengan syarat bahawa adanya permit atau permit-permit yang dikeluarkan di bawah seksyen 75 (a) Kanun Tanah Negara berkenaan dengan tiap-tiap cucuratap, kajang dan langkan itu. Walaupun pindaan ini membenarkan bangunan yang mempunyai cucuraiap, kajang dan tangkan yang mungkin menganjur kesatu rizab jalan dikeluarkan Hakmilik Strata, pindaan-pindaan tersebut pada pendapat saya adalah tidak lengkap.

Yang pertamanya cucuratap, kajang dan langkan tidak boleh merupakan sebahagian daripada sesuatu petak yang dicadangkan. Adalah tidak jelas sama ada langkan dan lain-lain merupakan sebahagian dari harta bersama ataupun common property, dengan izin, atau boleh menjadi satu petak assessor yang mana Hakmilik Strata tidak dikluarkan, jika ia merupakan sebahagian harta bersama, kesannya ialah pemilik-pemilik petak yang lain akan mempunyai hak penggunaan di bahawa seksyen

34 (i) (b) Akta dan tugas terserah ke atas Perbadanan Pengurusan ataupun management corporation, dengan izin, untuk meneruskannya. Satu-satu jalan keluar bagi ini ialah dengan membenarkan bahawa pemilik petak tidak termasuk kegunaan pada bahagian harta bersama itu. Jika ia boleh menjadi sebahagian petak akscsori kepada petak itu sendiri maka semua masalah tersebut di atas mungkin tidak akan timbul.

Keduanya, keperluan bagi satu permit untuk cucuratap, kajang dan langkan yang dikeluarkan di bawah seksyen 75 (a) Kanun Tanah Negara mempunyai satu tempoh 21 tahun oleh kerana seksyen 75 (a) memperuntukkan bahawa Pihakberkuasa Negeri boleh meluluskan pengeluaran sesuatu permit yang tempoh tidak melebihi 21 tahun, permit seumpama itu memmbulkan persoalan sama ada seksyen 75 (a) itu patut dipinda ataupun tidak. Ini kerana bentuk cucuratap dan langkan yang berbentuk tetap tidak sesuai dan akan menyusahkan dan pihak pemilik peiak memohon satu permit sekali setiap 21 tahun yang pada masa ini ianya boleh dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 5 (d) mempruntukkan pengemukakan satu syarat baru bahawa tanah yang mana satu bangunan didirikan tidak semestinya lertakluk kepada mana-mana gadaian atau lien yang terkandung dalam 5 (j).

Pindaan ini sekarang akan menghendaki pemaju-pemaju menyelesaikan gadaian mereka terlebih dahulu dalam usaha memohon Hakmilik Strata dan pada pandangan saya ini merupakan satu pindaan yang positif.

Pasal 5 (g) Rang Undang-undang bertujuan memperkenalkan satu seksyen-kecil baru (2) kepada seksyen 9 Akta yang memperuntukkan pecah bahagian sesuatu blok sementara adalah tertakluk kepada beberapa syarat tambahan. Walaupun ini merupakan satu pindaan positif, saya mendapati bahawa di bawah Akia yang berkenaan, bahawa

tidak ada peruntukan yang wujud di mana blok sementara yang ditandakan dalam pelan strata boleh dipinda atau diubahsuai sebaik sahaja satu dasar strata telah dibuka. Peruntukan-peruntukan patut juga dibuat untuk mengasingkan blok semenlara dari skim strata sckiranya pemilik tidak berupaya menyiapkannya.

Cadangan seksyen-kecil baru 6 (a) kepada seksyen 10 Akta memperuntukkan satu alternatif yang mana pelan asal bangunan tidak disediakan untuk permohonan hakmilik strata. Peruntukan ini dialu-alukan kerana ia membolehkan isu hakmilik strata yang mana pelan-pelan asal bangunan tidak disediakan. Akan tetapi kehendak supaya satu sijil dari pihak berkuasa bahawa pelan-pelan tidak lagi disediakan barangkali sukar untuk mendapatkannya. Memandangkan syarat dan keperluan bagi pelan-pelan dilukis menurut ciri asal bangunan dan pihak berkuasa perancangan berpuas hati bahawa bangunan itu didapati memuaskan dan menurut syarat perancangan, maka tidak ada kewajaran ataupun keperluan bagi pengesahan oleh pihak berkuasa bahawa pelan-pelan itu tidak lagi disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan lain-lain pindaan yang dibentangkan untuk menyelia pelaksanaan skim strata, pada amnya ia adalah ke arah yang betul. Sebagai contoh, Pasal 8 yang memperkenalkan satu seksyen baru yang mengenakan denda jika pemilik gagal membayar fee berkaitan untuk penyediaan dan pendaftaran hajcmilik strata apabila dikehendaki berbuat demikian semasa permohonan diluluskan.

Pasal 36 juga dialu-alukan kerana ia menawarkan perlindungan bagi pemilik-pemilik tetap bangunan-bangunan kos rendah.

Pasal 32 juga saiu pindaan positif kerana ia membantu perbadanan pengurusan untuk mendapatkan balik

mana-mana jumlah wang yang kena dibayar daripada pemilik yang ingkar dengan cara menahan hak harta alih pemilik itu.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat saiu perkura khusus yang saya ingin bangkitkan di sini yang mana saya mendapati tidak diliputi oleh Rang Undang-undang ini iaitu berkaitan dengan permohonan penyatuan ataupun application for amalgamation, dengan izin. Penyatuan tanah yang mana bangunan atau bangunan-bangunan didirikan di atas tanah yang lebih daripada satu lot adalah merupakan satu masalah yang rumit dan besar. Terdapat sebilangan bangunan dalam Kuala Lumpur yang menghadapi masalah ini terutama bangunan-bangunan seperti apartment, rumah pangsa berbilang tingkat yang dibina sebelum Akta Hakmilik Strata dikuatkuasakan.

Saya ambil sebagai contoh, Blue Boy Mansion di Kuala Lumpur yang terletak dalam kawasan saya, yang mempunyai lebih kurang 300 pemilik petak bangunan berdiri di atas 14 lot tanah dan tanah perlu disatukan sebelum hakmilik strata boleh dipohon. Bagi membolehkan tanah digabung atau disatukan, undang-undang memerlukan agreement ataupun persetujuan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam tanah. Oleh kerana itu, seperti kes Blue Boy Mansion, ini tidak mungkin boleh dilakukan kerana ada pemilik yang sudah meninggal dunia, ada yang telah berpindah dan proses untuk memohon hakmilik strata diperlewalkan ataupun ditangguhkan. Dalam kes yang begini keadaannya apa yang patut dilakukan ialah untuk membolehkan satu peruntukan diperkenalkan dalam Kanun Tanah Negara untuk menguatkuasakan bahawa persetujuan majoriti atau mereka yang memiliki lebih dari 50% saham patutlah diterima bagi maksud penyatuan untuk membolehkan permohonan hakmilik strata diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perbagai pindaan dibuat kepada Akta

Hakmilik Strata ini untuk memudahkan pengeluaran hakmilik strata, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa dengan hanya membuat pindaan tentulah tidak mencukupi. Apa yang lebih penting ialah bagi Kerajaan mengkaji cadangan-cadangan yang saya ingin menyampaikan di sini.

Yang pertama, Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara hendaklah menambah bilangan kakitangan yang berpengalaman dan terlatih untuk menguruskan pemrosesan permohonan hakmilik strata dan untuk menyejajarkan proses berdasarkan keperluan sektor harta tanah.

Yang kedua, pihak berkuasa patut juga memendekkan masa untuk memproses dan meluluskan permohonan hakmilik strata. Mereka patut barangkali mengkaji untuk mengurangi tempoh 7 bulan sekarang yang diperlukan untuk kelulusan pendaftaran dan pengeluaran hakmilik strata. Apa yang diperlukan untuk berbuat ialah untuk mengkaji proses yang diikuti pada masa kini sebelum permohonan hakmilik strata dapat dikeluarkan. Bolehkah tempoh ataupun proses ini dapat dikurangkan menjadi 3 atau 2 proses sahaja, ataupun sama ada kemungkinan bahawa yang berkenaan dapat memperkenalkan ataupun mempunyai satu pusat perhentian untuk maksud ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh perbadanan pengurusan ataupun management corporation. Pengurusan yang teratur dan kemas serta tanggungjawab kewangan atau accountability adalah satu aspek yang amat penting yang tidak boleh dicercaikan atau dilalaikan. Dalam hubungan ini, Kerajaan patut memastikan bahawa Perbadanan Pengurusan (Management Corporation) berjalan dengan baik dan berupaya berfungsi dengan cekap dan berkesan. Kursus-kursus patut dijalankan untuk membolehkan mereka yang terlibat dalam Perbadanan Pengurusan melakukan tugas-tugas mereka dengan cekap.

Satu lagi aspek yang saya ingin menarik perhatian Kerajaan ialah Perbadanan Pengurusan hanya wujud apabila buku daftar strata dibuka. Dalam pada itu pemaju-pemaju mengutip caj alau bayaran perkhidmatan sebagai satu langkah perlindungan kepada pemilik-pemilik petak. Peruntukan patut dibuat bagi menjadikan pemaju atau pemilik membuat akaun terhadap kutipan sesuatu caj penyenggaraan dan memindahkan mana-mana lebihan wang ke dalam tabung Perbadanan Pengurusan,

Adalah didapati juga bahawa dalam penjualan apartmeni baru, pemaju biasanya menjual beberapa petak melelak kereta kepada para pembeli. Kerap terjadi lot-lot meletak kereta merupakan sebahagian harta bersama dan tidak termasuk dalam cadangan pelan strata sebagai satu petak aksesori, sebagai satu perlindungan bagi pembeli-pembeli, satu denda patutlah dikenakan ke atas pemaju yang menjualkan mana-mana lot meletak kereta jika ia tidak dirangka sebagai satu petak aksesori dalam cadangan pelan strata.

Sebagai penutup, saya ingin juga mencadangkan bahawa satu tabung penyenggaraan ataupun sinking fund, dengan izin, patut ditubuhkan untuk pembiayaan mencantikkan penyenggaraan petak-petak bersama dari masa ke semasa. Ini boleh dilakukan jika beberapa peratus bayaran kepada fee pengurusan sesuatu bangunan boleh disalurkan untuk penubuhan tabung penyenggaraan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong. Yang Berhormat akan memakan masa berapa lama, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak lama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

9.39 *mlm.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menambahkan kepada apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah pun mengkaji Rang Undang-undang ini dengan teliti dan membangkitkan beberapa teguran dan cadangan yang bernas dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan menganggapkan cadangan-cadangan ini sebagai tidak bernas dan janganlah kita berlagak sebagai buah kedempong yang seperti.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila truskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana di dalam perbahasan Rang Undang-undang yang lepas, Yang Berhormat itu tidak jawab soalan saya. beliau pun tidak tahu bagaimana kita menilaikan bila terdapatnya pencerobohan di bawah tanah, sekarang di atas tanah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya pindaan memudahkan proses permohonan hak milik strata bagi pihak pemaju dan saya setuju dengan sebelas sebab yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana adalah sebab-sebab yang betul dan itu memerlukan satu pindaan ke atas Rang Undang-undang ini.

Pasal 5 meminda Seksyen 9 supaya kelulusan boleh diberi kepada permohonan pecah bahagian walaupun bangunan menganjur ke rezab jalan setakat cucur atap, kajang dan apa-apa langkan dengan syarat mempunyai permit yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7SA Kanun Tanah Negara.

Pasal 5 (b) pula meluluskan pecah bahagian sungguhpun pelan serta

spesifikasi yang merujuk kepada kebenaran perancangan tidak dapat dikemukakan bagi perakuan yang bangunan dibina mengikut spesifikasi dan pelan asalkan ada satu ganti plan dan spesifikasi dikemukakan dalam tiga salinan dan diperakui oleh Arkitek berdaftar dan dua perakuan daripada pegawai pihak berkuasa perancangan tempatan mengesahkan bangunan dibina mengikut spesifikasi dan pelan dan puas hati pembangunan memenuhi kehendak perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedar akan masalah yang wujud berhubung dengan permohonan pecah bahagian, akan tetapi pada masa yang sama Kerajaan juga perlu memastikan bahawa kepentingan pembeli hartanah berkenaan terpelihara terutama sekali pembangunan mengikut pelan dan spesifikasi yang telah dipersetujui dalam surat perjanjian jual beli, dengan izin, sales and purchase agreement. Kcs-kes pemaju menipu pembeli bangunan-bangunan yang dibina tidak mengikut spesifikasi bukan tidak ada wujud, malah pernah berlaku dalam projek perumahan agensi Kerajaan Negeri Selangor iaitu PKNS di Seksyen 19, Shah Alam di mana pembeli membayar kos perumahan kos sederhana pada tahun 1985, akan tetapi apabila sijil CF, dengan lain, Tuan Yang di-Pertua, seperti Certificate of Fitness dikeluarkan pada tahun 1987, didapati mereka tertipu kerana diberi ukuran permohonan kos rendah pula.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kami berpandangan bahawa Kerajaan harus lebih spcsidk dalam pindaan memerlukan pemaju menyediakan ganti pelan dan spesifikasi yang hilang. Ketegasan harus diberi pada ungkapan seperti yang tertulis dalam surat perjanjian jual-beli di antara pembeli dengan pemaju. Selain dari itu, apakah jaminan atau pengeshoran yang boleh diberi oleh Kerajaan yang pindaan-pindaan ini akan membawa kepada pemerosesan permohonan siap disediakan dalam jangkamasa tiga bulan

seperti mana yang pernah diumumkan sejak awal-awal dahulu?

Apakah usaha-usaha yang sedang dilaksanakan bagi mencari penyelesaian mengurangkan proses melulus permohonan daripada 12 stop processing, dengan izin, yang memakan tempoh masa sekurang-kurangnya tujuh bulan kepada proses yang kurang daripada 12.

Pada satu seminar Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) yang dilaporkan dalam isu September-Oktober 1989, Perumahan dan Hartanah, setiausaha Parlimen kementerian Kerajaan tanah dan Kemajuan Wilayah menyebutkan tentang mempermudah lagi prosedur permohonan dan juga menambahkan tenaga kerja di Kementerian untuk mempercepatkan pengendalian memproses permohonan tersebut. Apakah kemajuan yang tercapai setakat ini dalam kedua-dua cadangan yang disebutkan. Selagi proses mengurus permohonan tidak dapat dipercepatkan, makapindaan kepada Akta tidak akan membawa apa-apa hasil kerana proses tetap tergendala sesampainya ke Pejabat Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 36, seksyen baru 61A mengenakan sekatan-sekatan ke atas pemilik asal dalam bangunan kos rendah daripada menggunakan lot sebagai jaminan bagi apa-apa pinjaman wang semasa tempoh sebelum perbadanan pengurusan wujud. Pindaan baru haruslah diperluaskan melibatkan semua pembangunan tidak kira kos rendah, sederhana atau tinggi, akan tetapi bagaimana pula dengan penyelesaian masalah kaviet yang dikenakan oleh pihak Institusi Kewangan ke atas hak milik tanah utama, dengan izin, master title. Masalah kaviet ini juga wujud di kalangan pemaju perumahan yang melibatkan hak milik individu dengan izin, individual plan titles dan saya hanya menambahkan teguran-teguran yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tetapi masalah-masalah ini adalah masalah-masalah yang

berlanjutan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan setakat ini tidak dapat diselesaikan.

Saya berharap dengan pindaan dan penguatkuasaan yang lebih berkesan, kita dapat menyelesaikan masalah-masalah besar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.47 *mim.*

Dato **Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Kepong di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan dalam perbincangan ini dan saya akan cuba memberikan penerangan-penerangan dan penjelasan-penjelasan ke atas perkara-perkara yang pokok dan perkara-perkara yang lain yang saya nampak ada yang munasabah. Ini akan kita teliti dan di mana boleh kita ambil tindakan, kita akan ambil tindakan untuk mengatasi dan memperbaiki lagi kalau sekiranya didapati sesuai ke arah hendak menyelesaikan apa juga masalah yang ada hubungkait dengan proses pengeluaran hak milik ini.

Yang pertama sekali saya suka menjelaskan soal pengeluaran hak milik ini yang memakan masa. Saya suka pada peringkat ini oleh kerana Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi sebut angka-angka sehingga Disember 1988. Saya suka jelaskan dan maklumkan iaitu setakat 1 Disember 1989, bilangan permohonan untuk mendapatkan hak milik strata ialah sebanyak 559. Ini menunjukkan ada peningkatan di dalam permohonan itu dan daripada jumlah tersebut, kalau dahulu kita lulus 160 lebih, setakat ini kita sudah lulus 297 dan yang sedang dalam proses masih 98, yang kita sudah tolak 164—bilangan daftar strata dibuka 160 dan bilangan hak milik strata yang dikeluarkan sehingga 1 Disember 1989 ialah 7,139.

Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang kita buat untuk cuba mempercepatkan proses pengeluaran hak milik ini kita ambil tindakan seberapa yang boleh, tetapi ada peraturan-peraturan yang mesti kita selesaikan sebelum satu-satu hak milik itu dikeluarkan. Saya suka menjelaskan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Kepong tentang masalah-masalah kelewatan dalam pendaftaran dan pengeluaran hak milik strata ini dan kita telah pun mengambil langkah-langkah—sekurang-kurangnya empat langkah yang telah pun kita ambil untuk cuba hendak mempercepatkan proses pengeluaran hak milik ini.

Sekarang ini untuk peringkat ini memang benarlah, kalau dahulu kita terpaksa menunggu satu tahun, dua tahun atau lebih, sekarang ini kita sudah beri satu ceiling, kalau sekiranya semua permohonan yang dikemukakan itu lengkap dan teratur, setakat ini jaminan yang dapat kita beri, kita akan cuba keluarkan hakmilik itu dalam tempoh 7 bulan. Tetapi kalau dapat kita percepatkan lagi, kita tidak ada masalah, fasal hasrat kita ialah untuk melihat pembeli-pembeli ini memiliki tittle hakmilik ini seberapa cepat yang boleh. Saya beri jaminan kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga dari kepong iaitu kita akan cuba kalau dapat kita percepatkan lagi, kita tidak ada masalah. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita mengambil tindakan dari segi penyampaian senarai semakan ataupun check list dan buku panduan mengenai Akta Hakmilik Strata juga telah kita sediakan untuk meningkat dan memudahkan kefahaman Pejabat Tanah dalam hal tatacara peroscsan permohonan untuk hak milik strata.

Yang ketiga, kita telah menubuhkan sebuah Unit Hakmilik Strata di setiap Pejabat Pengarah Tanah dan Galian untuk memberi tumpuan yang khusus terhadap permohonan hakmilik strata.

Yang keempat, kita juga memberikan khidmat nasihat kepada pemaju-pemaju

yang ingin membuar permohonan hakmilik strata supaya permohonan-permohonan yang dikemukakan itu adalah lengkap dan teratur mengikut keperluan-keperluan 12 perkara yang dikatakan tadi. Namun begitu, seperti mana saya katakan sebentar tadi, kita akan cuba di mana yang boleh, kita akan cuba percepalkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri lelah menerangkan 4 langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mempercepatkan proses pengeluaran surah hakmilik strata. Di sini saya ingin bertanya sama ada Kementerian berkenaan juga ada membual kajian tentang kemungkinan untuk mengurangkan 12 proses itu, oleh sebab saya berpendapat baya itulah memakan masa yang banyak untuk memproses permohonan itu.

Dato **Haji Mohd. Khalid** bin Mohd. **Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, proses pengeluaran hakmilik ini perlu mengikut apa juga aturan dan peraluran yang telah ditetapkan dan saya lelah beri jaminan tadi* kalau didapati ada cara, kita akan cuba kurangkan daripada 12 sampai 9 atau 8 boleh kiii usahakan tetapi pokoknya apa juga peraturan meslilah kita sempurnakan, kerana apabila hakmilik itu dikeluarkan, kita tidak mahu nanti timbul apa-apa perkara pada peringkat akhirnya. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan kita akan cubalah cara jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah membangkitkan mengenai pindaan yang membenarkan bangunan yang terdapat cucur atap, kajang dan langkan menganjur di atas rizab jalan dipecah bahagi dan masalah berkaitan dengan sama ada anjuran-anjuran itu akan menjadi sebahagian daripada harta bersama atau sebagai petak aksesori. Suka saya jelaskanlah kepada Yang

Berhormat dari Bukit Bintang iaitu pindaan yang terkandung dalam Pasal 5 Rang Undang-undang ini bertujuan memberi kelonggaran demi membolehkan bangunan-bangunan yang mempunyai anjuran-anjuran tersebut dipecah bahagi. Pindaan ini dicadangkan setelah menerima rayuan daripada pihak-pihak berknaan,- oleh kerana kedapatan banyak bangunan sedemikian rupa yang tidak dapat dipecah bahagi menurut peruntukan Akta Hakmilik Strata sekarang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anjuran-anjuran tersebut tidak akan menjadi harta bersama ataupun common property, dengan izin, kerana ianya adalah terkeluar daripada lengkongan lot tanah. Begitu juga anjuran-anjuran ini tidak boleh dijadikan sebagai petak aksesori. Sehubungan dengan itu adalah juga diperuntukkan supaya pernnii perlu diperolehi bagi anjuran-anjuran itu dan dengan itu akan menjadi hak kepunyaan pemilik-pemilik petak berkenaan. Sebenarnya pengeluaran permit untuk tempoh 21 tahun itu adalah pada kaca mata Kerajaan adil dan menasabah jika bcrbanding dengan pengeluaran lesen pendudukan sementara yang perlu diperbaharui pada tiap-tiap tahun. Di samping itu Pejabat Tanah akan menyelenggarakan rekod mengenai permit-permh yang telah dikeluarkan dan memberi tahu pemegang-pemegang permit untuk membaharuinya apabila tempoh tamat nanti.

Selain daripada itu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Yang Bcrhormat dari Kepong ada mcnycniuh mengenai Akta Hakmilik Strata ini tidak mempunyai peruntukan mengenai pcngubahsuaian ke atas blok sementara sebagaimana ditunjukkan dalam pelan strata setelah buku daftar itu dibuka. Beliau juga mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan diadakan bagi membolehkan blok sementara dikeluarkan daripada sesuatu skim strata jika pemaju Ijenar-benar tidak dapat

memajukannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan juga dicadangkan untuk membolehkan pengubahsuaian ke atas blok sementara. Pasal 13 (e) dan Pasal 14 (a) memperuntukan bahawa pemilik blok sementara hendaklah mengemukakan pelan bangunan yang diluluskan dan pindaan-pindaan kepadanya yang diluluskan. Namun demikian, menurut Pasal 14 (b) pengubahsuaian itu tidak boleh menyebabkan perubahan kepada bilangan petak, jumlah keluasan lantai bangunan itu dan jumlah unit syer bagi petak-petak dalam bangunan itu daripada quantum unit syer sementara yang telah diluluskan.

Berhubung dengan cadangan supaya peruntukan diadakan bagi membolehkan blok sementara dikeluarkan daripada skim strata, jika pemaju benar-benar tidak dapat memajukannya, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas cadangan itu. Namun demikian, cadangan itu tidak boleh dilaksanakan oleh kerana ianya melihatkan hak-hak dan tanggungan pihak pembeli-pembeli serta pemaju-pemaju.

Pada hcmat saya sesungguhnya kontrak baru blok sementara diperkenalkan dalam Akta Strata semata-mata memberi kemudahan-kemudahan kepada pihak pemaju agar dapat melaksanakan projek-projek mereka secara berperingkat-peringkat tanpa constraint ataupun halangan-halangan kewangan. Di samping itu peruntukan-peruntukan juga disediakan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli petak. Walau bagaimanapun pemaju mempunyai alternatif alaupun pilihan lain iaitu dengan menyiapkan semua bangunan dalam sesuatu skim strata sebelum membuat permohonan untuk hakmilik strata. Dalam pada itu, saya ingin mengingatkan pihak pemaju supaya menganggap konsep blok sementara sebagai satu pelan untuk pembangunan masa depan di mana

perubahan-perubahan kepada plan bangunan dibuat mengikut kehendak-kehendak pasaran hartanah.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat ialah mengenai dengan kes di mana pelan-pelan bangunan asal telah hilang. Dan katanya tidak munasabah memerlukan satu perakuan dari Pihak Berkuasa Tempatan bahawa pelan bangunan awal itu tidak ada lagi oleh kerana ada peruntukan-peruntukan yang berkehendakkan pelan-pelan dilukis mengikut ciri-ciri bangunan yang sedia ada dan Pihak Berkuasa Tempatan berpuas hati bahawa bangunan itu memenuhi kehendak-kehendak perancangan. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu perakuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan bahawa pelan bangunan asal bagi sesuatu bangunan itu tidak ada lagi, itu adalah perlu. Jika tidak ada perakuan seumpama itu maka tidak ada kepastian bahawa pelan bangunan asal itu telah hilang. Jika tidak hilang maka tuan tanah boleh mendapatkan salinan pelan bangunan asal itu daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi maksud membolehkannya membuat permohonan untuk hakmilik strata.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah diwujudkan satu sinking fund, dengan izin, bagi maksud mencantik ataupun menyelenggarakan bangunan serta harta bersama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan sedemikian sedia ada dalam Akta Hakmilik Strata, cuma istilah yang dipakai berbeza. Menurut Seksyen 46 Akta Hakmilik Strata—perbedaan pengurusan hendaklah menyedia dan menyelenggarakan satu akaun khas bagi maksud-maksud yang di antara lain untuk mengecat semula bangunan dan lain-lain yang ada hubungkait dengan penyelenggaraan. Sumber kewangan bagi akaun khas ini hendaklah diperolehi daripada sebahagian wang caruman tabungan pengurusan yang akan

ditetapkan oleh perbadanan pengurusan melalui satu ketetapan khas.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, rasa saya inilah perkara-perkara yang penting yang dibangkitkan tadi dan saya berjaminan kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara lain yang saya pun nampak ada pandangan-pandangan yang positif, ini kita bolch terima dan kita bolch timbang di mana kalau sekiranya boleh dan sesuai kita akan cuba tampung apa juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah yang suka hendak saya jelaskan, dan di atas lain-lain perkara itu akan saya ambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN)

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga

10.05 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi memudahkan penswastaan perusahaan-perusahaan pelabuhan, mana-mana pihak berkuasa pelabuhan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibawa kali yang kedua sekarang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1989 bagi bacaan kali yang kedua. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pelabuhan-pelabuhan Persekutuan pada masa ini adalah tertakluk kepada Akta-akta berikut:

- (1) Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 bagi Pelabuhan Pulau Pinang;
- (2) Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 bagi Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Kuantan; dan
- (3) Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 bagi Pelabuhan Bintulu.

Sebagaimana, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum beberapa pindaan telah juga dibuat ke atas ketiga-tiga Akta tersebut untuk memasukkan peruntukan-peruntukan penswastaan. Sungguhpun demikian Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa pindaan-pindaan tersebut adalah tidak mencukupi bagi tujuan penswastaan keseluruhan aktiviti operasi pelabuhan.

Adalah lebih tepat dan sesuai sekiranya satu Akta khas digubal untuk pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan. Dengan yang demikian, Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah bertujuan untuk memudahkan penswastaaan pelabuhan-pelabuhan yang sekarang ini ditadbirkan di bawah Lembaga-lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Johor, Kuantan dan Bintulu.

Maksud.penswastaaan di sini adalah apabila Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan memindah atau melupuskan kesemua atau mana-mana bahagian pengusahaan-pengusahaan, dengan izin, undertakings atau fungsi oprasinya kepada pihak swasta. Pemindahan atau pelupusan tersebut boleh dibuat dengan satu transaksi ataupun bebcrapa transaksi. Bagi pelesenan kerja-kerja kecilan scperii kerja-kerja yang dijalankan secara kontrak dan sebagainya, peruntukan di dalam Akta-akta Lembaga Suruhanjaya yang sedia ada masih dipakai. Dengan yang demikian, Akta ini juga menganggapkan bahawa Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan yang telah pun ditubuhkan di bawah Akta-akta Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan akan terus wujud sebagai badan yang akan mengawalselia syarikat-syarikat yang mengambil alih pentadbiran dan oprasi pelabuhan berkcnaan.

Akta ini memperuntukkan beberapa fungsi atau kuasa kepada Lembaga-Lembaga aiau Suruhanjaya Pelabuhan sebagai badan kawalselia.

Tuan Yang di-Pertua, i/.inkan saya mencrangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai kandungan Akta ini. Ianya mengandungi 7 bahagian seperti berikut:

- Bahagian 1 Permulaan;
- Bahagian 2 Pemindahan pengusahaan pelabuhan dan rancangan penswastaaan pelabuhan-pelabuhan;
- Bahagian 3 Pelesenan;

- Bahagian 4 Tugas-tugas pengendali-pengendali berlesen;
- Bahagian 5 Undang-undang Kecil, Penalti Am, Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan perjalanan pendakwaan;
- Bahagian 6 Pelbagai;
- Bahagian 7 Pindaan dan peruntukan peralihan.

Bahagian satu meliputi tajuk interpretasi dan pcrkataan-perkataan yang terdapat di dalam kandungan Akta.

Bahagian kedua bertujuan membuat peruntukan-peruntukan mengenai pemakaian Rang Undang-undang ini. Kuasa Lembaga Suruhanjaya untuk mcindahkan periisahaan pelabuhan. Rancangan penswastaaan pelabuhan, kuasa-kuasa dan tugas-tugas Lembaga dan Suruhanjaya Pelabuhan dan perkara lain yang berhubungan.

Bahagian dua ini juga memper-untukkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi sebelum mana-mana pelabuhan diswastakan. Apabila sesebuah pelabuhan hendak diswastakan, Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan yang terlibat perlu menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas pelabuhan, buat masa ini Menteri Pengangkutan. Satu rancangan atau pelan penswastaaan untuk persetujuan beliau. Rancangan ini perlu:

- (1) Mengenalpasti pengusahaan-pengusahaan atau aktiviti-aktiviti Lembaga atau Suruhanjaya berkenaan;
- (2) Menyatakan nilai aktiviti-aktiviti tersebut;
- (3) Mcnyatakan jenis dan takat liabiliti-liabiliti jika ada yang hendak dipindah kepada pihak swasta;
- (4) Menyatakan cara-cara mana aktiviti atau pengusahaan serta liabiliti tersebut hendak dipindahkan atau dilupuskan;

- (5) Menyatakan perkiraan berkaitan pemindahan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkaitan kepada pihak swasta; dan
- (6) Perkara-perkara lain yang Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan anggap berkaitan.

Sesuatu pelan penswastan tidak boleh dilaksanakan sehingga mendapat kelulusan Menteri. Dalam hal ini, Menteri mempunyai kuasa untuk meminda mana-mana pelan yang telah dikemukakan selepas perbincangan dengan Lembaga. Pemindahan perusahaan-pengusahaan kepada pihak swasta boleh dilakukan sesudah sahaja mendapat persetujuan Menteri. Pelaksanaan apa-apa perjanjian yang perlu di antara Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dan pihak swasta serta pengeluaran lesen oleh Lembaga atau Suruhanjaya.

Bahagian ini juga memperuntukkan keperluan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan mengenalpasti liabiliti-liabilitinya berhubung dengan mana-mana aktiviti-aktiviti atau perusahaan-pengusahaan sekiranya liabiliti tersebut hendak dipindah kepada pengendali berlesen. Ianya juga memperuntukkan kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan bagi mengawalselia pihak swasta, termasuk iarfprestasi dan piawaian kemudahan dan perkhidmatan.

Bahagian III Rang Undang-undang ini memperuntukkan pelesenan pengendali-pengendali pelabuhan. Tiada perusahaan pelabuhan atau port undertakings, dengan izin, yang dikenalpasti di dalam rancangan penswastan boleh dipindah kepada pihak swasta kecuali pihak swasta tersebut dilesenkan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan mengikut subseksyen (3), Pasal 9 Rang Undang-undang ini. Dalam hal ini semua permohonan daripada pihak swasta perlu dibuat dengan secara bertulis. Selepas menerima permohonan dari pihak swasta, Lembaga atau Suruhanjaya

Pelabuhan mempunyai kuasa meluluskan permohonan dengan mengeluarkan lesen kepada pihak swasta yang selepas ini dikenali sebagai pengendali berlesen ataupun menolak permohonan tersebut. Setiap lesen yang dikeluarkan perlu mengandungi jenis-jenis perkhidmatan atau kemudahan yang akan dibekal oleh pihak pemegang lesen, fee lesen tahunan yang dibayar serta tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh pemegang lesen.

Bahagian III ini juga memberi kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya menggantung atau menamatkan pada bila-bila masa lesen yang telah dikeluarkan sekiranya pemegang lesen melanggar mana-mana syarat terkandung di dalam lesen atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini. Akta Lembaga-lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan ataupun Undang-undang Kecil yang berkaitan. Apabila mana-mana pemegang lesen digantung lesennya, ia dibenar membuat rayuan bertulis kepada Menteri di dalam jangka masa 30 hari selepas menerima surat penggantungan. Keputusan Menteri adalah muktamad. Apabila sesuatu lesen digantung dan pihak Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan menganggap penggantungan ini akan menjejaskan secara material pergerakan kargo dan penumpang di pelabuhan, Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan keizinan Menteri boleh mengambil milikan sementara dan mengendalikannya buat sementara mana-mana perusahaan pelabuhan yang berkaitan dan juga mengguna khidmat mana-mana pegawai dan kakitangan pemegang lesen tersebut. Peruntukan ini amat diperlukan demi memastikan operasi pelabuhan tidak terjejas.

Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, jika pada pendapat Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan pengendali pelabuhan telah gagal menjalankan mana-mana tugas yang terkandung dalam syarat lesen dan terus tidak menjalankan tugas tersebut selepas tempoh masa yang dibert oleh Lembaga

Pelabuhan, Lembaga tersebut boleh melantik mana-mana orang lain menjalankan tugas berkenaan. Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan juga berhak meminta bayaran balik dari pengendali berlesen ke atas segala perbelanjaan dan kos yang terlibat. Sesiapa yang dilantik oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan selepas itu untuk mengambilalih khidmat pemegang berlesen boleh memasuki mana-mana premis pengendali berlesen dan semasa berbuat demikian membawa masuk ke dalam premis apa-apa kelengkapan atau jentera bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa jika tiada terdapat mana-mana peruntukan yang nyata di dalam lesen yang berkenaan, orang yang mengambilalih khidmat tersebut boleh mengambil milikan semeniara dan mengendali mana-mana kelengkapan atau jentera kepunyaan pengendali berlesen, termasuk mana-mana pegawai atau kakitangan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas-tugas yang diberi kepadanya. Walau bagaimanapun, pampasan yang mencukupi perlu dibayar kepada pengendali berlesen untuk memastikan operasi pelabuhan tidak terjejas. Rang Undang-undang ini memperuntukkan agar orang yang diguna khidmat oleh Lembaga Pelabuhan terus melaksanakan tugas-tugasnya walau apa pun pertelingkahan yang berbangkit mengenai jumlah pampasan di antara pengendali berlesen dan orang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV Rang Undang-undang ini memperuntukkan tanggungjawab dan lugas-lugas pengendali berlesen. Pada amnya, mereka perlu membekalkan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang terkandung di dalam lesen yang dikeluarkan supaya mencapai taraf prestasi yang ditetapkan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Mereka hendaklah memberi perhatian yang wajar terhadap kecekapan, ekonomi dan

keselamatan pengendalian segala perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang dibekalkan.

Bahagian ini juga menyenaraikan beberapa laporan dan maklumat yang wajib dikemukakan oleh pengendali berlesen kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Laporan-laporan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) laporan operasi dan kewangan tahunan untuk membolehkan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan membuat penilaian mengenai operasi yang berkaitan;
- (ii) perangkaan dan data berkaitan operasi yang diperlukan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dari semasa ke semasa;
- (iii) ramalankargodalam bentuk dan masa yang ditetapkan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan; dan
- (iv) rancangan pembangunan yang ada kaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan.

Selain daripada laporan-laporan yang disebutkan tadi, pengendali berlesen diwajibkan juga memaklumkan kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan serta-merta jika terjadi apa-apa perubahan dalam penguasaan dan pengurusan syarikat. Apa-apa pertikaian perindustrian dengan pekerjanya, kejadian kebakaran, kcmalangan, kecelakaan, curidikit atau apa-apa prosiding yang dimulakan terhadapnya.

Bahagian V Rang Undang-undang ini adalah mengenai undang-undang kecil penalti dan pendakwaan. Ianya memberi kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan dengan persetujuan Menteri menggubal undang-undang kecil yang diperlukan atau bermanfaat bagi tujuan melaksanakan ataupun mencapai objek dan tujuan Rang Undang-undang.

Di antara perkara-perkara yang boleh dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang kecil adalah perkara-perkara yang melibatkan pembangunan, kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan, pengawalan keselamatan, kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan, pengawalan ke atas penyalahgunaan serta keselamatan kargo-kargo merbahaya dan sebagainya. Mana-mana pengendali berlesen yang melanggar peruntukan-peruntukan undang-undang kecil dan peruntukan Rang Undang-undang ini, jika didapati bersalah, boleh didenda tidak lebih dari \$50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Peruntukan juga dibuat mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan sama ada Pengarah, Setiausaha atau Pengurus pertubuhan perbadanan itu.

Bahagian VI pula memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (1) Pengambilan pegawai dan kakitangan Lembaga-lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Pihak pengendali berlesen perlu mengambil kerja pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan seperi yang dikenal pasti di dalam rancangan penswastan. Dalam hal ini, pegawai-pegawai dan kakitangan tersebut dikira sebagai memenuhi kehendak seksyen 13 Akta Pencen (Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan), 1980.
- (2) Membolehkan pengendali berlesen mengutip caj-caj dan bayaran-bayaran. Kadar caj yang akan dikenakan oleh pihak pengendali berlesen adalah kadar "dues" dan "charge" yang dibuat oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan di bawah Akta-akta Lembaga ataupun Suruhanjaya Pelabuhan yang berkaitan. Dalam hal ini, pengendali berlesen boleh memberi diskaun

pada kadar yang ia Hkirkan patut dan mengenakan faedah sekiranya caj-caj tersebut tidak dibayar oleh pengguna-pengguna pelabuhan. Ianya juga boleh mengadakan kemudahan-kemudahan "package" kepada mana-mana pelanggannya serta boleh melevi caj-caj yang lebih tinggi, tetapi tidak melebihi peratus yang diluluskan oleh Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan.

- (3) Memperuntukkan kuasa kepada Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan memeriksa keadaan kawasan, bangunan dan kemudahan-kemudahan pelabuhan untuk memastikan pihak pengendali berlesen mematuhi Rang Undang-undang ini serta undang-undang kecil yang berkaitan.
- (4) Memberi kuasa-kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan di dalam keadaan darurat atau untuk kepentingan keselamatan awam menggantung lesen pengendali dan mengambil milikan sementara serta mengendali apa-apa pengusahaan pengendali sebagai disifatkan sesuai.

Rang Undang-undang ini membuat beberapa pindaan ke atas Akta-akta Lembaga atau Suruhanjaya Pelabuhan. Oleh kerana penswastan terminal kontena di bawah Lembaga Pelabuhan dahulu dibuat di bawah Akta Lembaga-lembaga Pelabuhan 1963, ianya sekarang ditaklukkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya ke atas Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1989. Suka saya tegaskan bahawa Rang Undang-undang ini tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suai Akta bagi memudahkan penswastan perusahaan-perusahaan pelabuhan mana-mana pihak berkuasa pelabuhan dan perkara-perkara yang berkailan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

1031 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah penting kerana melibatkan semua pelabuhan di negara ini yang akan diswastakan memandangkan ekonomi negara akan berkembang dan penggunaan pelabuhan pula ini akan bertambah pada dekad akan datang, dekad hadapan 90an, dan volume melalui pelabuhan-pelabuhan ini akan bertambah dengan pesat. Langkah Kerajaan untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang, Port Klang, Kuantan, Johor dan Bintulu ini akan mewujudkan satu implikasi yang besar dan saya mempunyai beberapa perkara yang hendak dibangkitkan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama, Fasal 9 (2) yang menentukan scoring pengendali boleh memohon lesen dan pihak berkuasa pelabuhan diberi kuasa di bawah Subfasal (3) untuk sama ada hendak keluar lesen atau tidak kepada pemohon. Bolehkah Kerajaan menerangkan dasar-dasar bagi menolak lesen atau sekurang-kurangnya faktor-faktor yang perlu diperimbangkan oleh pihak berkuasa pelabuhan diperingkat ini? Perluah kita meneliti mengenai dasar-dasar seperti ini kerana kalau berlakunya kesilapan, implikasi itu tersangat besar yang menjajaskan pelabuhan-pelabuhan.

Pasal 9 (5) menerangkan dengan jelas pihak berkuasa pelabuhan tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan ataupun keingkaran pemegang lesen. Akan tetapi, mengikut Pasal 8, Bahagian II, pihak berkuasa pelabuhan juga menjalankan organisasi kawalselia pelabuhan termasuk penetapan standard prestasi dan standard kemudahan dan perkhidmatan yang diadakan oleh pemegang lesen. Oleh itu, pihak berkuasa pelabuhan harus juga memikul sebahagian daripada tanggungjawab kehilangan harta-benda terutama sekali nyawa yang berhasil daripada kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pemegang lesen di bawah standard yang ditetapkan. Kerana dalam kes-kes seperti ini pihak berkuasa pelabuhan boleh juga ditanggap telah cuai, lalai dalam fungsi kawalselia, apresiasi serta keadaan kemudahan dan perkhidmatan pemegang lesen. Lagi pun pemilihan pemegang lesen berjaya juga dibuat oleh pihak berkuasa pelabuhan, maka sekurang-kurangnya seperatusan kecil daripada kehilangan harta-benda ataupun nyawa mesti dipikul oleh pihak berkuasa pelabuhan.

Berhubung dengan ini, begitu juga dengan Pasal 11 (7) di mana pihak berkuasa pelabuhan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan atau kecederaan akibat perbuatan, peninggalan atau keingkaran orang yang diguna berkhidmat oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah sub-seksyen (2). Jika pihak berkuasa pelabuhan menolak sebarang tanggungjawab, maka pihak pemegang lesen boleh juga turut berbuat demikian kerana orang diguna khidmat itu bukanlah digaji atau diarah bertindak oleh pemegang lesen. Dalam hal ini, siapakah pula yang bertanggungjawab? Pihak yang mana khidmatnya diperlukan oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah Pasal 11 (2) boleh menolak tanggungjawab dengan mengatakan bahawa dia hanya bekerja atas arahan pihak berkuasa. Oleh itu, lanya amat perlu untuk menjelaskan secara hitam-putih dalam perundangan menamakan pihak yang harus bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan kerosakan atau kecederaan yang

berlaku jika dibuktikan telah berlaku kecuaiannya akibat perbuatan. p. c. n. g. l. a. n. a. t. a. u. keingkaran pihak-pihak yang terlibat dalam mengeluarkan arahan supaya suatu fungsi atau perkhidmatan itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sbaik-baiknya pihak berkuasa pelabuhan juga harus memikul sebahagian tanggungjawab dalam perkara ini kerana ia ditugaskan menjalankan fungsi kawalselia, maka seterusnya mengesyorkan standard perkhidmatan mahupun kemudahan adalah sentiasa ditcpati demi keselamatan harta-benda serta nyawa pckrcjra alau orang-orang lain yang mempunyai urusan atau sebab untuk berada di tapak-lapak p. l. a. b. u. h. a. n. Misalan yang paling baik sekali ialah tragedi di Jcti Butterwoith, di mana pihak Penang Port Commission telah lalai di dalam menjalankan tugas mereka. Jika adanya Pasal sedemikian dalam Akia yang mengendalikan Suruhanjaya P. l. a. b. u. h. a. n. Pulau Pinang yang sama seperti Fasal-fasal ini, maka siapakah yang harus menanggung gantirugi bagi nyawa-nyawa yang lerkorban itu? Dengan menghendaki pihak berkuasa pelabuhan menanggung sebahagian daripada tanggungjawab bagi sebarang kehilangan harta-benda alau nyawa, maka sekurang-kurangnya kami mcndapat keyakinan bahawa pihak berkuasa akan menjalankan fungsi kawalselia dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi hcndak saya bangkitkan di sini ialah mengenai monopoli yang wujud dengan pcnswastaaan ini. Setakat ini kiia nampak perkhidmalan kontena dimonopolikan oleh satu atau duasyarikat sahaja. Dengan adanya undang-undang seperti ini, adakah ini bermakna di dalam semua pelabuhan di ncgara ini monopoli ini akan semakin hari semakin menjadi lbih scrius sehingga menjejaskan keberkesanan dan fungsi pelabuhan-pelabuhan tersebut? Sukalah saya mcmlnta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan kepadarakyatdi Malaysia ini supaya tidak akan wujudnya monopoli di pelabuhan-pelabuhan tersebut yang menjejaskan kepentingan ncgara dan kcpentingan masyarakat Malaysia. Sckian, lcrimakasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Timbalan Mcnieri menjawab.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tcrima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Nampaknya beliau seorang sahaja yang berminat untuk membahaskan. Yang Berhormat tadi nampaknya begitu bimbang mengenai siapa yang akan mengambil tanggungjawab terhadap apa juga yang berlaku sama ada dari segi bahaya bencana, terhadap harta-benda, nyawa dan sebagainya. Saya ingin memberi keyakinan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Apa juga yang kita lakukan, tanggungjawab yang akhir mestilah kita tanggungkan walaupun dalam Akta ini ada Bab-bab yang mengatakan bahawa tanggungjawab mestilah kepada pihak yang memegang lesen dan sebagainya, tetapi seperti Yang Berhormat juga sebut banyak kali bahawa kawalselia itu adalah tanggungjawab Lembaga-lembaga alaupun Suruhanjaya Pelabuhan.

Apabila Lembaga atau Suruhanjaya mengambil tanggungjawab mengawalselia bcrerti bahawa ia menentukan tidak ada apa juga perkara-perkara yang boleh merosakkan hana-benda dan nyawa. Itulah sebabnya diadakan kawalselia. Kalau sekiranya kita tak bertanggungjawab, kita lepaskan b. c. g. i. t. u. sahaja. Jadi, yakinlah bahawa kita akan mengambil tanggungjawab yang terakhir mengenai perkara ini.

Ahli Yang Berhormat juga bertanya mengenai dasar-dasar menolak permohonan-permohonan lesen. Sebenarnya, dasar-dasar yang kita kchendaki ialah seseorang atau satu-satu syarikat yang berkehendakkan atau berhajat untuk mengendalikan pelabuhan mestilah, pertamanya, mempunyai pengalaman, ada kemampuan dan kebolehan menjalankan operasi sesebuah pelabuhan, mempunyai cukup kewangan dan juga mempunyai upaya untuk mengendalikan dan

menambahkan lagi kargo-kargo ataupun penumpang-penumpang yang keluar masuk pelabuhan-pelabuhan kita. Di samping itu pihak yang memohon lesen juga mestilah mengikuti pelan ataupun rancangan penswastaaan yang sudah ditentukan oleh Suruhanjaya dan dipersetujui oleh Kerajaan.

Berkaitan dengan Pasal 11 (7) katanya tidak beranggungjawab akibainya nanti kepada orang ramai. Sebenarnya dalam peruntukan-peruntukan itu ada melindungi pekerja-pekerja, bahkan disyaratkan tidak ada seorang pegawai atau kakitangan pun yang mesti ditinggalkan atau dicicirkan. Semuanya mesti diambil bekerja dan pekerja-pekerja ini, seperti yang saya telah sebutkan tadi ialah tertakluk di bawah Akta Perbadanan Berkanun atau yang serupa dengannya. Jadi, kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu, pada pendapat saya, bolchlah dihapuskan sama sekali,

Ahli Yang Berhormat juga menyebutkan mengenai monopoli. Katanya, kalau ada monopoli, ianya serius dan akan menjejaskan kemajuan dan keberkesanan pengendalian pelabuhan. Ternyata penswastaaan yang pertama yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, iaitu KCT, nampaknya meningkat perusahaannya, kerja-kerjanya, dan tidak pun menjejaskan apa-apa juga pengendalian kontena di Klang Container Terminal.

Jadi, saya rasa itu sahajalah yang Ahli Yang Berhormat sebutkan. Cuma mengenai perkara yang Ahli Yang Berhormat sentuh berkenaan tragedi di Jeti Butlerworth, Kerajaan telah membuktikan bahawa Kerajaan tidak lari daripada tanggungjawab itu. Satu suruhanjaya telah ditubuhkan dan laporan suruhanjaya telah menentukan siapa yang bertanggungjawab dan tanggungjawab ini diterima dan dipikul oleh pihak yang berkenaan. Jadi, janganlah Ahli Yang Berhormat itu bimbang kerana kita memang mengambil berat perkara ini dan menggubal undang-undang ini untuk menjaga kepentingan semua pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Ahli-

ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatanlatasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pasal 16—

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Pasal 16, teks Bahasa Malaysia Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) 1989 yang sedang dibincangkan dalam Jawatankuasa ini dipinda seperti pindaan yang telah dicadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan kepada Pasal 16 ialah dengan memasukkan perkataan-perkataan "penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau" selepas sahaja perkataan "atau" di baris akhir dalam Pasal tersebut.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan Pasal 16 seperti yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan Pasal 16 yang berbunyi, "Masukkan perkataan-perkataan penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau selepas sahaja perkataan atau di baris akhir Pasal tersebut" hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Pasal 16 sebagaimana yang dipinda diperinlahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 22 diperinlahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pasal 23—

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 23 (3) dipinda dengan memasukkan perkataan "dipinda" selepas sahaja perkataan "adalah" di baris kedua fasal tersebut,

Pindaan ini adalah bertujuan melengkapkan dan menjelaskan lagi Pasal tersebut di samping menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan yang sama dalam teks bahasa Inggeris.

Pindaan ini adalah pindaan gubalan sahajadan pindaan ini tidak akan mengubah apa-apa dasar dan prinsip dan tidak pula berlawanan maksudnya dengan mana-mana Pasal lain dalam Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan Pasal 23 (3) yang berbunyi, "Masukkan perkataan dipinda selepas sahaja perkataan adalah di baris kedua Pasal tersebut" hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan diselujukan.

Pasal 23 sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperinlahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN KERAJAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga»

10.41 *mlm.*

Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akia untuk meminda Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah bertujuan untuk membolehkan pelaksanaan Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip atau SPSTS oleh Bank Negara Malaysia. SPSTS merupakan suatu sistem pengeluaran dan pindah-milik kertas-kertas Kerajaan tanpa skrip. Pelaksanaan sistem ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan pasaran kedua yang berkesan dan dinamik bagi kertas-kertas Kerajaan yang terdiri daripada sekuriti Kerajaan, bil Perbendaharaan, sijil petaburan dan juga bon cagar mas.

Faedah-faedah utama SPSTS ialah untuk mempertingkatkan kecekapan operasi urusan niaga dan pendaitaran kertas-kertas Kerajaan. Oleh itu kertas-kertas Kerajaan akan menjadi alat pelaburan yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem ini akan melibatkan pindaan terhadap empat Undang-undang yang sedia ada iaitu Ordinan Pinjaman Tempatan 1959, Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946, Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan juga Akta Pelaburan Kerajaan 1983.

Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1989 adalah bertujuan untuk membolehkan pelaburan Kerajaan diuruskan tanpa skrip selaras dengan

tatacara SPSTS yang hendak dilaksanakan ini. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Pasal 6 Rang Undang-undang ini melarang pemindahan pelaburan dilaksanakan mengikut apa-apa cara lain selain daripada tatacara yang ditetapkan di bawah SPSTS.

Pasal 7 dan 8 menjelaskan kaedah pembayaran dividen dan pembayaran balik pokok atas setiap pelaburan hendaklah dibuat secara catatan di dalam rekod Bank Negara.

Pasal 9 bclrujuan meminda Akta dengan memasukkan Seksyen-seksyen baru 9A hingga 9e. Seksyen 9A baru membuat peruntukan bagi mcmbcri kuasa kepada Bank Negara untuk membenarkan mana-mana institusi kewangan mcnjadi institusi pelaburan peserta. Seksyen 9s bam memberi kuasa kepada Bank Negara untuk membenarkan mana-mana institusi pelaburan peserta menjadi institusi pendeposit. Segala transaksi pindah-milik pelaburan oleh mana-mana orang yang bukan institusi petaburan peserta hendaklah dibuat melalui institusi p ndeposiu Seksyen 9c pula memperuniukkan tugas dan tanggungjawab sesuatu institusi pendeposit terhadap pelanggannya bcrhubung dengan penyenggaraan akaun, pengcluaran penyata bulanan statutory mengenai pelaburan tersebut dan bayaran dividen serta pembayaran balik pelaburan. Seksyen 9o memberi kuasa kepada Bank Ncgara untuk mendapatkan serta memeriksa penyata atau maklumat bcrhubung dengan mana-mana akaun buku aiau apa-apa rekod yang dikendalikan oleh sesebuah institusi pelaburan peserta. Seksyen 9E pula memperuntukkan supaya Bank Negara hendaklah merahsiakan segala maklumat yang dimilikinya kecuali dengan keizinan pelanggan itu sendiri.

Pasal 14 mcmpcruntukkan kemasukan scksyen baru 14 hingga 18 ke dalam Akta tersebut. Seksyen-seksyen baru ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelanggaran terhadap Akta, penalli baginya dan liabilili jenayah bagi institusi

terlibat serta Pengarah, pegawai dan pengawalnya. Sekiranya terdapat liabilili yang berbangkit daripada apa-apa keingkaran sesebuah institusi pelaburan peserta, institusi pelaburan utama atau institusi pendeposit, institusi terlibat hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tuntutan gantirugi pihak Kerajaan bersabit dengan liabilili tersebut.

Rang Undang-undang ini juga membuai peruntukan-peruntukan peralihan di mana semua sijil pelaburan Kerajaan semasa yang sedia ada hendaklah diserahkan dan diganlikan dengancatatan-catatandidalamrekodBank Negara sewajamya atau rekod institusi pendeposit yang menyenggarakan akaun mana-mana pelanggan.

Peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan yang berbangkit daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan. Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan ini akan mempeikemaskan pemndngan yang sedia ada selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan urusniagakertaskertas Kerajaan di bawah Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip.

Tuan Yang di-Pcrtua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatii Akta untuk meminda Akta Pelaburan Kcrajaan 1983 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

10.49 mlm.

Dr Tan S'ng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada orang yang lain yang berminat dalam perbincangan

ke atas Rang Undang-undang ini yang melibatkan kertas-kertas Kerajaan yang amaunnya kadangkala berbilion-bilion ringgil.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dengan Rang Undang-undang yang mempunyai implikasi yang begitu penting, saya berasa hairan juga kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bcrminat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita sudah tidak ada masa lagi, tolonglah. Kita ada tiga lagi Bil.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tiga lagi Bil itu ada serupa dengan Bil ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi kalau saya seorang sahaja yang membahas dalam Bil ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain serupa juga.

Dr Tan Seng Giaw:bermakna liga lagi tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Bcrhormat akan memakan masa berdpa panjang?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, mcmanng saya berharap dengan adanya keempat-empat Rang Undang-undang pada malam ini, kita dapat benar-benar memperkemaskan sistem perdagangan sekuriti tanpa skrip kerana sesuatu sistem ini kalau boleh dijalankan dengan betul dan berkesan akan membawa manfaat kepada negara.

Pasal 9, memasukkan seksyen baru 9A, 9u, 9c, 9o dan 9e selepas seksyen 9.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seksyen 9A (6) menegaskan bahawa rckod-rekod yang dislcnggarakan oleh

Bank Negara ke atas akaun sesuatu institusi pelaburan peserta hendaklah menjadi keterangan tunggal dan muktamad tentang kedudukan akaun itu, dan segala butir dan butir terperinci mengenainya, rekod-rekod ini hendaklah mengikat bank, institusi pclaburan peserta dan mana-mana orang lain yang mempunyai apa-apa kepentingan di dalamnya, Keadaan ini amatlah tidak memuaskan kerana ia bermakna sekiranya terdapat perbezaan dalam rekod di aniarabank dengan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan, rekod Bank Negara sahaja yang trcpakai dan sah di sisi undang-undang. Ini adalah sangat tidak memuaskan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat meneliti hal ini. Tindakan ini mungkin boleh mencegah sama ada pihak insiiiusi pelaburan peserta atau mana-mana yang lain yang mempunyai kepentingan daripada tipu-menipu di antara satu sama lain ataupun daripada menipu Bank Pusat, akan tetapi apakah bentuk perlindungan yang diperolehi oleh pihak institusi pelaburan peserta atau orang yang mempunyai kepentingan daripada tertipu oleh Bank Negara mcnerusi kelalaian kakitangan yang bertanggungjawab menyelenggarakan rekod-rekod berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sendiri bukan tidak tahu wang \$22 juta boleh dilesapkan dari Bank Negara tanpa diketahui oleh Gabenor sehingga beberapa bulan selepas itu. Dalam kes ini Kcrajaan boleh ditanggap bertuak kerana berjaya menangkap orang-orang yang terlibat tctapi adakah kita akan bertuak seperti ini pada kali yang kedua atau yang ketiga? Pada hemat kami DAP seharusnya pada penghujung setiap tahun kewangan ataupun akhir bulan, dokumen-dokumen menyokong urusan jualbeli dan dividen pelaburan di antara semua pihak yang mempunyai kepentingan haruslah disemak secara banding membandingi kemasukan dalam rekod Bank Negara dan setelah segala apa butir keciciran atau terlebih dimasukkan diselesaikan dengan

persetujuan semua pihak berkenaan, barulah rekod Bank Negara yang sudah dikemaskini ditanggap rekod tunggal dan muktamad. Langkah-langkah seperti ini adalah penting untuk memelihara kepentingan kedua-dua pihak.

Seksyen 9s(6) merujuk kepada pemindahan pelaburan dibuat dengan menyenaraikan prosedur yang hendak dipatuhi oleh institusi pendeposit. Apakah had jangkamasa yang diberi kepada institusi pendeposit di perenggan (a) dibuat hendaklah segera dikeluarkan dan had tempoh masa segera di dalam Pasal 8 yang merujuk kepada makluman segera kepada Bank Negara bila arnau dalam akaun yang disenggarakan oleh institusi pendeposit dengan bank terjejas? Perkaranya ini perlu didefinisikan dengan tepat dan jelas bagi mengelakkan pertikaian mengenai segera di antara pihak-pihak berlainan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 13 menggantikan seksyen 13 yang ada hubungan dengan catatan palsu dan sebagainya dalam buku-buku dokumen dan sebagainya.

Pasal 14 pula menjelaskan denda-denda yang boleh dikenakan apabila disabit kesalahan. Akan tetapi denda ini hanya menyebut tentang pihak institusi pelaburan utama, institusi pendeposit atau lain-lain orang tidak ada kena mengena dengan kelalaian di pihak Bank Negara.

Pasal 17 (1) pula berhubung dengan Kerajaan menanggung liabiliti bagi segala dividen dan pembayaran yang perlu dibuat kecuali apabila liabiliti berbangkitdaripadakeangaraninstitusi pendeposit. Soalnya ialah jika seksyen baru 9A (6) hanya mengiktiraf rekod Bank Negara sebagai yang tunggal dan muktamad, bagaimanakah:

- (1) kelalaian di pihak Bank Negara akan didenda seperti peruntukan Pasal 14;

- (2) kelalaian ini boleh dibuktikan jika hanya rekod Bank Negara diterima di sisi undang-undang;
- (3) menentukan liabiliti dalam seksyen baru 17(1) tanpa memujuk kepada rekod-rekod institusi pendeposit atau orang yang mempunyai kepentingan menentang rekod Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang telah saya bangkitkan ini adalah soalan-soalan pokok bagi mengendalikan sistem perdagangan, sekuriti tanpa skrip. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian untuk mempercayakan keadaan yang tidak betul supaya sistem tersebut dapat dikemaskinikan di dalam waktu yang sebenarnya untuk membolehkan sistem dijalankan dengan lancar dan berkesan dan memberi faedah kepada negara dan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab,

10.59mlm.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah membahas Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat yang pertama sekali membangkitkan Pasal 9 Rang Undang-undang ini. Walaupun keicrangan yang didapati daripada Bank Negara merupakan keterangan tunggal dan muktamad, namun ini tidak bererti bahawa keterangan yang didapati daripada institusi kewangan lain tidak boleh digunakan langsung sebagai keterangan juga. Oleh itu perkara ini tidaklah menjadi masalah.....

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta penjelasan.

Dato* Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Ya, sedikit sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, keterangan Bank Negara adalah tunggal dan muktamad, jadi keterangan pihak yang lain tidak diterima, walaupun boleh dipertimbangkan tetapi tidak diterima sebagai muktamad.

Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Ya, Tuan Yang di-Pertua, keterangan daripada institusi kewangan yang lain juga akan diambil kira dalam kita mengendalikan masalah ini seperti yang disebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan, keterangan dalam resit pemakluman statutori dan penyala bulanan statutori tidaklah dianggap sebagai utama dan muktamad sebab ianya akan diberi kepada pelanggan-pelanggan yang bukan merupakan institusi peserta dalam SPSTS. Oleh kerana jika ia diberi ini boleh melibatkan pemalsuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita akan kaji dan berikan perhatian seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Oleh sebab itu, sekian sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawaian-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.05 mlm.

Dato¹ Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Seperti yang telah saya terangkan di dalam Dewan yang mulia ini, semasa membentangkan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1989, Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu Sistem Pcdagangan Sekuriti Tanpa Skrip atau SPSTS. Pelaksanaan SPSTS ini akan juga melibatkan pindaan-pindaan terhadap Akta Bil Perbendaharaan Tempatan 1946. Ini adalah kerana di bawah sistem yang sedia ada Bil Perbendaharaan dikeluarkan secara pembawa atau bcarer basis di mana nama pemilik dicatatkan dalam Bil-bil tersebut dan pemindahan hakmilik dilaksanakan dengan pengdosan di bahagian belakang Bil tersebut. Oleh kerana itu Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 perlu dipinda untuk membolehkan bil-bil tersebut dikeluarkan dan diuruskan selaras dengan laticara SPSTS.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1989 melalui Pasal 3 membolehkan pengeluaran bil-bil Perbendaharaan dibuat melalui catatan-

catatan di dalam Rekod Bank Negara dan bukan dalam bentuk skrip. Pasal 4 membolehkan Bil Perbendaharaan di bawah sistem baru ini dikeluarkan bagi apa-apa amount dan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Fasal-fasal 5 hingga 17 dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan-peruntukan yang perlu untuk melaksanakan SPSTS. Pindaan ini adalah serupa dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1989 yang telah pun dibentangkan dalam Dewan ini.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini akan mewujudkan perundangan yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan pinjaman Kerajaan di bawah Sistem Perdagangan (Sekuriti Tanpa Skrip).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya terbuka untuk dibahas.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga

II. OSmlm.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman Tempatan (Tempatan) 1959 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan satu perundangan yang lebih kemas dan menyeluruh bagi urusan pinjaman Kerajaan di bawah Sistem Perdagangan Sekuriti Tanpa Skrip atau SPSTS bagi sekuriti-sekuriti Kerajaan. Di bawah sistem yang sedia ada pengeluaran security Kerajaan dibuat secara pendaftaran dan pemindahan hak menerima bayaran pokok dan faedah dan faedah dilaksanakan dengan memenuhi borang-borang pemindahan. Untuk melaksanakan SPSTS, beberapa pindaan serta peruntukan baru dibuat terhadap Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 1989 melalui Pasal 6 bertujuan membolehkan Bank Negara mengeluarkan saham-saham di atas terma, dan syarat tertentu sebagaimana yang dipersetujui oleh Menteri Kewangan dan saham tersebut hendaklah dikeluarkan secara catatan di dalam rekod-rekod Bank Negara.

Pasal 8 pula memasukkan seksyen-seksyen baru SA hingga SE yang merupakan peruntukan-peruntukan yang perlu untuk melaksanakan SPSTS.

Pindaan-pindaan ini adalah scrupa dngan pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1989 yang telah pun dibcniangkan dalam Dewan ini.

Pasal 12 mengeluarkan seksyen 15 yang sedia ada, yang menghendaki supaya saham dihantarkan untuk pembatalan getelah pembayaran pokok dibuat.

Pasal 14 memasukkan scksyen baru 17 hingga 22 untukmembuat peruntukan bagi perkara-perkara yang sama untuk pelaksanaan SPSTS scperti yang diterangkan semasa mcmbentangkan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 1989 dalam Dewan ini. Peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan-peruntukan yang berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan MenteriBuruh (Dato' K Pathrnanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta unruk mcinda Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959 dan untuk membuat pruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan aiau berkaitan dngannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kcdua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bcrsidang scbagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *metn-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau bcrkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu perundangan yang lebih jelas dan menyeluruh bagi urusan Bank Negara Malaysia.

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1989 memasukkan pindaan-pindaan seperti berikut:

Pasal 2 Rang Undang-undang membuat peruntukan baru bagi memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengambil langkah sesuai untuk menarik balik daripada edaran syilling dan wang kerlas dan untuk memusnahkan, menguruskan dan melupuskan matawang tersebut.

Pasal 3 membuat peruntukan bagi melanjutkan tempoh kematangan bil-bil Perbendaharaan negara-negara asing yang boleh dimasukkan ke dalam rizab aset luar negeri Bank Negara daripada 93 hari kepada satu tahun.

Pasal 4 membuat pindaan berbangkit bagi membolehkan Bank Negara

membeli, menjual dengan diskaun dan memberi balik dengan diskaun bil-bil Perbendaharaan negara-negara asing yang mempunyai tempoh kemalangan satu tahun dari tarikh pembelian,

Pasal 4 (b) memberi kuasa kepada Bank Negara dengan kelulusan Menteri Kewangan untuk bertanggungjawab bagi pengeluaran dan pengurusan born cagarnas serta pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan secara awam oleh mana-mana Perbadanan lain yang ditubuhkan bagi menggalakkan pembangunan pasaran wang atau sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menengguhkan Majlis, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga segala pegawai-pegawai Parlimen yang menunggu sampai jam ini untuk menghabiskan segala urusan-urusan mesyuarat.

Saya juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah pun memberi kerjasama dengan orang-orang yang duduk di atas Kerusi ini sehingga dapat menghabiskan urusan-urusan mesyuarat,

Saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian balik ke rumah masing-masing dan berjumpa kepada anak isteri yang selama daripada bulan Oktober sampai sekarang, saya tidak tahu, tetapi ada yang balik tiap-tiap minggu pun ada (*Ketawa*) dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di dalam sihat walafiat dan diberkati oleh Allah dalam segala urusan. (*Tepuk*)

Majlis ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.21 malam.